

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pembelajaran bahasa asing merupakan suatu alat yang dapat menjalinkan komunikasi di antara dua pihak yang mempunyai latar belakang bahasa yang berbeza. Bahasa memainkan peranan yang penting dalam komunikasi masyarakat. Penggunaan bahasa asing dapat memberi keutamaan dan kelebihan kepada kita supaya menunjukkan hubungan rapat kami dengan orang lain. Kini pembelajaran bahasa asing amat digalakkan dalam perkembangan globalisasi.

Pembelajaran Bahasa Cina (BC) sebagai bahasa asing semakin popular di seluruh dunia sejajar dengan pembangunan ekonomi negara China. Maka pembelajaran BC sebagai bahasa asing semakin digalakkan dalam kalangan masyarakat. Wakil Asia timur dari Pejabat Majlis Antarabangsa Bahasa Cina (*Hanban*), Kong Li Juan mengatakan bahawa setakat hari ini bilangan warga asing yang mempelajari BC melebihi lima puluh juta orang (*Sin Chew Daily*, 18 Disember 2010).

Bekas Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Abudullah Badawi juga telah membentangkan usul Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006-2010 yang menyatakan bahawa mata pelajaran BC dan Bahasa Tamil sebagai mata pelajaran elektif akan diperkenalkan di semua sekolah kebangsaan untuk meningkatkan kualiti sekolah kebangsaan. Di samping itu, beliau juga mengatakan bahawa Institut Pengajian Tinggi dikehendaki menawarkan bahasa asing seperti BC, Bahasa Tamil, Bahasa Arab dan lain-lain untuk menggalakkan pelajar-pelajar menguasai pelbagai bahasa supaya mereka dapat bersaing di dalam pasaran global (Jabatan Perdana Menteri, 2006: 267-270). Kini BC merupakan bahasa yang popular diperkenalkan sebagai kursus elektif bahasa asing di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) untuk melahirkan graduan yang berdaya

saing dan memenuhi kehendak industri masa kini. Mahasiswa-mahasiswi juga diberi peluang mempelajari BC sebagai bahasa asing.

Dalam pembelajaran BC sebagai bahasa asing, didapati pelajar bukan natif menghadapi masalah dalam sebutan, kosa kata, tatabahasa dan sebagainya (Zhao, 2005: 470). Keadaan sebegini sering berlaku dalam kalangan pelajar Melayu di Universiti Malaysia Pahang (UMP). Terdapat kajian menyatakan bahawa masalah dalam pembelajaran bahasa asing wujud akibat faktor-faktor seperti faktor pemindahan bahasa ibunda, motivasi pembelajaran, sikap pembelajaran, masa pembelajaran, faktor minat, faktor persekitaran dan kaedah pengajaran (Cheun *et al.*, 2009; Lee, 2007; Tan, 2005). Faktor-faktor seperti ini menyebabkan pelajar bukan natif mengalami kesukaran dalam pemerolehan bahasa kedua. Sehubungan dengan itu, kajian ini mengemukakan analisis pembentukan frasa nombor BC dalam kalangan pelajar Melayu di UMP serta hubungan kaitan faktor-faktor pengaruh ke atas pelajar-pelajar Melayu dalam pembelajaran frasa nombor BC.

1.2 Latar Belakang Kajian

Didapati pembelajaran BC sebagai bahasa asing semakin digalakkan di seluruh dunia. Hal ini dapat ditunjukkan dengan Institut Konfucius (Institut Bahasa Cina yang dibangunkan oleh negara China) yang telah dibangunkan di 96 negara (Hanban, 2010: 12) seperti ditunjukkan di dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1
Bilangan Institut Konfucius dan kelas Konfucius di seluruh dunia

Benua	Negara (buah)	Institut Konfucius & kelas Konfucius (buah)
Asia	31	112
Eropah	31	187
Afrika	19	27
Amerika	13	342
Australia	2	23
JUMLAH	96	691

Menurut Hoe (2012: 43), pengajaran dan pembelajaran BC sebagai bahasa asing di Malaysia bermula pada abad yang ke-16 sehingga abad yang ke-21. Sejarah BC sebagai bahasa asing di Malaysia boleh dibahagikan kepada tiga peringkat, iaitu sebelum Merdeka, selepas Merdeka dan abad yang ke-21. Pada abad yang ke-16, pengajaran dan pembelajaran BC sebagai bahasa asing wujud ketika Portugis menjajah Melaka dan British menjajah Malaya pada abad yang ke-19 dan ke-20. Pada tahun 60-an dan 70-an, didapati masyarakat yang mempelajari BC sebagai bahasa asing dengan tujuan menjalin hubungan dengan masyarakat Cina demi mendapat keuntungan dalam bidang perdagangan. Kerajaan Malaysia telah melaksanakan sukatan mata pelajaran BC pada tahun 80-an. Sehingga tahun 90-an, ekonomi negara China berkembang dengan pantas, pelajar bukan natif menunjukkan minat dalam pembelajaran BC sebagai bahasa asing. Pada abad yang ke-21, ekonomi negara China semakin meningkat dan pembelajaran BC sebagai bahasa asing menjadi satu trend. Didapati *Hanban* dan Institut Konfucius membangunkan BC sebagai bahasa asing di Malaysia dan juga menghantar guru bahasa bagi memperkenalkan BC dalam kalangan masyarakat yang bukan natif.

Pembelajaran BC juga semakin popular di Malaysia pada peringkat sekolah rendah, sekolah menengah hingga ke Universiti. Pada peringkat sekolah rendah, didapati seramai lapan puluh ribu orang pelajar bukan keturunan Cina mempelajari BC di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Sin Chew Daily, 28 Mei 2012). Berdasarkan Pekeliling Ikhtisas Bilangan 9/2006, sebanyak 150 buah sekolah kebangsaan dikehendaki melaksanakan mata pelajaran BC sebagai bahasa tambahan kepada pelajar Melayu. Berdasarkan informasi yang dibekalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, didapati sebanyak 24 buah sekolah berasrama penuh menawarkan kursus BC kepada pelajar Melayu pada peringkat sekolah menengah.

Mengikut laman web di semua IPTA di Malaysia, didapati sebanyak 20 buah IPTA telah menawarkan kursus BC sebagai bahasa asing di peringkat Universiti, iaitu

Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Darul Iman Malaysia (UDM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Berdasarkan polisi akademik UMP, semua pelajar di UMP dikehendaki mempelajari kursus bahasa asing (dua jam kredit) sebagai kursus Universiti. Setiap kursus bahasa asing ditawarkan dengan satu jam kredit sahaja. Pelajar-pelajar boleh memilih dua bahasa asing yang berbeza atau mempelajari satu bahasa asing pada dua peringkat, iaitu peringkat permulaan (*Beginners*) dan peringkat pertengahan (*Intermediate*). Bahasa asing yang ditawarkan di Jabatan Bahasa Asing, Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK), UMP adalah BC, Bahasa Jepun, Bahasa Arab, Bahasa Sepanyol dan Bahasa Jerman. Kursus BC merangkumi dua tahap, iaitu *Mandarin For Beginners* dan *Mandarin For Intermediate*.

Kursus BC ditawarkan kepada semua fakulti di UMP bagi program pengajian Ijazah Sarjana Muda. Menurut catatan rekod pendaftaran kursus BC di UMP, seramai 720 orang pelajar secara purata mendaftar kursus BC sebagai bahasa asing pada setiap tahun. Dalam kalangan pelajar yang mendaftar kursus BC, majoriti adalah terdiri daripada pelajar Melayu. Pelajar-pelajar Melayu mempelajari BC dalam sistem *Hanyu Pinyin*, iaitu sistem fonetik BC. Disebabkan kursus BC merupakan kursus yang mempunyai 1 jam kredit sahaja, pelajar hanya mengikuti kursus ini selama 28 jam

dalam satu semester, ataupun 2 jam setiap minggu sepanjang tempoh semester (empat belas minggu). Oleh itu, pembelajaran BC dengan *Hanyu Pinyin* secara teori dapat membantu pelajar-pelajar bukan natif dalam penguasaan kemahiran pertuturan BC dengan cepat. Sepanjang semester pembelajaran, ujian lisan, ujian membaca, ujian mendengar dan ujian menulis dijalankan dalam waktu kelas. Maka masa pembelajaran Bahasa Mandarin dalam kelas kurang daripada 28 jam sepanjang tempoh semester.

Pelajar-pelajar yang memilih BC sebagai bahasa asing mengikuti kursus *Mandarin For Beginners* terlebih dahulu. Kemudian mereka boleh memilih kursus *Mandarin For Intermediate* sebagai jam kredit yang kedua bagi kursus elektif bahasa asing. Jadual 1.2 merupakan kandungan kursus *Mandarin For Beginners* di UMP (Chong, 2007: vii). Kandungan kursus *Mandarin For Beginners* merangkumi kata-kata ucapan, angka, tarikh, masa, harga, ahli keluarga, aktiviti-aktiviti seharian dan lain-lain. Antara sepuluh topik dalam kursus *Mandarin For Beginners*, terdapat tiga topik yang berkaitan dengan nombor, iaitu topik tarikh, masa dan harga.

Jadual 1.2
Kandungan Kursus *Mandarin For Beginners*, UMP

CONTENTS	
Lesson 1	How do you do
Lesson 2	What is this
Lesson 3	What day is it today
Lesson 4	What is the time now
Lesson 5	What do you want to buy
Lesson 6	Who else are there in your family
Lesson 7	Watching Television
Lesson 8	Today's Weather
Lesson 9	Making a Telephone Call
Lesson 10	Making a Visit

1.3 Pernyataan Masalah

Satu fenomena yang biasa berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran BC sebagai bahasa asing dalam kalangan pelajar Melayu adalah pemindahan bahasa ibunda. Daripada ujian pertengahan yang telah diberikan kepada pelajar-pelajar Melayu yang mengikuti kursus *Mandarin For Beginner*, pencapaian pelajar-pelajar Melayu lemah dalam topik tarikh, masa dan harga dalam BC. Didapati fenomena pemindahan bahasa ibunda ini berlaku dalam jawapan ujian pertengahan pelajar-pelajar Melayu. Lakaran ini menggambarkan fenomena kelemahan pelajar-pelajar Melayu dalam penguasaan frasa nombor.

Menurut Selinker (Feng, 1999: 75), fenomena pemindahan bahasa ibunda merupakan suatu fenomena *interlanguage* bagi penutur bahasa asing sebelum menguasai sesuatu bahasa tersebut. Unjuran daripada fakta dan kenyataan di atas, satu interpretasi dilakukan bahawa kelemahan pelajar-pelajar Melayu UMP dalam penguasaan frasa nombor mungkin disebabkan sistem linguistik bahasa ibunda pelajar-pelajar Melayu yang berbeza dengan BC yang dipelajari sebagai bahasa asing. Bahasa ibunda pelajar-pelajar Melayu mungkin mempengaruhi mereka dalam pembelajaran BC sebagai bahasa asing.

Penemuan dari latihan pelajar yang lepas menunjukkan bahawa pelajar-pelajar Melayu mengalami kesukaran dalam pembentukan frasa tarikh dalam BC. Perbezaan struktur frasa tarikh di antara BC dan BM bagi 1 Januari 2011 adalah seperti Jadual 1.3.

Jadual 1.3
Perbezaan struktur frasa tarikh dalam BC dan BM

		Tahun	Bulan	Haribulan	Bulan	Tahun
BC	Hanzi	二零一一年	一月	一号		
	Hanyu Pinyin	èr líng yī yī ni ǎn	yī yuè	yī hào		
	Makna	dua kosong satu satu tahun	satu bulan	satu haribulan		
BM				satu haribulan	bulan satu	tahun dua ribu sebelas

Struktur frasa tarikh dalam BC adalah mengikut urutan tahun + bulan + haribulan (Chong, 2007: 17), tetapi struktur frasa tarikh dalam BM adalah berdasarkan urutan haribulan + bulan + tahun. Ini menunjukkan struktur frasa tarikh adalah berbeza antara BC dan BM.

Sesetengah pelajar Melayu dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE), seksyen E11BB hingga E14BB pada sesi 2010/2011, semester 2 telah memberi jawapan BC dalam latihan seperti Jadual 1.4.

Jadual 1.4
Struktur frasa tarikh dalam BC yang salah dijawab oleh pelajar Melayu

		Haribulan	Bulan	Tahun
BC	Hanzi	一号	一月	二零一一年
	Hanyu Pinyin	yī hào	yī yuè	èr líng yī yī nián
	Makna	satu haribulan	satu bulan	dua kosong satu satu tahun

Didapati pelajar Melayu membentuk frasa tarikh dalam BC dengan struktur BM, iaitu haribulan + bulan + tahun. Sehubungan itu, perbezaan struktur frasa nombor dalam BC dan BM boleh mengakibatkan pelajar-pelajar Melayu mengalami kesukaran dalam pembelajaran BC sebagai bahasa asing.

Daripada pemerhatian awal, kebanyakan pelajar Melayu tidak dapat membezakan sebutan BC yang hampir sama. Latihan pelajar Melayu menunjukkan mereka keliru dengan penggunaan angka 四[sì] yang bermaksud “empat” dan 十[shí] yang bermakna “sepuluh”. Contohnya, angka dalam BC yang betul dan jawapan pelajar adalah seperti Jadual 1.5.

Jadual 1.5
Angka dalam BC yang betul dan jawapan pelajar

Angka	Jawapan yang betul	Jawapan pelajar
14	十四 [sì shí]	四十四 [sì shí sì]
40	四十 [sì shí]	十四 [sì shí]

Berdasarkan jawapan yang dipetik dari latihan pelajar-pelajar Melayu dari FKKEE, seksyen E11BB hingga E14BB pada sesi 2010/2011, semester 2, jawapan yang diberikan bagi nombor 14 ditulis sebagai 四十 [sì shí] yang bermakna 40, manakala mereka memberi jawapan 十四 [shí sì] yang bermaksud 14 bagi nombor 40. Ini telah menunjukkan pelajar-pelajar Melayu keliru tentang sebutan BC yang hampir sama, iaitu 四 [sì] dan 十 [shí].

Selain itu, didapati pelajar-pelajar Melayu sukar membezakan angka 2 yang mempunyai dua sebutan dalam BC, iaitu 二 [èr] dan 两 [liǎng]. Perbezaan 二 [èr] dan 两 [liǎng] dalam topik nombor, masa dan harga dapat dilihat dari jadual 1.6.

Jadual 1.6
Perbezaan 二 [èr] dan 两 [liǎng] dalam topik nombor, masa dan harga

Topik	Soalan	二 [èr]	两 [liǎng]
Nombor	2891	(√) 二八九一 [èr bā jiǔ yī]	(X) 两八九一 [liǎng bā jiǔ yī]
Masa	2 pm	(X) 下午二点 [xiàwǔ èr diǎn]	(√) 下午两点 [xiàwǔ liǎng diǎn]
Harga	RM 2.30	(X) 二块三毛钱 [èr kuài sān máo qián]	(√) 两块三毛钱 [liǎng kuài sān máo qián]

Nombor plat kereta “2891” disebut sebagai 二八九一 [èr bā jiǔ yī] dalam BC, tetapi pelajar Melayu memberi jawapan yang salah, iaitu 两八九一 [liǎng bā jiǔ yī]. Sebaliknya, frasa masa “pukul dua petang” dalam BC adalah 两点 [liǎng diǎn], tetapi pelajar Melayu memberi jawapan sebagai 下午二点 [xiàwǔ èr diǎn]. Di samping itu, frasa harga “RM2.30” dalam BC adalah 两块三毛钱 [liǎng kuài sān máo qián], tetapi pelajar Melayu memberi jawapan 二块三毛钱 [èr kuài sān máo qián]. Pelajar-pelajar Melayu melakukan kesalahan dalam soalan yang melibatkan angka 2. Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan pelajar-pelajar Melayu keliru tentang penggunaan 二 [èr] dan 两 [liǎng] dalam pembentukan frasa nombor BC.

Daripada pemerhatian awal, didapati pelajar Melayu menggunakan tangan untuk mengira urutan bulan yang dinyatakan sebagai Januari, Februari, Mac dan seterusnya.

Satu interpretasi dilakukan bahawa pelajar Melayu tidak menguasai kosa kata bagi bulan. Didapati pelajar menggunakan bahasa pertuturan BM dalam kiraan bulan dengan “bulan + angka”. Misalnya, majoriti pelajar Melayu menyebut bulan November sebagai “bulan sebelas”. Maka didapati pelajar Melayu memberi jawapan yang tidak tepat bagi aspek “bulan” dalam latihan frasa tarikh dalam BC.

Juga tidak dapat dinafikan bahawa motivasi memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran BC sebagai bahasa asing. Menurut Lee (2007: 4-5), motivasi seseorang pelajar adalah bergantung kepada minat dan keperluan pelajar terhadap sesuatu bahasa. Pelajar-pelajar yang berminat dalam BC akan menunjukkan motivasi yang tinggi dalam pembelajaran BC. Adalah dispekulasikan bahawa motivasi pelajar-pelajar dalam pembelajaran BC adalah rendah kerana penilaian kursus BC diberikan pemarkahan tanpa gred, iaitu lulus atau gagal sahaja, maka pelajar-pelajar tidak belajar BC dengan bersungguh-sungguh. Ini disebabkan pelajar senang mendapat markah kelulusan 40% dalam ujian BC.

Seperti mana yang dinyatakan awal tadi, pelajar-pelajar hanya mengikuti kursus *Mandarin For Beginners* di UMP selama dua puluh lapan jam sahaja dalam satu semester. Oleh itu, pelajar-pelajar Melayu perlu menguasai frasa nombor BC dalam tempoh masa yang singkat. Maka tahap penguasaan frasa nombor BC adalah berbeza antara pelajar-pelajar Melayu. Ini disebabkan sesetengah pelajar perlu mengambil masa yang lebih panjang untuk memahami dan menguasai struktur frasa nombor BC.

1.4 Objektif Kajian dan Persoalan Kajian

Kajian ini meninjau dan menganalisis corak kesalahan pembentukan frasa nombor BC yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Melayu dalam topik tarikh, masa dan harga. Dalam proses pencapaian objektif kajian, persoalan kajian yang ditanya dalam kajian ini adalah:

- i. Apakah corak kesalahan pembentukan frasa nombor BC yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Melayu dalam topik tarikh, masa dan harga? (Bab 4)
- ii. Apakah frekuensi corak pembentukan frasa nombor BC yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Melayu dalam topik tarikh, masa dan harga? (Bab 4)
- iii. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar Melayu dalam mempelajari frasa nombor BC? (Bab 5)
- iv. Apakah hubungkait antara prestasi responden dalam ujian dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar Melayu dalam pembelajaran frasa nombor BC? (Bab 5)

Bagi persoalan yang pertama, jawapan yang salah dalam pembentukan frasa nombor BC yang dijawab oleh pelajar-pelajar Melayu dianalisis berdasarkan tatabahasa BC. Kemudian corak kesalahan pembentukan frasa nombor BC dikategorikan untuk mengenalpastikan jenis corak kesalahan pembentukan frasa nombor BC yang dilakukan responden. Persoalan yang kedua ditanya untuk mengira frekuensi mengikut kategori corak pembentukan frasa nombor BC dalam topik tarikh, masa dan harga. Bagi persoalan yang ketiga, soal soal selidik dan temubual dilakukan untuk mengenalpastikan faktor-faktor pengaruh dalam pembelajaran frasa nombor BC. Persoalan yang keempat adalah untuk mengenalpastikan hubungan antara faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar Melayu dalam pembelajaran frasa nombor BC.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan kerana penggunaan nombor adalah penting dalam komunikasi harian. Kehidupan kita tidak dapat dielakkan dari penggunaan nombor seperti nombor kad pengenalan, nombor pekerja, nombor matrik pelajar, nombor passport, nombor telefon, plat nombor kenderaan, alamat rumah, poskod negeri dan lain-lain (Su, 2007: 15). Frasa nombor sentiasa terlibat di dalam komunikasi sosial harian seperti perbualan berkenaan umur, tarikh, masa dan sebagainya (Zhou, 1998: 115). Kehidupan harian seseorang pelajar amat berkaitan dengan frasa nombor seperti tarikh, masa dan harga seperti nombor matrik pelajar, waktu kelas, tarikh peperiksaan, harga buku rujukan dan sebagainya.

Zhou (1998: 113-114) juga mengatakan bahawa pembelajaran bahasa asing haruslah berdasarkan topik kursus yang melibatkan perbualan dalam komunikasi sosial seperti tanya khabar, panggilan nama, nombor, masa, kata arah, warna dan lain-lain. Ini menyatakan bahawa frasa nombor merupakan topik asas dalam pembelajaran bahasa asing. Jika pelajar-pelajar Melayu tidak menguasai frasa nombor BC, maka prestasi mereka dalam kursus BC akan terjejas dan seterusnya mempengaruhi prestasi mereka dalam pembelajaran BC di *Mandarin For Intermediate*.

Dari segi penyelidikan, didapati banyak kajian dilakukan mengenai BC sebagai bahasa asing dalam bidang fonetik, morfologi dan sintaksis. Namun begitu, kebanyakan kajian lepas memasukkan frasa nombor BC dalam analisis sintaksis dan masih belum dapat kajian yang khas mengkaji frasa nombor BC. Maka kajian ini dilakukan adalah penting untuk mengesan corak struktur pembentukan frasa nombor BC dalam kalangan pelajar Melayu.

Kajian ini dijalankan dengan harapan bahawa hasil kajian dapat membantu pelajar-pelajar Melayu dalam pembelajaran BC sebagai bahasa asing. Di samping itu, diharapkan hasil kajian dapat membantu pensyarah BC mengenalpasti corak

pembentukan frasa nombor BC yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Melayu. Seterusnya, kecenderungan pelajar-pelajar Melayu dapat ditunjukkan dalam analisis frekuensi. Sehubungan itu, faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar Melayu dalam pembelajaran frasa nombor BC dapat dikesan. Hasil kajian akan menggambarkan hubungan antara faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar Melayu dengan prestasi mereka dalam pembelajaran frasa nombor BC.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Seksyen ini memberikan definisi BC, BC sebagai bahasa asing dan frasa nombor BC dalam Seksyen 2.2. Kemudian teori pemerolehan bahasa kedua dinyatakan dalam Seksyen 2.3. Seterusnya, Seksyen 2.4 menerangkan literatur tentang frasa nombor BC. Di samping itu, kajian lepas yang berkaitan dengan angka dinyatakan dalam Seksyen 2.5. Kemudian Seksyen 2.6 menerang faktor-faktor pengaruh dalam pembelajaran bahasa asing. Kerangka model struktur pembentukan frasa nombor BC (Seksyen 2.7) dan kerangka model struktur pembentukan frasa nombor BM (Seksyen 2.8) juga diterangkan. Akhirnya, struktur pembentukan frasa nombor di antara BC dengan BM akan dibandingkan di dalam Seksyen 2.9.

2.2 Definisi

Perbincangan seksyen ini menerangkan tiga definisi, iaitu BC, BC sebagai bahasa asing dan frasa nombor BC.

2.2.1 Bahasa Cina

Bahasa Cina ialah bahasa umum yang digunakan oleh orang Cina. BC adalah berdasarkan fonetik Beijing sebagai piawaian fonetik, dialek Beijing sebagai asas dialek, model karya bahasa dalam pertuturan sebagai lingkungan sintaksis. Terdapat pelbagai istilah digunakan bagi konsep BC. 普通话[Pǔtōnghuà] merupakan istilah yang digunakan oleh negara China, manakala BC dikenali sebagai 国语[Guóyǔ] di Hong Kong dan Taiwan. Di samping itu, Malaysia dan Singapura menamakan BC sebagai 华语[Huáyǔ], tetapi istilah 汉语[Hànyǔ] digunakan di peringkat antarabangsa (Zhang & Liu, 2005: 21).

Di Malaysia, BC juga mempunyai dua istilah yang berlainan dalam Bahasa Melayu (BM), iaitu “Bahasa Mandarin” dan “Bahasa Cina”. Namun begitu, kedua-dua istilah bagi BC adalah merujuk kepada bahasa yang serupa. Kini Kementerian Pelajaran Malaysia telah menyelaraskan penggunaan “Bahasa Cina” dalam BM (Xiao, 2011: 3). Hal ini disebabkan istilah Bahasa Mandarin merupakan bahasa yang digunakan oleh pembesar suku Manchu pada Dinasti Qing. Orang umum menggelarkan pembesar suku Manchu sebagai *Mandaren* 满大人[mǎndàrén] yang bermaksud Pembesar Manchu. Boleh dikatakan Bahasa Mandarin merupakan bahasa rasmi pemerintahan 官话[guānhuà] pada masa itu (Zhang & Liu, 2005: 21). Kemudian perkataan *Mandaren* berevolusi menjadi Mandarin.

2.2.2 Bahasa Cina Sebagai Bahasa Asing

BC sebagai bahasa asing (Chinese as a foreign Language) dinamakan sebagai 对外汉语 [duì wài hànǔ] atau BC sebagai bahasa kedua (*Chinese as a Second Language-CSL*) dinamakan sebagai 汉语作为第二语言 [hànyǔ zuòwéi dì'èr yǔyán]. BC sebagai bahasa asing bermaksud pembelajaran BC oleh penutur yang bukan natif dalam BC. BC sebagai bahasa asing mempunyai sejarah yang lama di negara barat. Namun begitu, pembelajaran BC sebagai bahasa asing di China hanya mempunyai lima puluh tahun sahaja (Zhao, 2009: 448). Sejak abad 80-an, BC sebagai bahasa asing telah memasuki peringkat perkembangan, terutamanya selepas tahun 1992, BC sebagai bahasa asing semakin popular di China. Akhirnya, BC sebagai bahasa asing menjadi subjek yang khusus dalam aliran linguistik terapan (Zhao, 2009: 456). Pada tahun 1984, BC sebagai bahasa asing dinamakan 对外汉语 [duì wài hànǔ] secara rasmi di negara China (Zhao, 2009: 449).

2.2.3 Frasa Nombor Bahasa Cina

Frasa ialah unsur yang terkecil dalam bidang sintaksis. Istilah tidak hanya mengambil bentuk satu-satu kata, tetapi juga mengambil bentuk frasa (Asmah, 2005: 67). Pendeta Za'ba menyebut frasa sebagai rangkaian kata (Abdullah & Ainon, 1994: 249). Binaan frasa dapat dibentuk daripada satu kata atau lebih (Abdullah, 2007: 160). Frasa nombor adalah pembentukan kata yang terdiri daripada angka dan kata lain (Fang, 2000: 54). Penggunaan kata bilangan wujud dalam pembentukan kata seperti MP3, MP4, 3D, 4R, H2O, F1 dan lain-lain. Leksis-leksis ini menggabungkan kata huruf dan angka menjadi frasa nombor. Terdapat sesetengah simpulan bahasa BC terdiri daripada angka dan kata. Misalnya, 一干二净 [yì gān èr jìng] (sangat bersih), 一字千金 [yì zì qiān jīn] (satu perkataan bernilai seribu emas), 一目十行 [yì mù shí háng] (pandang sekali baca sepuluh barisan ayat), 四通八达 [sì tōng bā dá] (kemudahan pengangkutan), 十全十美 [shí quán shí měi] (sempurna) dan lain-lain. Selain itu, terdapat kata-kata ucapan Tahun Baru Cina juga terdiri daripada frasa nombor. Contohnya, 一帆风顺 [yì fān fēng shùn] (berjalan lancar), 三羊开泰 [sān yáng kāi tài] (melambangkan bertuah), 四季平安 [sì jì píng ān] (aman sepanjang tahun), 五谷丰收 [wǔ gǔ fēng shōu] (bijirin berhasil banyak) dan sebagainya. Simpulan bahasa BC yang terdiri daripada angka dan kata merupakan frasa nombor yang tetap (Fang, 2000: 69), maka angka dalam simpulan bahasa tidak boleh diubah sesuka hati.

Namun begitu, frasa nombor BC biasanya berkaitan dengan topik tarikh, masa dan harga. “*Hanyu Shuci*” (*Chinese Numeral*) ialah frasa nombor BC yang sistematik dalam pengiraan nombor. Fungsi utama bagi frasa nombor adalah menunjukkan bilangan sesuatu benda. “*Hanyu Shuci*” terdiri daripada nilai tempat dan angka (Zhang, 2002: 291). Contohnya, angka 1357 adalah gabungan nilai tempat dan angka dan disebutkan sebagai 一千三百五十七 [yī qiān sān bǎi wǔ shí qī] (lihat Jadual 2.1). Angka-angka

BC digabungkan dengan nilai tempat dapat membentuk nombor yang tidak terhad dalam pembentukan nombor BC.

Jadual 2.1
Nombor BC terdiri daripada nilai tempat dan angka

Nilai tempat	Hanzi	千	百	十	个
	Hanyu Pinyin	qiān	bǎi	shí	Gè
	Makna	ribu	ratus	puluh	Sa
Angka		1	3	5	7

2.3 Teori Pemerolehan Bahasa Kedua

Pemerolehan bahasa kedua atau bahasa asing ialah bahasa yang dipelajari dan digunakan selepas pemerolehan bahasa pertama (Liu, 2006: 2). Contohnya, kaum Melayu mempelajari Bahasa Melayu (BM) sebagai bahasa pertama diikuti dengan pembelajaran Bahasa Inggeris (BI) di sekolah sebagai bahasa kedua. Selepas itu, mereka mempelajari BC sebagai bahasa ketiga apabila meneruskan pengajian mereka di Universiti. Oleh sebab pembelajaran bahasa pertama, kedua dan ketiga mempunyai banyak persamaan dari segi linguistik, biasanya kami tidak mengkategorikan bahasa selain bahasa pertama secara terperinci kepada bahasa ketiga. Sebaliknya, penggunaan istilah “bahasa kedua” digunakan untuk menggantikan bahasa ketiga, bahasa keempat dan seterusnya (Liu, 2000: 2). Biasanya pembelajaran bahasa kedua dilakukan melalui pendidikan yang formal dan mereka mempelajari bahasa secara sedar untuk pemerolehan bahasa kedua (Liu, 2006: 4). Pemerolehan bahasa kedua dapat dicapai dengan menguasai bahasa yang baru secara berkesan dalam tempoh masa yang singkat serta boleh menggunakan bahasa kedua untuk berkomunikasi (Liu, 2000:16).

2.4 Literatur Tentang Frasa Nombor BC

Didapati kekurangan literatur mengenai tatabahasa frasa nombor BC. Kemungkinan penerbit menganggap bahawa frasa nombor BC merupakan topik yang asas dan mudah, maka kekurangan buku tatabahasa menunjukkan struktur frasa nombor BC. Begitu juga dengan buku tatabahasa BM kurang menunjukkan struktur frasa nombor. Kekurangan literatur tentang frasa nombor juga berpunca daripada hasil kajian para ahli linguistik yang telah mengkategorikan nombor sebagai 数词[shùcí] yang bermakna kata nombor tetapi kurang mengkategorikan kata nombor dalam frasa nombor BC. Literatur yang mengkategorikan nombor sebagai kata nombor seperti 现代汉语语法[Xiàndài Hànyǔ Yǔfǎ] (Luo, 2003), 现代汉语通论[Xiàndài Hànyǔ Tōnglùn] (Shao, 2001) dan 新编现代汉语[Xīn Biān Xiàndài Hànyǔ] (Zhang, 2002). Literatur yang disenaraikan hanya menerangkan tatabahasa kata nombor BC dengan ringkas sahaja, iaitu dua hingga tiga muka surat sahaja dan jarang menerangkan frasa nombor dari segi linguistik. Namun begitu, didapati sebuah judul yang bertajuk 现代汉语实词[Xiàndài Hànyǔ Shící] (Fang, 2000: 54-82) menerangkan frasa nombor BC yang terdiri daripada kata nombor. Fang (2000) menjelaskan frasa nombor dari segi fungsi dan sintaksis.

Daripada rujukan yang didapati, hanya didapati sebuah buku rujukan yang ditulis mengenai angka BC sahaja, iaitu buku yang berjudul “汉语的数目字 [Hànyǔ de Shùmùzì] yang dikarang oleh Su Jin Zhi (2007). Judul tersebut menerangkan frasa nombor BC dari pelbagai aspek seperti perkembangan nombor BC, ciri-ciri nombor BC, budaya Cina dengan nombor, perbandingan struktur nombor BC dengan bahasa lain, kosa kata yang terdiri daripada nombor dan sebagainya. Namun begitu, struktur pembentukan frasa nombor berkenaan topik tarikh, masa dan harga hanya dinyatakan secara ringkas sahaja.

Selain itu, literatur yang mengenai tatabahasa frasa nombor juga boleh didapati dalam buku rujukan BC yang digunakan sebagai bahasa asing. Terdapat beberapa buah judul yang menyatakan tarikh, masa dan harga dalam topik yang khas seperti *Basic Chinese For Everyone* (Ang & Ooi, 2002), *Basic Chinese: A Grammar and Workbook* (Yip & Don, 1998), *Chinese: An Essential Grammar* (Yip & Don, 2006) dan *Colloquial Chinese: The Complete Course For Beginners* (Kan, 2007). Struktur pembentukan frasa nombor BC berkenaan topik tarikh, masa dan harga juga diterangkan dengan ringkas sahaja.

Boleh dikatakan model struktur pembentukan frasa nombor BC masih tidak lengkap dari segi analisis linguistik. Diharapkan kajian ini dapat melengkapkan teori struktur pembentukan frasa nombor BC supaya pengkaji dan pensyarah dapat merujuk frasa nombor BC dari segi linguistik.

2.5 Kajian Lepas Yang Berkaitan Dengan Angka

Seksyen ini membincangkan kajian lepas yang berkaitan dengan angka yang telah dikaji oleh penyelidik-penyelidik lepas. Sehingga hari ini, masih belum terdapat kajian mengenai pembelajaran frasa nombor BC dalam kalangan pelajar Melayu. Maka kajian yang berkaitan angka wujud dalam bidang morfologi, penterjemahan dan semantik dijelaskan.

Dari segi morfologi, terdapat leksis BC yang terdiri daripada angka seperti simpulan bahasa dan peribahasa. Wei (2009: 7) telah melakukan suatu kajian perbandingan di antara struktur simpulan bahasa yang terdiri daripada angka BC dan Bahasa Thai. Struktur simpulan BC dan Bahasa Thai berbeza sekali dari segi suku kata yang digunakan. Simpulan BC terdiri daripada empat suku kata, manakala Bahasa Thai tiada struktur yang seragam dalam pembentukan simpulan bahasa. Pembentukan simpulan bahasa Thai yang paling ringkas adalah dibina dengan dua suku kata sahaja,

manakala ada yang menggunakan enam belas suku kata untuk membentuk satu simpulan bahasa Thai (Wei, 2009: 15).

Di samping itu, Lee (2009: 1) juga menjalankan kajian mengenai kosa kata nombor dalam puisi klasik, simpulan bahasa dan peribahasa BC. Beliau telah menganalisis metafora nombor dalam puisi klasik, simpulan bahasa dan peribahasa BC. Misalnya, “Daulat Tuanku” dalam BC disebut sebagai “吾王万岁” [wú wáng wàn su] iaitu dalam penterjemahan secara langsung adalah “lanjutkan usia Tuanku berjuta-juta tahun”. Metafora nombor yang ditunjukkan di sini melambangkan usia Maharaja yang berkekalan secara abadi.

Selain itu, Zhang (2009: 1) telah menjalankan kajian tentang simpulan bahasa yang terdiri daripada angka BC dengan Bahasa Inggeris (BI). Kajian beliau menunjukkan frekuensi kata nombor yang wujud dalam simpulan BC lebih tinggi daripada simpulan BI. Di samping itu, tiga teknik penterjemahan simpulan bahasa yang mengandungi kata nombor ialah penterjemahan gabungan secara langsung dan penerangan, penterjemahan secara adaptasi dan penterjemahan secara penukaran. Misalnya, penterjemahan gabungan secara langsung dan penerangan adalah memperterjemahkan “三只手” [sān zhī shǒu] “tiga tangan” kepada BI “*three hands*” yang bermaksud pencuri. Konsep di sebalik penerangan ini adalah manusia hanya mempunyai dua tangan, dan tangan yang selebihnya menggambarkan perlakuan tangan panjang atau sinonim dengan perlakuan sebagai pencuri. Penterjemahan secara adaptasi adalah memperterjemahkan simpulan bahasa BC yang mempunyai makna yang sama dalam BI. Contohnya, simpulan BC 七零八乱 [qī lǐng bā luàn] yang bermakna “berselerak” boleh diadaptasikan ke simpulan BI yang sedia ada, iaitu “*at sixes and sevens*”. Penterjemahan secara penukaran pula berkonsepkan penterjemahan BC yang terdiri daripada angka kepada BI yang mempunyai erti dan maksud yang sama, akan tetapi struktur BI tersebut tidak mengandungi sebarang angka. Sebagai contoh, 不管三七二十一

[bù guǎn sān qī èr shí yī] “tidak mengambil kira tiga darab tujuh bersamaan dengan dua puluh satu” yang bermakna “tidak mempedulikan sebarang akibat” boleh diterjemahkan kepada BI “*casting all cautions to the wind*”.

Dari segi semantik, terdapat kosa kata nombor BC yang mempunyai makna budaya yang tersendiri. Makna budaya lexis “*Hanyu shuci*” menerangkan kosa kata BC yang terdiri daripada kosa kata nombor “satu” hingga nombor “sepuluh” (Chang, 2009: 192). Sebagai contohnya, Ang (2006: 30) telah mengkaji makna mesej sms yang menggunakan angka-angka dalam kalangan remaja Cina. Penggunaan angka dalam mesej sms membolehkan penghantar mesej sms menulis mesej teks dengan senang dan cepat jika dibandingkan tulisan Cina. Kajian tersebut menunjukkan bahawa golongan remaja memadankan bunyi angka dengan lexis BC. Misalnya, angka 745 disebut sebagai 七四五 [qī sì wǔ] dalam BC mewakili klausa 气死我 [qì sǐ wǒ] yang bermaksud “geramnya, hatiku”. Ang (2006: 76) merumuskan bahawa penggunaan angka dalam mesej sms menandakan satu perubahan dalam penggunaan lambang komunikasi manusia. Sungguhpun kajian mengenai penggunaan angka telah dijalankan di golongan remaja Cina, namun demikian kajian tentang pembelajaran frasa nombor BC dalam kalangan pelajar Melayu masih belum dijalankan.

Selain itu, terdapat kajian makna lexis yang terdiri daripada angka yang wujud dalam penggunaan kata singkatan dalam forum Internet pelajar BC (Lee, 2007: 92). Misalnya, angka 88 mewakili item leksikal “selamat tinggal” kerana sebutan angka 88 [bā bā] dalam BC similar dengan “*bye bye*” dalam BI. Penggunaan angka bagi mewakili leksikal BC digemari oleh pelajar-pelajar Cina dalam forum internet kerana ia menjimatkan masa dan wang (Lee, 2007: 96). Menurut Lee (2007: 104), kebanyakan pelajar sekolah menengah menerima kewujudan dan penggunaan angka sebagai pembaharuan dan perubahan BC. Namun begitu, didapati pelajar-pelajar yang

berpendapat bahawa penggunaan angka bagi mewakili leksikal BC telah mencemarkan ketulenan BC yang standard.

“*Hanyu shuci*” (*Chinese numeral*) mempunyai makna kebudayaan yang tersendiri dalam masyarakat Cina. Hal ini adalah kerana orang Cina mempercayai bahawa sesuatu nombor yang dianggap bertuah akan mengurniakan kebahagiaan dan kekayaan manakala nombor yang dianggap malang akan membawa kesusahan dan nasib malang kepada orang (Chang, 2009: 192). Kepercayaan sebegini adalah disebabkan sebutan angka BC melambangkan maksud tertentu dalam kebudayaan Cina. Misalnya, nombor 8 digemari oleh orang Cina kerana sebutan angka 8 similar dengan sebutan 发[fā] yang bermakna “kaya” dalam dialek Kantonis. Oleh demikian, orang Cina cenderung memilih nombor plat kereta, nombor rumah dan nombor telefon bimbit yang mempunyai nombor 8 dengan mengharapkan kekayaan dikurniakan setelah menggunakan nombor 8.

Secara keseluruhan, kajian yang berkaitan dengan angka telah dikajikan dalam bidang morfologi, penterjemahan dan semantik, tetapi masih belum mendapati kajian tentang frasa nombor BC. Maka kajian ini bertujuan melengkapkan kajian yang berkaitan angka BC dengan menjalankan kajian tentang pembentukan frasa nombor BC dalam kalangan pelajar Melayu.

2.6 Faktor-faktor Pengaruh Dalam Pembelajaran Bahasa Asing

Seksyen ini memberi tumpuan dan fokus kepada faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar bukan natif dalam pembelajaran bahasa asing yang telah dinyatakan oleh pengkaji-pengkaji lepas.

2.6.1 Pemindahan Bahasa Ibunda

Konsep pemindahan bahasa dikemukakan oleh Selinker (1972). Pemindahan bahasa ibunda tidak dapat dielakkan dalam pembelajaran bahasa kedua. Pemindahan bahasa ibunda membawa pengaruh yang positif dan negatif dalam pembelajaran bahasa kedua. Pemindahan bahasa ibunda yang positif dapat membantu pelajar dalam mempelajari bahasa kedua dengan cepat apabila terdapat persamaan antara bahasa ibunda dengan bahasa kedua, manakala pemindahan bahasa ibunda yang negatif menjadi gangguan pelajar dalam pembelajaran bahasa kedua sekiranya terdapat perbezaan antara bahasa ibunda dengan bahasa kedua. Pemindahan negatif adalah pengaruh negatif dari bahasa ibunda terhadap prestasi pelajar bukan natif (Lado, 1964). Pemindahan negatif adalah fenomena gangguan berasal dari bahasa ibunda yang mengakibatkan kesalahan dalam penggunaan bahasa kedua.

Biasanya, pemindahan bahasa ibunda yang negatif dapat dikesan melalui kesalahan pelajar dalam pembelajaran bahasa. Sekiranya pensyarah mempunyai pengetahuan asas tentang bahasa ibunda pelajar, ia dapat membantu pensyarah menganalisis kesilapan pelajar dan meningkatkan pengajaran dengan berkesan. Menurut Corder (1974) "*The Significance of Learner's Errors*" dalam Richards (1974), analisis corak kesalahan dapat membantu pensyarah memahami apa dan bagaimana seseorang pelajar mempelajari bahasa kedua. Secara tidak langsungnya, analisis corak kesalahan dapat memanfaatkan pengetahuan pensyarah bagi meningkatkan pedagogi supaya pelajar dapat belajar dengan berkesan.

Menurut Cheun *et al.* (2009: 111), pemindahan bahasa ibunda merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi pelajar Melayu dalam pembelajaran BC. Kajian Cheun *et al.* (2009:111) menunjukkan seramai 80% pensyarah berpendapat faktor utama yang menyebabkan pelajar Melayu melakukan kesilapan tatabahasa dalam urutan kata adalah faktor pemindahan bahasa ibunda. Kajian Lee (2007: 52) menunjukkan bahawa faktor pemindahan bahasa ibunda telah mengakibatkan pelajar Melayu bercenderung menggunakan pengetahuan dan pengalaman struktur bahasa ibunda untuk memindah bentuk bahasa ibunda kepada BC.

2.6.2 Motivasi

Motivasi adalah usaha pelajar dalam pembelajaran bahasa kedua hasil daripada kecenderungan, keperluan dan keinginan untuk mempelajarinya (Kamarul Shukri *et al.*, 2010: 58). Gardner (1985) menerangkan motivasi dalam formula, iaitu:

$$\text{Motivasi} = \text{Usaha} + \text{Keinginan untuk mencapai kejayaan} + \text{Sikap}$$

Motivasi (Petrides, 2006: 2) ialah satu fenomena yang rumit iaitu ia tidak boleh didefinisikan dengan satu teori semata-mata sahaja. Motivasi dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti insentif, tingkahlaku dan pencapaian. Mengikut Bruner (Mok, 2008: 17), motivasi diri dibahagikan kepada dua jenis, iaitu intrinsik ingin tahu dan dorongan mencapai kecekapan. Intrinsik ingin tahu dapat menimbulkan minat pembelajaran pelajar manakala dorongan untuk mencapai kecekapan dapat menggerakkan usaha pelajar untuk mencuba secara rela dalam sebarang aktiviti dengan menyempurnakannya sendiri serta dapat bersaing dengan orang lain (Mok, 2008: 17). Dalam teori pembelajaran bahasa asing, motivasi (Petrides, 2006: 2) dipengaruhi oleh dua faktor, iaitu keinginan pelajar dan sikap pembelajaran pelajar .

Motivasi dikenali sebagai kunci kejayaan dalam pembelajaran bahasa (Kamarul Shukri *et al.*, 2010: 58). Lee (2007: 4-5) menguatkan kenyataan di atas dengan menyatakan bahawa faktor motivasi telah mempengaruhi pelajar Melayu dalam pembelajaran BC. Ini kerana motivasi pembelajaran BC berbeza dalam kalangan pelajar Melayu. Beliau mengatakan bahawa jika seseorang pelajar mengambil kursus BC dengan tujuan memenuhi kehendak syarat akademik sahaja, maka motivasi pembelajaran pelajar adalah rendah kerana mereka hanya sekadar berharap untuk lulus dalam peperiksaan akhir semester. Sebaliknya, jika pelajar yang mempunyai minat yang tinggi dalam pembelajaran BC, maka mereka mempunyai motivasi yang tinggi. Nakanishi (2002) menyatakan bahawa pelajar akan mempunyai motivasi yang tinggi sekiranya mereka ingin mencapai sesuatu matlamat atau mereka ingin berkomunikasi dengan penutur dari negara bahasa tersebut.

2.6.3 Masa

Mengikut Leki (Richardson, 1992: 46), masa merupakan satu faktor yang penting dalam pembelajaran sesuatu bahasa yang baru. Kajian Cheun *et al.* (2009: 111) telah menunjukkan bahawa faktor masa merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi pelajar Melayu melakukan kesilapan tatabahasa BC dalam urutan kata. Kajian tersebut menyatakan seramai 40% pensyarah berpendapat bahawa pensyarah kekurangan masa dalam kelas untuk membetulkan kesalahan tatabahasa pelajar Melayu dalam pembelajaran BC. Faktor peruntukan masa juga merupakan pengaruh kepada pelajar Melayu dalam pembelajaran sintaksis BC (Lee, 2007: 186). Lee menyatakan bahawa masa pembelajaran kelas tidak mencukupi bagi merangkumi semua tatabahasa BC, maka pelajar Melayu kurang menguasai kesemua sintaksis BC.

2.6.4 Sikap

Ghazali *et al.* (2010: 17) menyatakan bahawa teori sosio pendidikan Gardner (1985) membahagikan sikap pelajar kepada tiga komponen asas, iaitu kognitif, afektif dan konatif. Kognitif merupakan kepercayaan seseorang terhadap bahasa, manakala afektif melibatkan reaksi secara emosi terhadap kepercayaan dan aspek konatif adalah penglibatan kelakuan terhadap kepercayaan tersebut. Mengikut Liu (2006: 50), sikap pelajar dalam pembelajaran dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu agresif, sederhana dan pasif. Pelajar yang mempunyai sikap agresif akan cepat sedar diri dan aktif dalam pembelajaran bahasa kedua. Kumpulan pelajar yang bersikap agresif juga menunjukkan minat yang sangat mendalam terhadap bahasa sasaran tersebut. Sikap pembelajaran sederhana pula adalah disebabkan faktor luaran yang mempengaruhi sikap seseorang. Pelajar yang mempunyai sikap sederhana hanya melaksanakan tugas yang diberikan, mereka kurang aktif dan tidak mengambil inisiatif dalam pembelajaran. Pelajar yang bersikap pasif dalam pembelajaran bahasa kedua adalah disebabkan tekanan luaran atau berasa dipaksa belajar bahasa asing tersebut, maka mereka tidak minat dalam pembelajaran atau menganggap pembelajaran bahasa asing sebagai sejenis beban. Seterusnya, mereka mengambil keputusan untuk berputus-asa dengan begitu sahaja.

2.6.5 Minat

Minat didefinisikan sebagai keinginan, kecenderungan kepada sesuatu. Seseorang yang berminat dalam perkara yang dipelajarinya dapat mencapai prestasi yang tinggi. Minat juga dianggap sebagai pembolehubah motivasi. Mengikut kenyataan Liu (2006: 19), minat dapat mendorong pelajar dalam pembelajaran BC sebagai bahasa asing, terutamanya dalam pembelajaran tulisan Cina. Pembelajaran akan menjadi lebih mudah sekiranya seseorang mempunyai minat terhadap perkara yang dipelajari (Mok, 2008:

16). Jika pelajar tiada minat yang dalam, maka mereka akan cepat putus asa kerana tulisan Cina dianggap sebagai susah diingat dan ditulis (Liu, 2006: 17).

2.6.6 Persekitaran

Persekitaran pembelajaran adalah amat penting dalam pembelajaran bahasa asing. Ini disebabkan pelajar memperoleh ilmu bahasa kedua dalam kelas seperti sebutan bahasa, kosa kata dan tatabahasa yang mudah. Tahap pembelajaran bergantung kepada pengajaran pensyarah. Sekiranya kekurangan persekitaran bahasa yang kondusif, pelajar tidak dapat mempratikkan bahasa sasaran dalam keadaan yang sebenar. Pelajar hanya dapat berlatih perbualan dalam kelas dan tidak dapat meningkatkan kemahiran komunikasi dengan bahasa sasaran (Liu, 2000: 182).

2.6.7 Pengajaran

Ghazali *et al.* (2010: 18) menyatakan bahawa guru perlu mengetahui dan menguasai teknik dan kaedah pengajaran bahasa supaya pelajar mudah menguasai bahasa. Guru perlu mempunyai daya kreativiti yang tinggi dan kualiti suara yang baik, dan menggunakan strategi pembelajaran yang sesuai dengan keperluan pelajar. Di samping itu, guru perlu menggunakan pelbagai kaedah pengajaran berdasarkan sikap pelajar, supaya pelajar dapat menonjolkan bakat dalam bahasa (Liu, 2006: 51). Kaedah pengajaran yang berbeza dapat menyampaikan strategi pembelajaran yang berlainan secara efektif dalam kalangan pelajar. Guru boleh memberikan tugas yang bersesuaian dengan sikap pelajar. Ini dapat menggalakkan pelajar dalam pembelajaran bahasa asing.

Walaupun pengkaji-pengkaji lepas pernah menyatakan faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar Melayu dalam pembelajaran BC sebagai bahasa asing, tetapi hubungan antara faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar Melayu dengan

prestasi mereka dalam pembelajaran frasa nombor BC masih belum dikaji dan terlepas pandang dalam aspek penyelidikan. Oleh itu, kajian ini dicadangkan dan dilakukan untuk meninjau faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pelajar Melayu dalam pembelajaran frasa nombor BC. Seterusnya, kajian ini dapat memberi ilustrasi dengan jelas hubungan antara prestasi pelajar dengan faktor-faktor pengaruh dalam pembelajaran BC.

2.7 Kerangka Model Struktur Frasa Nombor Bahasa Cina

Seksyen ini membincangkan model yang digunakan dalam menganalisis frasa nombor BC yang dijawab oleh responden dalam ujian. Struktur pembentukan frasa nombor BC meliputi topik angka, tarikh, masa dan harga. Data dalam kertas ujian akan dianalisis dengan menggunakan deskriptif tatabahasa yang dikemukakan oleh Fang (2000: 54-82) dan Su (2007) untuk menganalisis pembentukan frasa nombor BC dalam kalangan pelajar Melayu. Jawapan yang salah dalam pembentukan frasa nombor BC dikaji dalam kajian. Deskriptif tatabahasa digunakan untuk menerangkan struktur pembentukan frasa nombor BC secara deskriptif berdasarkan tatabahasa BC.

2.7.1 Struktur Pembentukan Angka Dalam Bahasa Cina

BC mempunyai nombor asas dari angka 0 hingga angka 10. Kemudian nombor yang seterusnya dibina secara bersistem dan berstruktur. Angka BC terdiri daripada dua komponen, iaitu angka dan nilai tempat (Fang, 2000: 55). Berdasarkan silibus *Mandarin For Beginners*, nombor yang diajar hanya sehingga nilai ribu sahaja. Maka struktur pembentukan nombor dalam BC dijelaskan dari nombor asas hingga nombor ribu. Jadual 2.2 menunjukkan nombor asas dalam BC dari angka 0 hingga angka 10.

Jadual 2.2
Nombor asas dalam BC

Angka	BC
0	零 [líng]
1	一 [yī]
2	二 [èr] / 两 [liǎng]
3	三 [sān]
4	四 [sì]
5	五 [wǔ]
6	六 [liù]
7	七 [qī]
8	八 [bā]
9	九 [jiǔ]
10	十 [shí]

Nombor asas dalam BC dari angka 0 hingga angka 10 hanya mempunyai satu kosa kata sahaja tetapi angka 2 mempunyai dua kosa kata dalam BC, iaitu 二[èr] dan 两[liǎng]. Walaupun kedua-dua kosa kata merujuk kepada angka yang sama, tetapi ia berbeza dalam penggunaan tatabahasa (Luo, 2003: 165). Biasanya kosa kata 二[èr] digunakan untuk kiraan nombor seperti nombor telefon, nombor kereta manakala kosa kata 两 [liǎng] digunakan bersama penjodoh bilangan (Yip, 2006: 16-17). Namun begitu, didapati bahawa penggunaan 二 [èr] dan 两 [liǎng] bagi pembentukan frasa tarikh, frasa masa dan frasa harga tidak dinyatakan dalam buku tatabahasa BC. Di samping itu, angka 0 hingga angka 10 merupakan nombor asas, maka tiada struktur pembentukan bagi nombor asas dalam BC.

Struktur pembentukan nombor belas dalam BC ialah “nilai tempat + angka” seperti Jadual 2.3. Contohnya, nombor “sebelas” disebut sebagai 十一 [shí yī], iaitu nilai tempat diikuti dengan angka (Fang, 2000: 54). Sistem formula matematik bagi pembentukan nombor belas dalam BC ialah “10+ x”. Maka angka 11 merupakan “10 + 1”, iaitu penambahan antara angka 10 dengan angka 1.

Jadual 2.3
Struktur pembentukan nombor belas dalam BC

Angka	Nilai tempat	Angka
11	shí 十	yī 一
Makna	sepuluh	satu

Pembentukan nombor dalam BC merupakan gabungan antara hasil pendaraban angka dengan setiap nilai tempat (Fang, 2000: 55). Struktur pembentukan nombor puluh dari angka 11 hingga angka 99 dalam BC dibentuk dengan sistematik, iaitu “nilai tempat puluh + nilai tempat sa” (Su, 2007: 31). Jadual 2.4 merupakan struktur pembentukan nombor puluh dalam BC. Contohnya, angka 21 disebut sebagai 二十一 [èr shí yī] dalam BC dan dibentuk dengan $(2 \times 10) + 1 = 21$, iaitu angka 2 didarabkan dengan nilai tempat puluh, kemudian ditambah dengan angka 1.

Jadual 2.4
Struktur pembentukan nombor puluh dalam BC

Nilai tempat BC	十 [sh í]	个 [g è]
Makna nilai tempat	puluh	sa
Angka	2	1
Sistem matematik BC	2×10	0
Nilai	20	1
Nombor perpuluhan BC	二十 [èr sh í]	一 [yī]

Struktur pembentukan nombor ratus dalam BC ialah hasil pendaraban angka dengan setiap nilai tempat (Fang, 2000: 55), iaitu $(\text{angka} \times \text{nilai tempat ratus}) + (\text{angka} \times \text{nilai tempat puluh}) + \text{nilai tempat sa}$ (Su, 2007: 33). Jadual 2.5 menunjukkan struktur pembentukan nombor ratus dalam BC. Contohnya, angka 123 disebut sebagai 一百二十三 [yī bǎi èr shí sān] dalam BC, iaitu $(1 \times 100) + (2 \times 10) + 3 = 123$.

Jadual 2.5
Struktur pembentukan nombor ratus dalam BC

Nilai tempat BC	百 [bǎi]	十 [shí]	个 [gè]
Makna nilai tempat	ratus	puluh	sa
Angka	1	2	3
Sistem matematik BC	1 x 100	2 x 10	3
Nilai	100	20	3
Nombor ratusan BC	一百 [yī bǎi]	二十 [èr shí]	三[sān]

Struktur pembentukan nombor ribu dalam BC ialah ialah hasil pendaraban angka dengan setiap nilai tempat (Fang, 2000: 55), iaitu (angka x nilai tempat ribu) + (angka x nilai tempat ratus) + (angka x nilai tempat puluh) + nilai tempat sa (Su, 2007: 33). Jadual 2.6 menunjukkan struktur pembentukan nombor ribu dalam BC. Misalnya, angka 1628 disebut sebagai 一千六百二十八 [yī qiān liù bǎi èr shí bā] dalam BC, iaitu (1 x1000) + (6 x100) + (2 x 10) + 8 = 1628.

Jadual 2.6
Struktur pembentukan nombor ribu dalam BC

Nilai tempat BC	千[qiān]	百 [bǎi]	十 [shí]	个 [gè]
Makna nilai tempat	Ribu	ratus	puluh	sa
Angka	1	6	2	8
Sistem matematik BC	1 x 1000	1 x 100	2 x 10	8
Nilai	1000	600	20	8
Nombor ribu BC	一千[yī qiān]	六百 [liù bǎi]	二十 [èr shí]	八[bā]

2.7.2 Struktur Pembentukan Frasa Tarikh Dalam Bahasa Cina

Struktur pembentukan frasa tarikh dalam BC terdiri daripada empat komponen, iaitu tahun, bulan, haribulan dan hari. Struktur pembentukan frasa tarikh dalam BC adalah berdasarkan urutan besar hingga kecil (Su, 2007: 43), iaitu “tahun + bulan + haribulan + hari” (Su, 2007: 34). Jadual 2.7 adalah struktur pembentukan frasa tarikh dalam BC. Contohnya, “3hb Februari 2011, hari Khamis” disebut sebagai 二零一一年 二月 三号 (星期四) [èr líng yī yī nián èr yuè sān hào (xīngqī sì)].

Jadual 2.7
Struktur pembentukan frasa tarikh dalam BC

	Tahun	Bulan	Haribulan	Hari
BC	èr líng yī yī nián 二零一一年	èr yuè 二月	sān hào 三号	xīngqī sì 星期四
Makna	2011 tahun	2 bulan	3 haribulan	hari Khamis

Struktur pembentukan frasa tarikh bagi tahun dalam BC ialah “angka + tahun” seperti di dalam Jadual 2.8. Contohnya, tahun 2011 disebut sebagai 二零一一年 [èr líng yī yī nián], iaitu pembentukan angka satu per satu dan tiada nilai tempat wujud dalam pembentukan frasa tarikh bagi tahun dalam BC.

Jadual 2.8
Struktur pembentukan frasa tarikh bagi tahun dalam BC

	Angka	Tahun
Tahun 2011	èr líng yī yī 二零一一	nián 年

Kosa kata “bulan” ialah 月 [yuè] dalam BC. Jadual 2.9 ialah sebutan 12 bulan dalam BC.

Jadual 2.9
12 bulan dalam BC

Bulan	
BM	BC
Januari	一月 [yī yuè]
Februari	二月 [èr yuè]
Mac	三月 [sān yuè]
April	四月 [sì yuè]
Mei	五月 [wǔ yuè]
Jun	六月 [liù yuè]
Julai	七月 [qī yuè]
Ogos	八月 [bā yuè]
September	九月 [jiǔ yuè]
Oktober	十月 [shí yuè]
November	十一月 [shí yī yuè]
Disember	十二月 [shí èr yuè]

Struktur pembentukan bulan Januari hingga Disember dalam BC ialah nombor satu hingga nombor dua belas diikuti dengan kosa kata 月[yuè], iaitu “angka + bulan” seperti ditunjukkan di dalam Jadual 2.10. Contohnya, bulan Februari disebut sebagai 二月[èr yuè] dalam BC, iaitu angka 2 wujud di depan dan diikuti dengan kosa kata 月[yuè].

Jadual 2.10
Struktur pembentukan frasa tarikh bagi bulan dalam BC

	Angka	Bulan
Februari	èr 二	yuè 月

Kosa kata “haribulan” ialah 号[hào] atau 日[rì] dalam BC. Kosa kata 号[hào] digunakan dalam format pertuturan BC manakala 日[rì] merupakan format penulisan BC (Yip, & Don, 1998: 55). Struktur pembentukan frasa tarikh bagi haribulan dalam BC ialah “angka + haribulan” seperti ditunjukkan di dalam Jadual 2.11. Contohnya, “tiga haribulan” disebut sebagai 三号[sān hào] dalam BC, iaitu angka 3 wujud di depan dan diikuti dengan kosa kata 号[hào].

Jadual 2.11
Struktur pembentukan frasa tarikh bagi haribulan dalam BC

	Angka	Haribulan
3 haribulan	sān 三	hào 号

Satu minggu mempunyai tujuh hari. Kosa kata “hari” dalam seminggu disebut sebagai 星期[xīngqī] dalam BC. Hari Isnin dikira sebagai hari pertama dalam minggu, maka hari Isnin disebut 星期一[xīngqī yī] dalam BC. Jadual 2.12 menunjukkan hari dalam seminggu dalam BC. Hari Isnin hingga hari Sabtu mempunyai satu sebutan sahaja dalam BC. Sebaliknya, hari Ahad mempunyai dua sebutan yang berbeza, iaitu 星期天[xīngqī tiān] atau 星期日[xīngqī rì].

Jadual 2.12
Hari dalam seminggu dalam BC

Hari dalam seminggu	
BC	Makna
星期一 [xīngqī yī]	Isnin
星期二 [xīngqī èr]	Selasa
星期三 [xīngqī sān]	Rabu
星期四 [xīngqī sì]	Khamis
星期五 [xīngqī wǔ]	Jumaat
星期六 [xīngqī liù]	Sabtu
星期天 [xīngqī tiān] / 星期日 [xīngqī rì]	Ahad

Struktur pembentukan frasa tarikh bagi hari dalam BC ialah “hari + angka” seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 2.13. Contohnya, hari Khamis disebut sebagai 星期四 [xīngqī sì] dalam BC, iaitu 星期[xīngqī] wujud di depan dan diikuti dengan angka 4 “四[sì]”. Struktur pembentukan frasa tarikh bagi hari Isnin hingga hari Sabtu dalam BC ialah “hari + angka”. Struktur pembentukan frasa tarikh bagi hari Ahad dalam BC ialah “hari+ kosa kata”.

Jadual 2.13
Struktur pembentukan frasa tarikh bagi hari dalam BC

	Hari	Angka
Khamis	xīngqī 星期	sì 四

2.7.3 Struktur Pembentukan Frasa Masa Dalam Bahasa Cina

Struktur pembentukan frasa masa dalam BC terdiri daripada tiga komponen, iaitu waktu masa, jam dan minit. Struktur pembentukan frasa masa dalam BC adalah berdasarkan urutan “waktu + jam + minit” (Su, 2007: 12). Jadual 2.14 adalah struktur pembentukan frasa masa dalam BC. Contohnya, 8:20 a.m. disebut sebagai 早上八点二十分 [zǎoshang bā diǎn èr shí fēn] dalam BC. Struktur pembentukan frasa masa dalam BC ialah angka wujud

di depan kosa kata “jam” dan “minit”, iaitu “waktu + angka + jam + angka + minit” (Su, 2007: 12).

Jadual 2.14
Struktur pembentukan frasa masa dalam BC

	Waktu	Jam	Minit
BC	zǎo shang 早 上	bā diǎn 八 点	èr shí fēn 二 十 分
Makna	Pagi	Pukul lapan	Dua puluh minit

Frasa masa dalam BC perlu menyatakan waktu masa, sama ada waktu pagi, tengahari, petang atau malam kerana frasa masa dalam BC tidak mempunyai “a.m.” atau “p.m.” seperti BI (Yip, & Don, 1998: 54). Oleh kerana sistem masa dua belas digunakan di Malaysia, maka waktu masa perlu dinyatakan untuk membezakan waktu pagi dan waktu malam. Waktu masa dalam BC adalah seperti ditunjukkan di dalam Jadual 2.15.

Jadual 2.15
Waktu masa dalam BC

Waktu	BC	Makna
a.m	早上 [zǎo shang]	Pagi
p.m	中午 [zhōngwǔ]	Tengahari
p.m	下午 [xiàwǔ]	Petang
p.m	晚上 [wǎn shang]	Malam

Di samping itu, 点 [diǎn] adalah merujuk kepada “jam” atau “pukul”. Struktur pembentukan frasa masa bagi jam dalam BC ialah “angka+ pukul” seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 2.16. Contohnya, pukul 8 disebut sebagai 八点[bā diǎn] dalam BC, iaitu angka 8 wujud di depan dan diikuti dengan kosa kata “pukul”.

Jadual 2.16
Struktur pembentukan frasa masa bagi jam dalam BC

	Angka	Pukul
BC	bā 八	diǎn 点

Seterusnya, 分[fēn] adalah merujuk kepada “minit”. Struktur pembentukan frasa masa bagi minit dalam BC ialah “angka + minit” seperti ditunjukkan di dalam Jadual 2.7. Misalnya, 20 minit disebut sebagai 二十分 [èr shí fēn] dalam BC, iaitu angka 20 wujud di depan dan diikuti dengan kosa kata “minit”.

Jadual 2.17
Struktur pembentukan frasa masa bagi minit dalam BC

	Angka	Minit
BC	èr shí 二十	fēn 分

Sebutan minit dalam BC dapat dilihat di dalam Jadual 2.18. Sekiranya angka kurang daripada sepuluh di bahagian minit, maka kosa kata 零[líng] yang bermakna kosong perlu ditambahkan sebelum angka yang wujud di bahagian minit. Misalnya, pukul 2.05 disebut sebagai 两点零五分 [liǎng diǎn líng wǔ fēn].

Jadual 2.18
Sebutan minit dalam BC

Masa	Pembentukan masa dalam BC
2:00	两点 liǎng diǎn
2:05	两点零五分 liǎng diǎn líng wǔ fēn
2:10	两点十分 liǎng diǎn shí fēn
2:15	两点十五分 liǎng diǎn shí wǔ fēn / 两点一刻 liǎng diǎn yí kè
2:20	两点二十分 liǎng diǎn èr shí fēn
2:30	两点三十分 liǎng diǎn sān shí fēn / 两点半 liǎng diǎn bàn
2:45	两点四十五分 liǎng diǎn sì shí wǔ fēn / 两点三刻 liǎng diǎn sān kè

2.7.4 Struktur Pembentukan Frasa Harga Dalam Bahasa Cina

Struktur pembentukan frasa harga dalam BC terdiri daripada tiga komponen, iaitu ringgit, puluh sen dan sen. Struktur pembentukan frasa harga dalam BC ialah “angka + ringgit + angka + puluh sen” seperti ditunjukkan di dalam Jadual 2.19. Contohnya, RM 7.30 disebut sebagai 七块三毛 [qī kuài sān máo] dalam BC, iaitu angka 7 “七[qī]” wujud di

depan kosa kata ringgit “块 [ku ài]”, kemudian angka 3 “三 [sān]” diikuti dengan kosa kata puluh sen “毛 [máo]”.

Jadual 2.19
Struktur pembentukan frasa harga dalam BC

	Angka	Ringgit	Angka	Puluh sen
BC	qī 七	kuài 块	sān 三	máo 毛
Makna	tujuh	ringgit	Tiga	puluh sen

Kosa kata “ringgit” disebut sebagai “块” [ku ài] dalam BC. Struktur pembentukan frasa harga bagi ringgit dalam BC ialah “angka + ringgit” (rujuk kepada Jadual 2.20). Misalnya, RM7.00 disebut sebagai 七块 [qī kuài] dalam BC, iaitu angka 7 wujud di depan dan diikuti dengan kosa kata 块 [ku ài].

Jadual 2.20
Struktur pembentukan frasa harga bagi ringgit dalam BC

	Angka	Ringgit
BC	qī 七	kuài 块
Makna	tujuh	ringgit

Kosa kata “puluh sen” disebut sebagai 毛[máo] dalam BC. Struktur pembentukan frasa harga bagi puluh sen dalam BC ialah “angka + puluh sen” (rujuk kepada Jadual 2.21). Misalnya, RM 0.30 disebut sebagai 三毛 [sān máo] dalam BC, iaitu angka 3 wujud di depan dan diikuti dengan kosa kata 毛 [máo].

Jadual 2.21
Struktur pembentukan frasa harga bagi puluh sen dalam BC

	Angka	Puluh sen
BC	sān 三	máo 毛
Makna	tiga	puluh sen

Perkataan “sen” disebut sebagai 分[fēn] dalam BC. Struktur pembentukan frasa harga bagi sen dalam BC ialah “angka + sen” (rujuk kepada Jadual 2.22). Misalnya, RM0.08 disebut sebagai 八分 [bā fēn] dalam BC, iaitu angka 8 wujud di depan dan diikuti dengan kosa kata “sen”.

Jadual 2.22
Struktur pembentukan frasa harga bagi sen dalam BC

	Angka	sen
BC	bā	fēn
Makna	8	sen

2.8 Kerangka Model Struktur Frasa Nombor Bahasa Melayu

Didapati kekurangan literatur BM tentang kata angka dan frasa nombor. Setiap ahli linguistik mengkategorikan kata angka BM dalam golongan kata yang berbeza. Pada tahun 1812, Marsden (Abullah, 2007: 112) menggolongkan kata BM kepada tiga jenis, iaitu kata namaan, kata kerjaan dan partikel. Didapati kata angka BM digolongkan kategori kata namaan. Di samping itu, Winstedt (Abullah, 2007: 112) membahagikan kata BM dalam dua golongan, iaitu golongan major dan golongan minor pada tahun 1927. Dengan itu, kata angka dikategorikan sebagai golongan minor. Pada tahun 1947, Zainal Abidin Bin Ahmad (Za’ba) menggolongkan kata BM kepada lima jenis dalam judul tatabahasa BM yang bertajuk “Pelita Bahasa Melayu”. Beliau mengkategorikan kata BM kepada kata nama, kata perbuatan, kata sifat, kata sendi dan kata seru, tetapi kata angka tidak dimasukkan dalam kategori katanya (Zainal Abidin Ahmad, 1947).

Sebuah judul yang bertajuk “Tatabahasa Dewan” yang dikarangkan oleh empat orang sarjana linguistik, iaitu Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hamid Mahmood dan Hashim Musa pada tahun 1987, menggolongkan kata BM kepada empat jenis, iaitu kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas (Nik Safiah Karim *et al.*, 1987). Didapati

kata angka dinamakan sebagai kata bilangan dan ia dikategorikan kata tugas. Selepas itu, Dewan Bahasa dan Pustaka menyusun semula golongan kata yang di dalam judul “Tatabahasa Dewan”. Golongan kata BM digolongkan kepada lima jenis, iaitu kata nama, kata kerja, kata adjektif, kata adverba dan kata tugas (Abullah, 2007: 115). Kata angka masih dikekalkan dalam golongan kata bilangan di bawah kategori kata tugas. Kemudian judul “Tatabahasa Dinamika” juga menggolongkan kata BM kepada empat jenis, iaitu kata nama, kata sifat, kata kerja dan kata tugas (Abdullah & Ainon, 1994: 106), tetapi kata bilangan dikategorikan sebagai kata nama (Abdullah & Ainon, 1994: 130). Maka angka bukan di bawah kata tugas.

Asmah Haji Omar menggolongkan kata BM kepada dua belas jenis dalam judul tatabahasa BM yang bertajuk “Nahu Kemas Kini”. Beliau mengkategorikan kata BM kepada kata nama, kata bilangan, kata kerja, kata adjektif, kata kerja bantu, kata adverba, kata nafi & kata negatif dan partikel (Asmah, 2008: 32). Angka dimasukkan dalam kata bilangan dan frasa bilangan juga dijelaskan dalam judul tersebut. Kata bilangan terdiri daripada dua subsistem, iaitu kata bilangan kardinal dan kata bilangan Ordinal. Kata bilangan kardinal adalah menyatakan jumlah yang sebenarnya. Kata bilangan kardinal dibahagikan kepada dua jenis, iaitu kata nombor dan kata kuantiti (Asmah, 2008: 78). Kata bilangan ordinal ialah menyatakan bilangan tingkat seperti pertama, kedua, ketiga dan lain-lain.

Oleh kerana kata angka kurang ditekankan dalam tatabahasa BM, maka frasa nombor BM kurang diterangkan dalam tatabahasa BM. Kemungkinan struktur nombor terlalu asas, maka ramai orang menganggap tidak perlu menganalisis struktur frasa nombor dalam bidang linguistik.

2.8.1 Struktur Pembentukan Angka Dalam Bahasa Melayu

BM mempunyai nombor asas dari angka 0 hingga angka 10. Kemudian nombor yang seterusnya dibina secara sistematik. Angka BM terdiri daripada dua komponen, iaitu angka dan nilai tempat. Struktur pembentukan angka BM dijelaskan dari nombor asas hingga nombor ribu kerana silibus *Mandarin For Beginners* diajar sehingga angka ribu sahaja. Dari segi nombor asas BM, angka 0 hingga 10 dalam BM adalah seperti di dalam Jadual 2.23.

Jadual 2.23
Nombor asas dalam BM

Angka	BM
0	Kosong
1	Satu
2	Dua
3	Tiga
4	Empat
5	Lima
6	Enam
7	Tujuh
8	Lapan
9	Sembilan
10	Sepuluh

Semua nombor asas 0 hingga 10 hanya mempunyai satu kosa kata sahaja dalam BM. Oleh kerana nombor 0 hingga nombor 10 merupakan nombor asas, maka tiada struktur pembentukan bagi nombor asas dalam BM.

Struktur pembentukan nombor belas dalam BM ialah “angka + nilai tempat” seperti ditunjukkan di dalam Jadual 2.24. Contohnya, nombor “dua belas”, “dua” merupakan angka, manakala “belas” ialah nilai tempat. Sistem formula matematik bagi pembentukan angka belas dalam BM ialah “ $x + 10$ ”. Misalnya, angka 12 merupakan $2 + 10$, iaitu penambahan antara angka 2 dengan angka 10.

Jadual 2.24
Struktur pembentukan nombor belas dalam BM

Angka	Angka	Nilai tempat
12	dua	belas

Pembentukan nombor dalam BM merupakan gabungan antara hasil pendaraban angka dengan setiap nilai tempat. Struktur pembentukan nombor puluh dari angka 11 hingga angka 99 dibentuk dengan sistematik, iaitu “nilai tempat puluh + nilai tempat sa”. Jadual 2.25 menunjukkan struktur pembentukan bagi nombor puluh dalam BM. Misalnya, angka 21 dibentuk dengan $(2 \times 10) + 1 = 20 + 1 = 21$, iaitu (angka x nilai tempat puluh) + nilai tempat sa.

Jadual 2.25
Struktur pembentukan nombor puluh dalam BM

Nilai tempat	puluh	sa
Angka	2	1
Sistem matematik	2×10	0
Nilai	20	1
Nombor puluh BM	Dua puluh	satu

Struktur pembentukan nombor ratus dalam BM ialah “(angka x nilai tempat ratus) + (angka x nilai tempat puluh) + nilai tempat sa”. Jadual 2.26 menunjukkan struktur pembentukan nombor ratus dalam BM. Contohnya, angka 123 disebut sebagai “seratus dua puluh tiga”, iaitu $(1 \times 100) + (2 \times 10) + 3 = 100 + 20 + 3 = 123$.

Jadual 2.26
Struktur pembentukan nombor ratus dalam BM

Nilai tempat	ratus	puluh	sa
Angka	1	2	3
Sistem matematik	1×100	2×10	3
Nilai	100	20	3
Nombor ratus BM	seratus	dua puluh	tiga

Struktur pembentukan nombor ribu dalam BM ialah “(angka x nilai tempat ribu) + (angka x nilai tempat ratus) + (angka x nilai tempat puluh) + nilai tempat sa”. Jadual 2.27 menunjukkan struktur pembentukan nombor ribu dalam BM. Misalnya, angka 1628 disebut sebagai “seribu enam ratus dua puluh lapan”, iaitu $(1 \times 1000) + (6 \times 100) + (2 \times 10) + 8 = 1628$.

Jadual 2.27
Struktur pembentukan nombor ribu dalam BM

Nilai tempat	ribu	ratus	puluh	sa
Angka	1	6	2	8
Sistem matematik BC	1 x 1000	1 x 100	2 x 10	8
Nilai	1000	600	20	8
Nombor ribu BM	Seribu	enam ratus	dua puluh	lapan

2.8.2 Struktur Pembentukan Frasa Tarikh Dalam Bahasa Melayu

Struktur pembentukan frasa tarikh dalam BM terdiri daripada empat komponen, iaitu haribulan, bulan, tahun dan hari. Struktur pembentukan frasa tarikh dalam BM adalah berdasarkan urutan kecil hingga besar, iaitu “haribulan + bulan + tahun + hari”. Jadual 2.28 menunjukkan struktur pembentukan frasa tarikh dalam BM. Contohnya, “3hb Februari 2011, hari Khamis” disebut sebagai “tiga haribulan bulan dua tahun dua ribu sebelas, hari Khamis”.

Jadual 2.28
Struktur pembentukan frasa tarikh dalam BM

	Haribulan	Bulan	Tahun	Hari
3hb Februari 2011(Khamis)	tiga haribulan	bulan dua	tahun dua ribu sebelas	hari Khamis

Struktur pembentukan frasa tarikh bagi tahun dalam BM dibentuk dengan 2 digit angka yang di depan menjadi satu unit dan 2 digit angka yang di belakang menjadi unit yang lain. Bacaan nombor dalam struktur pembentukan frasa tarikh bagi tahun dalam BM ialah “tahun + 2 digit angka + 2 digit angka” seperti jadual 2.29. Misalnya, tahun 1990

disebut sebagai “tahun sembilan belas sembilan puluh”, iaitu dimulakan dengan kosa kata “tahun”, kemudian diikuti dua digit angka yang di depan “sembilan belas” dan diikuti dengan dua digit nombor yang di belakang “sembilan puluh”.

Jadual 2.29
Struktur pembentukan tahun dalam tarikh BM

	Tahun	2 digit angka di depan	2 digit angka di belakang
Tahun 1990	tahun	Sembilan belas	Sembilan puluh

Jadual 2.30 menunjukkan 12 bulan dalam BM. Didapati “bulan” dalam BM disebut dengan kosa kata sahaja dan tidak melibatkan angka.

Jadual 2.30
12 bulan dalam BM

Bulan	Bulan dalam BM
Bulan satu	Januari
Bulan dua	Februari
Bulan tiga	Mac
Bulan empat	April
Bulan lima	Mei
Bulan enam	Jun
Bulan tujuh	Julai
Bulan lapan	Ogos
Bulan sembilan	September
Bulan sepuluh	Oktober
Bulan sebelas	November
Bulan dua belas	Disember

Struktur pembentukan frasa tarikh bagi bulan dalam bahasa pertuturan BM ialah “bulan + angka” seperti di dalam Jadual 2.31. Contohnya, bulan “Februari” dibentuk oleh kosa kata “bulan” dan diikuti angka “dua”.

Jadual 2.31
Struktur pembentukan frasa tarikh bagi bulan dalam BM

	Bulan	Angka
Februari	bulan	dua

Struktur pembentukan frasa tarikh bagi haribulan dalam BM ialah “angka + haribulan” (rujuk kepada Jadual 2.32). Contohnya, “3 haribulan” dibentuk oleh angka “tiga” dan diikuti kosa kata “haribulan”.

Jadual 2.32
Struktur pembentukan frasa tarikh bagi haribulan dalam BM

	Angka	Haribulan
3 haribulan	tiga	haribulan

Struktur pembentukan frasa tarikh bagi hari dalam BM ialah “hari + kosa kata” seperti jadual 2.33. Contohnya, “hari Khamis” dibentuk dengan kosa kata “hari” dan diikuti dengan kosa kata “Khamis” dan tidak melibatkan angka dalam pembentukan frasa tarikh bagi hari dalam BM.

Jadual 2.33
Struktur pembentukan frasa tarikh bagi hari dalam BM

Hari	Kosa kata
hari	Khamis

2.8.3 Struktur Pembentukan Frasa Masa Dalam Bahasa Melayu

Struktur pembentukan frasa masa dalam BM terdiri daripada tiga komponen, iaitu jam, minit dan waktu masa. Struktur pembentukan frasa masa dalam BM ialah “jam + minit + waktu” seperti ditunjukkan di dalam Jadual 2.34. Contohnya, 8:20a.m. disebut sebagai “pukul lapan dua puluh minit pagi”, iaitu dimulakan dengan sebutan jam “pukul lapan”, kemudian diikuti dengan sebutan minit “dua puluh minit” dan diikuti dengan waktu “pagi”. Boleh dikatakan struktur pembentukan frasa masa dalam BM terdiri daripada “pukul + angka + angka + minit + waktu”.

Jadual 2.34
Struktur pembentukan frasa masa dalam BM

	Jam	Minit	Waktu
8:20 a.m.	Pukul lapan	dua puluh minit	pagi

Struktur pembentukan frasa masa bagi jam dalam BM ialah “pukul + angka” seperti ditunjukkan di dalam Jadual 2.35. Misalnya, 08:00 disebut sebagai “pukul lapan”, iaitu dibentuk dengan kosa kata “pukul” dan diikuti angka “lapan”.

Jadual 2.35
Struktur pembentukan frasa masa bagi jam dalam BM

	Pukul	Angka
BM	Pukul	lapan

Struktur pembentukan frasa masa bagi minit dalam BM ialah “angka + minit” (rujuk kepada Jadual 2.36). Contohnya, 20 minit disebut sebagai “dua puluh minit”, iaitu angka wujud di hadapan dan diikuti kosa kata “minit”.

Jadual 2.36
Struktur pembentukan frasa masa bagi minit dalam BM

	Angka	Minit
BM	dua puluh	minit

Waktu masa BM adalah seperti di dalam Jadual 2.37. Waktu masa dinyatakan sebagai pagi, tengahari, petang atau malam bagi “a.m” atau “p.m.”. Oleh kerana sistem masa dua belas digunakan di Malaysia, maka waktu masa perlu dinyatakan untuk membezakan waktu pagi dan waktu malam.

Jadual 2.37
Waktu masa dalam BM

Waktu	BM
a.m	Pagi
p.m	Tengahari
p.m	Petang
p.m	Malam

2.8.4 Struktur Pembentukan Frasa Harga Dalam Bahasa Melayu

Struktur pembentukan frasa harga dalam BM terdiri daripada dua komponen, iaitu ringgit dan sen. Struktur pembentukan frasa harga dalam BM ialah “angka+ ringgit + angka + sen” seperti ditunjukkan di dalam Jadual 2.38. Contohnya, RM7.30 dibentuk dengan angka “tujuh” kemudian digabungkan dengan kosa kata “ringgit”, seterusnya diikuti dengan angka “tiga puluh” dan diikuti dengan kosa kata “sen”.

Jadual 2.38
Struktur pembentukan frasa harga dalam BM

	Angka	Ringgit	Angka	Sen
RM 7.30	tujuh	ringgit	tiga puluh	Sen

Struktur pembentukan frasa harga bagi ringgit dalam BM ialah “angka + ringgit” (rujuk kepada Jadual 2.39). Misalnya, RM7.00 disebut sebagai “tujuh ringgit”, iaitu angka 7 wujud di depan dan diikuti dengan kosa kata “ringgit”.

Jadual 2.39
Struktur pembentukan bagi ringgit dalam harga BM

	Angka	Ringgit
RM 7.00	7	ringgit

Struktur pembentukan frasa harga bagi sen dalam BM ialah “angka + sen” (rujuk kepada Jadual 2.40). Misalnya, RM 0.30 disebut sebagai “tiga puluh sen”, iaitu angka “tiga puluh” wujud di hadapan dan diikuti dengan kosa kata “sen”.

Jadual 2.40
Struktur pembentukan frasa harga bagi sen dalam BM

	Angka	sen
RM 0.30	Tiga puluh	sen

2.9 Perbandingan Struktur Pembentukan Frasa Nombor Antara BC Dengan BM

Seksyen ini membandingkan struktur pembentukan frasa nombor bagi tarikh, masa dan harga di antara BC dengan BM.

2.9.1 Perbandingan Struktur Pembentukan Frasa Tarikh Antara BC Dengan BM

Jadual 2.41 menunjukkan perbandingan struktur pembentukan frasa tarikh antara BC dengan BM. Struktur pembentukan frasa tarikh antara BC dengan BM adalah berbeza. Struktur pembentukan frasa tarikh dalam BC ialah “tahun + bulan + haribulan + hari”, manakala struktur pembentukan frasa tarikh dalam BM ialah “haribulan + bulan + tahun + hari”. Struktur pembentukan frasa tarikh dalam BC adalah mengikut urutan besar hingga kecil manakala struktur pembentukan frasa tarikh dalam BM adalah berdasarkan urutan kecil hingga besar.

Jadual 2.41
Perbandingan struktur pembentukan frasa tarikh antara BC dengan BM

	Tahun	Bulan	Haribulan	Bulan	Tahun	Hari
BC	èr líng yī yī nián 二零一一年	èr yuè 二月	sān hào 三号			xīng qī sì 星期四
BM			tiga haribulan	bulan dua	tahun dua ribu sebelas	hari Khamis

2.9.2 Perbandingan Struktur Pembentukan Frasa Masa Antara BC Dengan BM

Jadual 2.42 menunjukkan perbandingan struktur pembentukan frasa masa antara BC dengan BM. Struktur pembentukan frasa masa dalam BC dan BM terdiri daripada tiga komponen, iaitu waktu masa, jam dan minit. Struktur pembentukan frasa masa dalam BC adalah berdasarkan “waktu + jam + minit”. Contohnya, 8:20 a.m. disebut sebagai 早上八点二十分 [zǎoshang bā diǎn èr shí fēn] dalam BC. Sebaliknya, struktur pembentukan frasa

masa dalam BM adalah berdasarkan struktur “jam + menit + waktu”, iaitu 8:20 a.m. disebut sebagai “pukul lapan dua puluh minit pagi”.

Jadual 2.42
Perbandingan struktur pembentukan frasa masa antara BC dengan BM

	Waktu	Jam	Minit	Waktu
Masa		8	20	am
BC	zǎo shang 早上	bā diǎn 八点	èr shí fēn 二十分	
BM		Pukul lapan	dua puluh minit	pagi

2.9.3 Perbandingan Struktur Pembentukan Frasa Harga Antara BC Dengan BM

Jadual 2.43 menunjukkan perbandingan struktur pembentukan frasa harga antara BC dengan BM. Terdapat perbezaan struktur pembentukan frasa harga antara BC dan BM. Struktur pembentukan frasa harga dalam BC ialah “angka + ringgit + angka + puluh sen”. Contohnya, RM7.30 disebut sebagai 七块三毛 [qī kuài sān máo] dalam BC. Sebaliknya, struktur pembentukan frasa harga dalam BM ialah “angka+ ringgit + angka + sen”, iaitu RM7.30 disebut sebagai “tujuh ringgit tiga puluh sen”.

Jadual 2.43
Perbandingan struktur pembentukan frasa harga antara BC dengan BM

	Angka	Ringgit	Angka	Puluh sen	Sen
Harga (RM)	7	ringgit	30		sen
BC	qī 七	kuài 块	sān 三	máo 毛	
BM	tujuh	ringgit	tiga puluh		sen

2.10 Rumusan

Didapati pelbagai istilah bagi “Bahasa Cina” digunakan dalam BC dan BM. Kini BC sebagai bahasa asing menjadi subjek yang khusus dari aliran linguistik terapan. Namun begitu, didapati kekurangan literatur mengenai tatabahasa frasa nombor BC. Tambahan pula, literatur menunjukkan kajian lepas yang mengenai angka seperti ditunjukkan di dalam Jadual 2.44.

Jadual 2.44
Kajian lepas yang mengenai angka

Penyelidik	Tahun	Bidang kajian	Tajuk Kajian
Wei Li Ping	2009	Morfologi	汉语和泰语数词成语的对比研究 Hanyu he Taiyu Shuci Chengyu de Duibi Yanjiu. (Trans: Analisis kontrastif simpulan bahasa antara Bahasa Mandarin dengan Bahasa Thai)
Lee Xing Ming	2009	Morfologi	汉语中不可忽略的成员-数词 Hanyu zhong buke hulue de chengyuan-shuci (Trans: Komponen BC-leksis nombor).
Zhang Ping	2009	Penterjemahan	A comparative study of Chinese and English numerals.
Ang Thiah Huat @ Ang Thian Huat	2006	Semantik	Analisis penggunaan metafora angka-angka dan emotikon dalam mesej sms di kalangan remaja Cina.
Lee Wai Fong	2007	Semantik	Tinjauan penggunaan leksis, angka-angka dan emotikon dalam forum internet pelajar Bahasa Cina

Didapati kajian lepas yang melibatkan angka dikaji dalam bidang morfologi, penterjemahan dan semantik. Walaubagaimanapun, setakat ini masih belum dapat kajian dilakukan tentang pembentukan frasa nombor BC dalam kalangan pelajar Melayu. Dengan mengambil kira keperluan dan kekurangan tersebut, kajian ini telah dicadangkan untuk menyelami topik frasa nombor BC.

Kebanyakan buku tatabahasa tidak menerangkan struktur pembentukan frasa nombor BC dengan jelas. Kemungkinan ini adalah disebabkan ramai orang menganggap pembelajaran nombor ialah satu perkara yang mudah, maka sehingga hari ini tiada penerangan yang jelas dalam struktur pembentukan frasa nombor BC. Jadual 2.45

menunjukkan perbandingan struktur frasa nombor antara BC dengan BM. Diharapkan penerangan pembentukan frasa nombor dapat membantu pembaca atau pensyarah memahami struktur pembentukan frasa tarikh, masa dan harga dalam BC.

Jadual 2.45
Perbandingan struktur frasa nombor antara BC dengan BM

Frasa	Struktur Pembentukan dalam BC	Struktur Pembentukan dalam BM
Tarikh	tahun + bulan + haribulan + hari	haribulan + bulan + tahun + hari
Masa	waktu + jam + minit	jam + minit + waktu
Harga	angka + ringgit + angka + puluh sen+ sen	angka+ ringgit + angka + sen

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Seksyen ini membincangkan responden, instrumen kajian, proses pengumpulan data kajian, kaedah analisis kajian dan kajian rintis.

3.2 Responden

Kaedah persampelan bertujuan digunakan untuk memilih responden kajian. Kesemua pelajar Melayu dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) yang mengambil *Mandarin For Beginners* (UHF1111) pada semester 1, sesi 2011/2012 dipilih sebagai responden, iaitu seramai empat puluh orang. Populasi dari kelas *Mandarin For Beginners* di fakulti lain tidak dipilih dengan tujuan mengawal pembolehubah dalam kajian. Kesemua responden dalam lingkungan umur 21 hingga 27 tahun. Responden yang dipilih adalah berdasarkan pelajar-pelajar Melayu yang baru mempelajari BC, maka golongan pelajar yang pernah belajar BC di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina tidak akan dipilih dalam kajian ini. Responden dipilih dari kelas *Mandarin For Beginners* yang diajar oleh Encik Chong Ah Kow, pensyarah BC. Ini adalah untuk mengawal variabel tentang kaedah pengajaran & pembelajaran oleh pensyarah.

3.3 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian kes mengenai pembelajaran frasa nombor BC dalam kalangan pelajar Melayu di UMP. Bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian kes, kaedah triangulasi digunakan dalam kajian ini, iaitu ujian, soal selidik dan temubual. Kaedah triangulasi menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif (Creswell, 2003: 99). Kajian triangulasi berupaya melihat fenomena daripada pelbagai sudut dan perspektif yang berbeza supaya gambaran sebenar dilihat secara jelas (Chua, 2006: 9).

Kaedah kualitatif ialah pengumpulan data melalui temubual atau pemerhatian yang teliti secara mendalam untuk menghuraikan kenyataan sebenar (Chua, 2006: 9). Kajian kualitatif berkecenderungan humanistik di mana penyelidik kualitatif haruslah berupaya melihat fenomena sosial secara holistik dan berinteraktif dengan responden atau topik kajian dengan sensitiviti yang tinggi (Creswell, 2003: 181-182). Kaedah kuantitatif pula menggunakan kaedah soal selidik yang mampu memberikan deskripsi secara numerik tentang tren, pandangan, pendapat sesuatu populasi (Creswell, 2003: 145). Di sini, kaedah kualitatif memerlukan sampel dari sesuatu populasi untuk menjana interpretasi tentang sesuatu fenomena melalui analisis frekuensi, peratusan, min dan sebagainya bagi menerangkan kejadian secara statistik (Chua, 2006: 8; Creswell, 2003: 145).

Ujian dan soal selidik masing-masing menggunakan kaedah gabungan. Kaedah kualitatif digunakan dalam ujian untuk menerangkan corak kesalahan pembentukan frasa nombor BC yang melibatkan tarikh, masa dan harga manakala kaedah kuantitatif digunakan untuk mengira frekuensi corak kesalahan pembentukan frasa nombor BC yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Melayu dalam pembentukan frasa nombor BC.

Dalam soal selidik, kaedah kuantitatif digunakan untuk mengumpul maklumat seperti latar belakang responden, faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar Melayu dalam pembelajaran frasa nombor BC dan hubungkaitan antara prestasi ujian dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar Melayu. Seterusnya, kaedah kualitatif digunakan untuk menerangkan data numerika dalam soal selidik. Menurut Chua (2006: 9), banyak perkara tidak dapat dijelaskan hanya dengan merujuk pada data numerika dalam penyelidikan kuantitatif sahaja, maka kajian ini menjalankan temubual ke atas kumpulan fokus. Hal ini kerana banyak unsur yang berkaitan dengan keadaan semula jadi tidak dapat dihuraikan berdasarkan angka-angka dalam data-data kuantitatif.

3.4 Instrumen Kajian

Tiga jenis instrumen kajian digunakan dalam kajian ini, iaitu ujian, soal selidik dan kertas soalan temubual.

3.4.1 Ujian

Kertas ujian digunakan untuk melihat pembentukan frasa nombor BC dalam kalangan pelajar Melayu di UMP. Jadual 3.1 menunjukkan pembahagian dan taburan bilangan soalan ujian. Soalan ujian dibahagikan kepada tiga topik, iaitu tarikh, masa dan harga. Setiap topik mempunyai sepuluh soalan subjektif, maka secara keseluruhan, terdapat tiga puluh soalan di dalam kertas ujian yang diberikan kepada responden-responden.

Jadual 3.1
Pembahagian dan taburan bilangan soalan ujian

Bahagian	Topik Ujian	Item Soalan
A	Tarikh	10
B	Masa	10
C	Harga	10
Jumlah Soalan Ujian		30

Semua topik soalan ujian pernah dipelajari oleh pelajar-pelajar. Soalan ujian disediakan berdasarkan kesukaran frasa nombor BC yang biasa dihadapi oleh pelajar Melayu. Misalnya, penggunaan angka 2 yang mempunyai dua kosa kata, iaitu 二[èr] dengan 两[liǎng]. Kemudian skema jawapan disediakan berdasarkan soalan ujian. Jawapan soalan ujian adalah berdasarkan tatabahasa BC dalam tarikh, masa dan harga. Kemudian skema jawapan ujian dirujuk dengan penyelarasan BC di UMP, iaitu Encik Chong Ah Kow.

3.4.2 Soal Selidik

Jadual 3.2 menunjukkan pembahagian dan taburan bilangan soalan dalam soal selidik. Soal selidik dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu Bahagian A dan B. Bahagian A mengumpul latar belakang responden. Latar belakang responden mengandungi sembilan soalan seperti jantina, bangsa, umur, asal kelahiran, fakulti, tahun pengajian, CGPA (*cumulative grade point average*), bahasa ibunda dan pengalaman pembelajaran BC. Bahagian B dibahagikan kepada keadaan pembelajaran BC dan kekerapan pembelajaran BC. Bahagian B mempunyai sembilan belas soalan yang berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar Melayu dalam pembelajaran frasa nombor BC, iaitu faktor pemindahan bahasa ibunda, motivasi, masa pembelajaran, sikap pelajar, minat, persekitaran dan kaedah pengajaran.

Jadual 3.2
Pembahagian dan taburan bilangan soalan dalam soal selidik

Bahagian	Topik	Item Soalan
A	Maklumat Peribadi	9
B	Soal selidik	
	i. Keadaan pembelajaran BC	11
	ii. Kekerapan dalam pembelajaran BC	8
JUMLAH SOALAN		28

Di samping itu, skala Likert digunakan dalam pengukuran faktor-faktor pengaruh. Rensis Likert (1932) mencadangkan bahawa indeks seharusnya dibina dengan menambahkan item-item yang berkaitan dengan suatu konsep (Chua, 2006: 232). Skala likert kajian ini menggunakan lima skala seperti ditunjukkan di dalam Jadual 3.3.

Jadual 3.3
Pengukuran skala Likert dalam soal selidik

Nombor	Takrifan Skala
1	Tidak Pernah (TP)/ Sangat Tidak Bersetuju (STB)
2	Tidak Selalu (TS)/ Tidak Bersetuju (TB)
3	Kadang-kala (K)/ Sederhana (S)
4	Agak Selalu (AS)/ Bersetuju (B)
5	Selalu (S)/ Sangat Bersetuju (SB)

Pengukuran faktor-faktor pengaruh dalam kajian ini berbeza dengan kajian lepas yang mengambil kira frekuensi sahaja. Penggunaan skala Likert dalam pengumpulan data faktor-faktor pengaruh untuk mengambil kira min frekuensi bagi setiap faktor pengaruh. Kemudian min frekuensi bagi setiap faktor pengaruh digunakan untuk mengira korelasi antara prestasi ujian bagi mengenalpastikan hubungkait antara prestasi ujian dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar Melayu dalam pembelajaran frasa nombor BC.

3.4.3 Kertas Soalan Temubual

Instrumen yang ketiga ialah kertas soalan temubual. Kertas soalan temubual digunakan untuk menyatakan soalan-soalan yang ditanya kepada kumpulan fokus dalam sesi temubual. Soalan temubual dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu prestasi responden dalam ujian dan faktor-faktor pengaruh. Soalan yang berkaitan prestasi responden adalah berdasarkan pencapaian ujian dan penguasaan responden dalam pembentukan frasa nombor BC. Seterusnya, faktor-faktor pengaruh ditanya apabila terdapat konflik jawapan responden dengan prestasi pembelajaran frasa nombor BC.

3.5 Pengumpulan Data Kajian

Sebelum data-data dikumpulkan, kebenaran daripada pensyarah kelas responden telah diperolehi. Kemudian persetujuan daripada semua responden diperolehi bagi memastikan penglibatan mereka adalah secara sukarela. Seterusnya, pemberitahuan kepada responden bahawa identiti dan maklumat mereka adalah dirahsiakan dan dilindungi. Akhirnya, data kajian ini dikumpulkan melalui kaedah triangulasi, iaitu ujian, soal selidik dan temubual.

3.5.1 Ujian

Responden dikehendaki menjawab ujian untuk mengumpul data tentang cara pembentukan frasa nombor BC dalam kalangan pelajar Melayu. Ujian dilangsungkan pada 23 Disember 2011. Responden diberikan masa selama satu jam untuk menjawab soalan ujian pada akhir semester kursus setelah mereka mempelajari topik yang berkaitan. Selepas itu, ujian disemak berdasarkan skema jawapan untuk melihat jenis pembentukan frasa nombor BC dalam kalangan pelajar Melayu di UMP.

3.5.2 Soal Selidik

Selepas menjawab ujian, responden dikehendaki menjawab soal selidik bagi mengumpul data tentang latar belakang responden dan faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar Melayu dalam pembelajaran frasa nombor BC. Responden diberikan masa selama dua puluh minit untuk menjawab soal selidik. Kemudian soal selidik dikumpulkan untuk mengira frekuensi latar belakang dan faktor-faktor pengaruh. Dengan adanya data-data soal selidik, kajian ini dapat menganalisis korelasi di antara prestasi ujian dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar Melayu dalam pembelajaran frasa nombor BC.

3.5.3 Temubual

Setelah pengumpulan data dari ujian dan soal selidik, temubual dijalankan ke atas satu kumpulan fokus. Kumpulan fokus ini terdiri daripada sepuluh orang responden yang terpilih, iaitu lima orang responden yang cemerlang dalam ujian dan lima orang responden yang lemah dalam ujian. Temubual merupakan data sokongan kepada soal selidik. Perbualan antara responden dirakam dengan perakam suara. Kemudian kandungan temubual ditranskrip. Temubual dilakukan untuk mengetahui pandangan

pelajar dalam pembelajaran BC sebagai bahasa asing selepas analisis ujian dan soal selidik dijalankan.

3.6 Kaedah Analisis Data Kajian

Setiap jenis instrumen kajian dianalisis dengan kaedah yang berlainan. Data ujian dianalisis dengan dua kaedah, iaitu analisis frekuensi dan deskriptif tatabahasa. Di samping itu, tiga jenis kaedah digunakan dalam data soal selidik, iaitu analisis frekuensi, analisis reliabiliti dan analisis korelasi. Kemudian data temubual dianalisis secara deskriptif.

3.6.1 Kaedah Analisis Data Ujian

Terdapat dua jenis kaedah digunakan dalam data ujian, iaitu analisis frekuensi dan deskriptif tatabahasa. Kaedah pertama digunakan dalam menganalisis data ujian adalah analisis frekuensi. Analisis frekuensi digunakan dalam ujian adalah untuk mengira frekuensi corak kesalahan pembentukan frasa nombor BC dalam kalangan pelajar Melayu.

Deskriptif tatabahasa merupakan kaedah analisis yang kedua dalam data ujian. Deskriptif tatabahasa digunakan untuk menerangkan corak kesalahan pembentukan frasa nombor BC berdasarkan tatabahasa BC. Kerangka model struktur pembentukan frasa nombor BC yang dikemukakan oleh Fang (2000: 54-82) dan Su (2007) digunakan sebagai tatabahasa frasa nombor BC. Tatabahasa frasa nombor BC dalam topik tarikh, masa dan harga adalah seperti yang berikut.

Struktur pembentukan frasa tarikh dalam BC adalah berdasarkan urutan besar hingga kecil, iaitu “tahun + bulan+ haribulan + hari”. Contohnya, “3hb Februari 2011, hari Khamis” dibaca sebagai 二零一一年 二月 三号 (星期四) [èr líng yī yī nián èryuè sān hào

(xīngqī sì)] dalam BC. Jadual 3.4 menunjukkan struktur pembentukan frasa tarikh dalam BC.

Jadual 3.4
Struktur pembentukan frasa tarikh dalam BC

	Tahun	Bulan	Haribulan	Hari
BC	èr líng yī yī nián 二零一一年	èryuè 二月	sān hào 三号	xīngqī sì 星期四
Makna	2011 tahun	2 bulan	3 haribulan	hari Khamis

Struktur pembentukan frasa masa dalam BC adalah berdasarkan “waktu + jam + minit”.

Jadual 3.5 menunjukkan struktur pembentukan frasa masa dalam BC. Contohnya, 8:20 a.m. dibaca sebagai 早上八点二十分 [zǎoshang bā diǎn èrshí fēn] dalam BC.

Jadual 3.5
Struktur pembentukan frasa masa dalam BC

	Waktu	Jam	Minit
BC	zǎoshang 早上	bā diǎn 八点	èrshí fēn 二十分
Makna	pagi	lapan pukul	dua puluh minit

Struktur pembentukan frasa harga dalam BC ialah “angka + ringgit + angka + puluh sen”. Struktur pembentukan frasa harga dalam BC ditunjukkan dalam jadual 3.6. Contohnya, RM 7.30 dibaca sebagai 七块三毛 [qī kuài sān máo] dalam BC.

Jadual 3.6
Struktur pembentukan frasa harga dalam BC

	Angka	Ringgit	Angka	Puluh sen
BC	qī 七	kuài 块	sān 三	máo 毛
Makna	Tujuh	ringgit	tiga	puluh sen

Struktur pembentukan frasa nombor BC yang berkenaan dengan tarikh, masa dan harga di atas digunakan untuk melihat bagaimana pelajar-pelajar Melayu membentuk frasa nombor BC dalam topik tarikh, masa dan harga.

3.6.2 Kaedah Analisis Data Soal Selidik

Data dalam soal selidik dianalisis dengan penggunaan *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Terdapat tiga jenis kaedah analisis data soal selidik digunakan dengan SPSS, iaitu analisis frekuensi, analisis reliabiliti dan analisis korelasi. Kaedah analisis frekuensi merupakan kaedah analisis data soal selidik yang pertama. Analisis frekuensi dijalankan untuk mengumpul data latar belakang responden seperti jantina, bangsa, umur, tempat tinggal, fakulti, tahun pengajian, CGPA, bahasa ibunda dan pengalaman mempelajari BC. Di samping itu, analisis frekuensi digunakan untuk mengira peratus dan skor min bagi faktor-faktor pengaruh dalam pembelajaran frasa nombor BC dalam kalangan pelajar Melayu. Peratus yang ditunjukkan dalam analisis frekuensi digunakan untuk menghuraikan fakta-fakta dengan mudah dan jelas.

Kaedah analisis data soal selidik yang kedua adalah analisis reliabiliti. Analisis reliabiliti dilakukan untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan item-item dalam soal selidik yang dibina. Setiap faktor pengaruh mempunyai item penerangan dalam soal selidik. Maka analisis reliabiliti digunakan untuk menguji faktor-faktor pengaruh dalam pembelajaran BC sebagai bahasa asing.

Analisis korelasi merupakan kaedah yang ketiga digunakan dalam menganalisis data soal selidik. Analisis korelasi dijalankan untuk mengenalpastikan hubungan antara prestasi dengan faktor-faktor mempengaruhi pembelajaran frasa nombor BC dalam kalangan pelajar Melayu.

3.6.3 Kaedah Analisis Data Temubual

Data temubual dianalisis dengan kaedah analisis kualitatif. Temubual yang dijalankan telah merekod pendapat kumpulan fokus terhadap prestasi ujian dan faktor-faktor pengaruh. Maka kata kunci dari responden dipetikkan sahaja. Kemudian data temubual dirumuskan berdasarkan dua kumpulan fokus. Selepas itu, analisis kualitatif dilakukan

untuk membandingkan pendapat antara kumpulan fokus yang cemerlang dan kumpulan fokus yang lemah.

3.7 Penggredan Ujian

Penilaian ujian diukur dengan penggredan ujian di UMP adalah seperti di dalam Jadual 3.7. Penggredan ujian digunakan untuk menunjukkan prestasi pembelajaran frasa nombor BC dalam kalangan pelajar Melayu.

Jadual 3.7
Penggredan ujian di UMP

Markah	Gred	Takrifan
80-100	A	Cemerlang
75-79	A-	Cemerlang
70-74	B+	Baik
65-69	B	Baik
60-64	B-	Baik
55-59	C+	Lulus
50-54	C	Lulus
47-49	C-	Lulus bersyarat
44-46	D+	Lulus bersyarat
40-43	D	Lulus besyarat
25-39	E	Gagal
0-24	F	Gagal

3.8 Kajian Rintis

Kajian sebenar adalah diadaptasikan dari kajian rintis. Fomat kajian ini adalah mengikut kekuatan dan kebaikan dari kajian rintis. Untuk maklumat lanjutan, sila rujuk lampiran.

3.9 Rumusan

Empat puluh orang pelajar Melayu dari FKM yang mengambil *Mandarin For Beginners* (UHF1111) pada semester 1, sesi 2011/2012 dipilih sebagai responden. Kajian ini menggunakan kaedah triangulasi, iaitu ujian, soal selidik dan temubual. Ujian digunakan untuk melihat pembentukan frasa nombor BC dalam kalangan pelajar Melayu dan jawapan yang salah dalam ujian dianalisis dengan kerangka model deskriptif tatabahasa. Soal selidik digunakan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar Melayu dalam pembelajaran BC. Kaedah SPSS digunakan untuk menganalisis data dalam soal selidik. Kemudian temubual dijalankan di atas satu kumpulan fokus yang terdiri daripada lima orang responden yang cemerlang dalam ujian dan lima orang responden yang lemah dalam ujian. Ini disebabkan banyak unsur yang berkaitan dengan keadaan semula jadi tidak dapat dihuraikan berdasarkan angka-angka dalam data kuantitatif yang di soal selidik.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Seksyen ini menjawab tiga persoalan kajian, iaitu:

- i. Apakah corak pembentukan frasa nombor BC yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Melayu dalam topik tarikh, masa dan harga?
- ii. Apakah frekuensi corak pembentukan frasa nombor BC yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Melayu dalam topik tarikh, masa dan harga?
- iii. Apakah jenis corak kesalahan pembentukan frasa nombor BC?

Seksyen ini membincangkan analisis corak kesalahan pembentukan frasa nombor BC yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Melayu dalam ujian. Prestasi responden dalam ujian dijelaskan di dalam Seksyen 4.2. Analisis corak kesalahan pembentukan frasa nombor BC diterangkan di dalam Seksyen 4.3. Seterusnya, jenis corak kesalahan pembentukan frasa nombor BC dikenalpastikan di dalam Seksyen 4.4.

4.2 Prestasi Responden Dalam Ujian

Gred ujian pembentukan frasa nombor BC dalam kalangan pelajar Melayu adalah seperti ditunjukkan di dalam Jadual 4.1. Didapati 82.5% responden lulus dalam ujian dengan gred A hingga gred D, manakala 17.5% responden gagal dalam ujian dengan gred E dan gred F. Didapati 17.5% responden mencapai prestasi yang cemerlang dalam ujian dengan gred A dan sebanyak 7.5% responden yang mendapat gred A-. Prestasi ujian menunjukkan paling ramai responden mendapat gred B+ dalam ujian, iaitu sebanyak 27.5%. Sebanyak 5% responden mendapat gred B dalam ujian. Responden yang mendapat gred B- adalah sebanyak 7.5%. Hanya 2.5% responden mendapat gred

C+ manakala sebanyak 7.5% responden mendapat gred C dalam ujian. Didapati tiada responden mendapat gred C- dalam ujian. Sebanyak 5% responden mendapat lulus bersyarat dengan gred D+. Prestasi responden yang mendapat gred D adalah sebanyak 2.5%. Prestasi responden menunjukkan sebanyak 10% responden gagal dalam ujian dengan gred E dan sebanyak 7.5% responden mendapat gred F dalam ujian.

Jadual 4.1
Prestasi responden dalam ujian

Markah	Gred	Takrifan	Frekuensi	Peratus (%)
80-100	A	Cemerlang	7	17.5
75-79	A-	Cemerlang	3	7.5
70-74	B+	Baik	11	27.5
65-69	B	Baik	2	5
60-64	B-	Baik	3	7.5
55-59	C+	Lulus	1	2.5
Sebanyak 65% responden telah membentuk frasa masa yang tidak tepat dalam BC bagi soalan keempat. Didapati responden melakukan 4 jenis kesilapan dalam soalan ini, iaitu kesilapan angka, kesilapan *Hanyu Pinyin*, kesilapan kosa kata dan kesilapan struktur. Didapati 2 orang responden melakukan kesilapan angka yang sama, iaitu 十二点 [shí'èr diǎn] “pukul 12” ditulis sebagai 一十二点 [yī shí èr diǎn] “pukul satu dua belas”. Deskriptif tatabahasa menunjukkan kesilapan *Hanyu Pinyin* berlaku 2 kali dalam pembentukan frasa masa. Misalnya, kesilapan *Hanyu Pinyin* bagi kosa kata 中午 [zhōngwǔ] “tengahari” ditulis sebagai [zhang wǔ] dan [zhung wǔ]. Di samping itu, seramai 17 orang responden melakukan kesilapan kosa kata. Misalnya, (i) kesilapan kosa kata bagi waktu 中午 [zhōngwǔ] “tengahari” ditulis sebagai 晚上[wǎnshang] “malam”, 早上 [zǎoshang] “pagi”, 下午 [xiàwǔ] “petang”, 上午 [shàng wǔ] “pagi” dan 早午 [zǎo wǔ]. Selain itu, kesilapan struktur berlaku 7 kali dalam pembentukan frasa masa. Misalnya, (i) Kesilapan struktur 中午十二点零分 [zhōngwǔ shí'èr diǎn líng fēn] “tengahari pukul dua belas kosong minit” kerana minit tidak perlu dinyatakan pada waktu tepat 12 p. m., (ii) Kesilapan struktur 十二点上午 [shí'èr diǎn shàng wǔ] “pukul dua belas pagi”. Jawapan ini tidak tepat kerana pemindahan struktur pembentukan frasa masa BM “jam + minit + waktu” dalam pembentukan frasa

masa BC, (iii) Kesilapan struktur bagi angka 十二点[shí'èr diǎn] “pukul dua belas” ditulis sebagai 二十点[èrshí diǎn] “pukul dua puluh”.

Kajian menganalisis corak kesalahan pembentukan frasa masa dalam BC bagi soalan kelima ditunjukkan di dalam Jadual 4.20.

Jadual 4.20
Corak kesalahan pembentukan frasa masa dalam BC-Soalan 5

Masa	3:20 pm	Frekuensi	Deskriptif tatabahasa
Jawapan yang betul	下午三点二十分 [xiàwǔ sān diǎn èrshí fēn]	24	Corak pembentukan frasa yang dikuasai.
Corak kesalahan pembentukan frasa masa dalam BC	晚上三点二十分 [wǎnshàng sān diǎn èrshí fēn]	7	Kesilapan kosa kata 下午 [xiàwǔ] ditulis sebagai 晚上[wǎnshàng].
	下课 三点二十分 [xiàkè sān diǎn èrshí fēn]	2	Kesilapan kosa kata 下午 [xiàwǔ] ditulis sebagai 下课 [xiàkè].
	下午三点十分两分 [xiàwǔ sān diǎn liǎng shí fēn]	3	Kesilapan angka 二十分 [èrshí fēn] ditulis sebagai 两分 [liǎng shí fēn].
	下午三十点二十分 [xiàwǔ sān shí diǎn èrshí fēn]	1	Kesilapan angka 三点[sān diǎn] ditulis sebagai 三十点[sān shí diǎn].
	下午三点十分两分 [xiàwǔ sān diǎn liǎng fēn]	2	Kesilapan angka 二十分 [èrshí fēn] ditulis sebagai 两分 [liǎng fēn].
	三点二十分下午 [sān diǎn èrshí fēn xiàwǔ]	1	Kesilapan struktur kerana pemindahan struktur BM.

Sebanyak 40% responden telah membentuk frasa masa yang tidak tepat dalam BC bagi soalan kelima. Didapati responden melakukan 3 jenis kesilapan dalam soalan ini, iaitu kesilapan angka, kesilapan kosa kata dan kesilapan struktur. Deskriptif tatabahasa menunjukkan kesilapan angka berlaku 6 kali dalam pembentukan frasa masa. Misalnya, (i) kesilapan angka 二十分[èrshí fēn] “dua puluh minit ” ditulis sebagai 两十分 [liǎng shí fēn], 两分[liǎng fēn], (ii) kesilapan angka 三点[sān diǎn] “pukul tiga” ditulis sebagai 三十点[sān shí diǎn] “pukul tiga puluh”. Di samping itu, seramai 9 orang responden melakukan kesilapan kosa kata. Misalnya, (i) kesilapan kosa kata bagi waktu 下午[xiàwǔ] “petang” ditulis sebagai 晚上[wǎnshàng] “malam” dan 下课 [xiàkè] “kelas tamat”. Selain itu, terdapat seorang responden melakukan kesilapan struktur dengan memberi jawapan 三点二十分下午[sān diǎn èrshí fēn xiàwǔ] “pukul tiga dua puluh minit petang”. Jawapan ini tidak tepat kerana

pemindahan struktur pembentukan frasa masa BM “jam + minit + waktu” dalam pembentukan frasa masa BC.

Kajian menganalisis corak kesalahan pembentukan frasa masa dalam BC bagi soalan keenam ditunjukkan di dalam Jadual 4.21.

Jadual 4.21
Corak kesalahan pembentukan frasa masa dalam BC-Soalan 6

Masa	10:18 pm	Frekuensi	Deskriptif tatabahasa
Jawapan yang betul	晚上十点十八分 [wǎnshàng shí diǎn shíbā fēn]	25	Corak pembentukan frasa yang dikuasai.
Corak kesalahan pembentukan frasa masa dalam BC	下午十点十八分 [xiàwǔ shí diǎn shíbā fēn]	10	Kesilapan kosa kata 晚上[wǎnshàng] ditulis sebagai 下午[xiàwǔ].
	十点十八分下午 [shí diǎn shíbā fēn xiàwǔ]	1	i. Kesilapan struktur kerana pemindahan struktur BM. ii. Kesilapan kosa kata 晚上[wǎnshàng] ditulis sebagai 下午[xiàwǔ].
	晚上十点十八分 [wǎng shàng shí diǎn shíbā fēn]	3	Kesilapan <i>Hanyu Pinyin</i> 晚上[wǎnshàng] ditulis sebagai [wǎng shàng].
	晚上十点十八分 [wǎnshàng shí diǎn shíbā fan]	1	Kesilapan <i>Hanyu Pinyin</i> 分[fēn]ditulis sebagai [fan].

Sebanyak 37.5% responden telah membentuk frasa masa yang tidak tepat dalam BC bagi soalan keenam. Didapati responden melakukan 3 jenis kesilapan dalam soalan ini, iaitu kesilapan *Hanyu Pinyin*, kesilapan kosa kata dan kesilapan struktur. Deskriptif tatabahasa menunjukkan kesilapan *Hanyu Pinyin* berlaku 4 kali dalam pembentukan frasa masa. Misalnya, (i) kesilapan *Hanyu Pinyin* 晚上[wǎnshàng] “malam” ditulis sebagai [wǎng shàng] dan (ii) kesilapan *Hanyu Pinyin* 分[fēn] “minit” ditulis sebagai [fan]. Di samping itu, seramai 11 orang responden melakukan kesilapan kosa kata yang sama, iaitu kesilapan kosa kata bagi waktu 晚上[wǎnshàng] “malam” ditulis sebagai 下午[xiàwǔ] “petang”. Selain itu, terdapat seorang responden melakukan kesilapan struktur dengan memberi jawapan 十点十八分下午[shí diǎn shíbā fēn xiàwǔ] “pukul sepuluh lapan belas minit

petang”. Jawapan ini tidak tepat kerana pemindahan struktur pembentukan frasa masa BM “jam + minit + waktu” dalam pembentukan frasa masa BC.

Kajian menganalisis corak kesalahan pembentukan frasa masa dalam BC bagi soalan ketujuh ditunjukkan di dalam Jadual 4.22.

Jadual 4.22
Corak kesalahan pembentukan frasa masa dalam BC-Soalan 7

Masa	11:45 pm	Frekuensi	Deskriptif tatabahasa
Jawapan yang betul	晚上十一點四十五分/ [wǎnshàng shíyī diǎn sishíwǔ fēn] / 晚上十一點三刻 [wǎnshàng shíyī diǎn sān kè]	24	Corak pembentukan frasa yang dikuasai.
Corak kesalahan pembentukan frasa masa dalam BC	下午十一點四十五分 [xiàwǔ shíyī diǎn sishíwǔ fēn]	9	Kesilapan kosa kata 晚上[wǎnshàng] ditulis sebagai 下午[xiàwǔ].
	晚上十一點四十五分 [wǎnshàng yī shí diǎn sishíwǔ fēn]	1	Kesilapan angka 十一點[shíyī diǎn] ditulis sebagai 十一點[yī shí diǎn].
	十一點四十五分下午 [shíyī diǎn sì wǔ fēn xiàwǔ]	1	i. Kesilapan struktur kerana pemindahan struktur BM. ii. Kesilapan kosa kata 晚上[wǎnshàng] ditulis sebagai 下午[xiàwǔ]. iii. Kesilapan angka 四十五分[sishíwǔ fēn] ditulis sebagai 四十五分[sì wǔ fēn].
	下午十一點四十五分 [xiàwǔ yī shíyī diǎn sishíwǔ fēn]	1	i. Kesilapan kosa kata 晚上[wǎnshàng] ditulis sebagai 下午[xiàwǔ]. ii. Kesilapan angka 十一點[shíyī diǎn] ditulis sebagai 十一點[yī shí yī diǎn].
	晚上十一點四十五分 [wǎng shàng shíyī diǎn sishíwǔ fēn]	2	Kesilapan <i>Hanyu Pinyin</i> 晚上[wǎnshàng] ditulis sebagai [wǎng shàng].
	下午十一點四十五分 [xiàwǔ yī shíyī diǎn shì she wǔ fēn]	1	i. Kesilapan kosa kata 晚上[wǎnshàng] ditulis sebagai 下午[xiàwǔ]. ii. Kesilapan angka 十一點[shíyī diǎn] ditulis sebagai 十一點[yī shí yī diǎn]. iii. Kesilapan <i>Hanyu Pinyin</i> 四十分[sì shí fēn] ditulis sebagai [shì she].
	晚上十一點三刻 [wǎnshàng shíyī diǎn sān kè]	1	Kesilapan <i>Hanyu Pinyin</i> 刻[kè] ditulis sebagai [kè].

Sebanyak 40% responden telah membentuk frasa masa yang tidak tepat dalam BC bagi soalan ketujuh. Didapati responden melakukan 4 jenis kesilapan dalam soalan ini, iaitu kesilapan angka, kesilapan *Hanyu Pinyin*, kesilapan kosa kata dan kesilapan struktur. Deskriptif tatabahasa menunjukkan kesilapan angka berlaku 4 kali. Misalnya, (i) kesilapan angka 十一点[shíyī diǎn] “pukul sebelas” ditulis sebagai 一十点[yī shí diǎn] “pukul satu puluh”, 一十一点[yī shí yī diǎn] “pukul satu sebelas”, (ii) kesilapan angka 四十五分[sìshíwǔ fēn] “empat puluh lima minit” ditulis sebagai 四五分[sì wǔ fēn] “empat Ø lima minit”. Di samping itu, kesilapan *Hanyu Pinyin* berlaku 4 kali dalam pembentukan frasa masa. Misalnya, (i) kesilapan *Hanyu Pinyin* 晚上[wǎnshàng] “malam” ditulis sebagai [wǎng shàng] dan (ii) kesilapan *Hanyu Pinyin* 四十[sìshí] “empat puluh” ditulis sebagai [shìshè], (iii) Kesilapan *Hanyu Pinyin* 刻[kè] “suku” ditulis sebagai [kè]. Di samping itu, seramai 12 orang responden melakukan kesilapan kosa kata yang sama, iaitu kesilapan kosa kata 晚上[wǎnshàng] “malam” ditulis sebagai 下午[xiàwǔ] “petang”. Selain itu, terdapat seorang responden melakukan kesilapan struktur dengan memberi jawapan 十一点四十五分下午[shíyī diǎn sì wǔ fēn xiàwǔ] “pukul sebelas empat puluh lima minit petang”. Jawapan ini tidak tepat kerana pemindahan struktur pembentukan frasa masa BM “jam + minit + waktu” dalam pembentukan frasa masa BC.

Kajian menganalisis corak kesalahan pembentukan frasa masa dalam BC bagi soalan kelapan ditunjukkan di dalam Jadual 4.23.

Jadual 4.23
Corak kesalahan pembentukan frasa masa dalam BC-Soalan 8

Masa	3:14 pm	Frekuensi	Deskriptif tatabahasa
Jawapan yang betul	下午三点十四分 [xiàwǔ sān diǎn shísi fēn]	26	Corak pembentukan frasa yang dikuasai.
Corak kesalahan pembentukan frasa masa dalam BC	晚上三点十四分 [wǎnshàng sān diǎn shísi fēn]	9	Kesilapan kosa kata 下午 [xiàwǔ] ditulis sebagai 晚上[wǎnshàng].
	三点十四分下午 [sān diǎn shísi fēn xiàwǔ]	1	Kesilapan struktur kerana pemindahan struktur BM.
	下午三点四十分 [xiàwǔ sān diǎn sìshí fēn]	1	Kesilapan struktur 十四分 [shísi fēn] ditulis sebagai 四十分 [sìshí fēn].

Jadual 4.23, sambungan
Corak kesalahan pembentukan frasa masa dalam BC-Soalan 8

Masa	3:14 pm	Frekuensi	Deskriptif tatabahasa
Corak kesalahan pembentukan frasa masa dalam BC	下午三点一十四分 [xiàwǔ sān diǎn yī shí sì fēn]	1	Kesilapan angka 十四分 [shí sì fēn] ditulis sebagai 一十四分 [yī shí sì fēn].
	下午三点十四分 [xiàwǔ sān diǎn shē sì fēn]	1	Kesilapan <i>Hanyu Pinyin</i> 四 [shì] ditulis sebagai [she].
	下午三点十四分 [xiàwǔ sān diǎn shí sì fān]	1	Kesilapan <i>Hanyu Pinyin</i> 分 [fēn] ditulis sebagai [fan].

Sebanyak 35% responden telah membentuk frasa masa yang tidak tepat dalam BC bagi soalan kelapan. Didapati responden melakukan 4 jenis kesilapan dalam soalan ini, iaitu kesilapan angka, kesilapan *Hanyu Pinyin*, kesilapan kosa kata dan kesilapan struktur. Didapati seorang responden melakukan kesilapan angka dalam pembentukan frasa masa, iaitu kesilapan angka 十四分 [shí sì fēn] “empat belas minit” ditulis sebagai 一十四分 [yī shí sì fēn] “satu empat belas minit”. Deskriptif tatabahasa menunjukkan kesilapan *Hanyu Pinyin* berlaku 2 kali dalam pembentukan frasa masa. Misalnya, (i) kesilapan *Hanyu Pinyin* 四 [shì] “angka 4” ditulis sebagai [she] dan (ii) kesilapan *Hanyu Pinyin* 分 [fēn] “minit” ditulis sebagai [fan]. Di samping itu, seramai 9 orang responden melakukan kesilapan kosa kata yang sama, iaitu kesilapan kosa kata bagi waktu 下午 [xiàwǔ] “petang” ditulis sebagai 晚上 [wǎnshàng] “malam”. Selain itu, terdapat 2 orang responden melakukan kesilapan struktur. Misalnya, (i) kesilapan struktur 三点十四分下午 [sān diǎn shí sì fēn xiàwǔ] “pukul tiga empat belas minit petang”. Jawapan ini tidak tepat kerana pemindahan struktur pembentukan frasa masa BM “jam + minit + waktu” dalam pembentukan frasa masa BC, (ii) kesilapan struktur 十四分 [shí sì fēn] “empat belas minit” ditulis sebagai 四十分 [sì shí fēn] “empat puluh minit”.

Kajian menganalisis corak kesalahan pembentukan frasa masa dalam BC bagi soalan kesembilan ditunjukkan di dalam Jadual 4.24.

Jadual 4.24
Corak kesalahan pembentukan frasa masa dalam BC-Soalan 9

Masa	4:58 pm	Frekuensi	Deskriptif tatabahasa
Jawapan yang betul	下午四点五十八分 [xiàwǔ sì diǎn wǔshíbā fēn]	28	Corak pembentukan frasa yang dikuasai.
Corak kesalahan pembentukan frasa masa dalam BC	晚上四点五十八分 [wǎnshàng sì diǎn wǔshíbā fēn]	9	Kesilapan kosa kata 下午 [xiàwǔ] ditulis sebagai 晚上[wǎnshàng].
	下午四点五十八分 [xiàwǔ sì diǎn wǔshíbā fēn]	1	Kesilapan <i>Hanyu Pinyin</i> 五[wǔ] ditulis sebagai [wo].
	四点五十八分下午 [sì diǎn wǔshíbā fēn xiàwǔ]	1	Kesilapan struktur kerana pemindahan struktur BM.
	下午四点五十八分 [xiàwǔ sì diǎn wǔshíbā fēn]	1	Kesilapan <i>Hanyu Pinyin</i> 分[fēn] ditulis sebagai [fan].

Sebanyak 30% responden telah membentuk frasa masa yang tidak tepat dalam BC bagi soalan kesembilan. Didapati responden melakukan 3 jenis kesilapan dalam soalan ini, iaitu kesilapan *Hanyu Pinyin*, kesilapan kosa kata dan kesilapan struktur. Deskriptif tatabahasa menunjukkan kesilapan *Hanyu Pinyin* berlaku 2 kali dalam pembentukan frasa masa. Misalnya, (i) kesilapan *Hanyu Pinyin* 五[wǔ] “angka 5” ditulis sebagai [wo] dan (ii) kesilapan *Hanyu Pinyin* 分[fēn] “minit” ditulis sebagai [fan]. Di samping itu, seramai 9 orang responden melakukan kesilapan kosa kata yang sama, iaitu kesilapan kosa kata bagi waktu 下午[xiàwǔ] “petang” ditulis sebagai 晚上[wǎnshàng] “malam”. Selain itu, terdapat seorang responden melakukan kesilapan struktur dengan memberi jawapan 四点五十八分下午[sì diǎn wǔshíbā fēn xiàwǔ] “pukul empat lima puluh lapan minit”. Jawapan ini tidak tepat kerana pemindahan struktur pembentukan frasa masa BM “jam + minit + waktu” dalam pembentukan frasa masa BC.

Kajian menganalisis corak kesalahan pembentukan frasa masa dalam BC bagi soalan kesembilan ditunjukkan di dalam Jadual 4.25.

Jadual 4.25
Corak kesalahan pembentukan frasa masa dalam BC-soalan 10

Masa	2:24 p.m.	Frekuensi	Deskriptif tatabahasa
Jawapan yang betul	下午 两点 二十四分 [xiàwǔ liǎng diǎn èrshí sì fēn]	11	Corak pembentukan frasa yang dikuasai.
Corak kesalahan pembentukan frasa masa dalam BC	晚上 二点 二十四分 [wǎnshàng èr diǎn èrshí sì fēn]	8	i. Kesilapan kosa kata 下午 [xiàwǔ] ditulis sebagai 晚上 [wǎnshàng]. ii. Kesilapan angka 两点 [liǎng diǎn] ditulis sebagai 二点 [èr diǎn].
	晚上 两点 二十四分 [wǎnshàng liǎng diǎn èrshí sì fēn]	1	Kesilapan kosa kata 下午 [xiàwǔ] ditulis sebagai 晚上 [wǎnshàng].
	下午 二点 二十四分 [xiàwǔ èr diǎn èrshí sì fēn]	14	Kesilapan angka 两点 [liǎng diǎn] ditulis sebagai 二点 [èr diǎn].
	下午 两点 两 二十四分 [xiàwǔ liǎng diǎn liǎng shí sì fēn]	3	Kesilapan angka 二十四分 [èrshí sì fēn] ditulis sebagai 两 二十四分 [liǎng shí sì fēn].
	下午 两点 二十四分 [xiàwǔ liǎng diǎn èrshí sì fēn]	1	Kesilapan <i>Hanyu Pinyin</i> 两点 [liǎng diǎn] ditulis sebagai [ling diǎn].
	两点 二十四分 下午 [liǎng diǎn èrshí sì fēn xiàwǔ]	1	i. Kesilapan struktur kerana pemindahan struktur BM. ii. Kesilapan <i>Hanyu Pinyin</i> bagi 两点 [liǎng diǎn] ditulis sebagai [ling diǎn].
	下午 两点 二十四分 [xiàwǔ liǎng diǎn èrshí sì fēn]	1	i. Kesilapan angka 两点 [liǎng diǎn] ditulis sebagai 二点 [èr diǎn]. ii. Kesilapan <i>Hanyu Pinyin</i> 分 [fēn] ditulis sebagai [fan].

Sebanyak 72.5% responden telah membentuk frasa masa yang tidak tepat dalam BC bagi soalan kesepuluh. Didapati responden melakukan 4 jenis kesilapan dalam soalan ini, iaitu kesilapan angka, kesilapan *Hanyu Pinyin*, kesilapan kosa kata dan kesilapan struktur. Deskriptif tatabahasa menunjukkan kesilapan angka berlaku 26 kali dalam pembentukan frasa masa. Misalnya, (i) kesilapan angka 两点 [liǎng diǎn] “pukul dua” ditulis sebagai 二点 [èr diǎn], (ii) kesilapan angka 二十四分 [èrshí sì fēn] “dua puluh empat minit” ditulis sebagai 两 二十四分 [liǎng shí sì fēn]. Ini menunjukkan responden keliru angka 2 yang mempunyai dua sebutan dalam BC, iaitu 二 [èr] dan 两 [liǎng]. Di samping itu,

kesilapan *Hanyu Pinyin* berlaku 3 kali dalam pembentukan frasa masa. Misalnya, (i) kesilapan *Hanyu Pinyin* 两点 [liǎng diǎn] “pukul dua” ditulis sebagai [ling diǎn], (ii) kesilapan *Hanyu Pinyin* 分 [fēn] “minit” ditulis sebagai [fan]. Selain itu, seramai 9 orang responden melakukan kesilapan kosa kata yang sama, iaitu kesilapan kosa kata bagi waktu 下午 [xiàwǔ] “petang” ditulis sebagai 晚上 [wǎnshàng] “malam”. Terdapat seorang responden melakukan kesilapan struktur dengan memberi jawapan 两点 二十四分 下午 [ling diǎn èrshí sī fēn xiàwǔ] “pukul dua dua puluh empat minit petang”. Jawapan ini tidak tepat kerana pemindahan struktur pembentukan frasa masa BM “jam + minit + waktu” dalam pembentukan frasa masa BC.

4.3.3 Analisis Corak Kesalahan Pembentukan Frasa Harga Dalam Bahasa Cina

Prestasi responden dalam ujian berkenaan frasa harga ditunjukkan di dalam Jadual 4.26. Didapati soalan 7 mempunyai frekuensi yang paling rendah dijawab salah, iaitu sebanyak 10%. Sebaliknya, soalan 6, 9 dan 10 mempunyai frekuensi yang paling tinggi dijawab salah, iaitu masing-masing mempunyai 97.5%.

Jadual 4.26
Prestasi responden dalam ujian berkenaan frasa harga

No. Soalan Harga	Jawapan yang betul		Jawapan yang salah	
	Bilangan (org)	Peratus (%)	Bilangan (org)	Peratus (%)
1	32	80.0	8	20.0
2	35	87.5	5	12.5
3	35	87.5	5	12.5
4	28	70.0	12	30.0
5	6	15.0	34	85.0
6	1	2.5	39	97.5
7	36	90.0	4	10.0
8	23	57.5	17	42.5
9	1	2.5	39	97.5
10	1	2.5	39	97.5
Jumlah	198	495	202	505

Analisis deskriptif tentang kesalahan pembentukan frasa harga dalam BC bagi setiap soalan adalah seperti yang di bawah. Frekuensi jenis kesilapan yang diambil kira adalah berdasarkan kekerapan responden melakukan kesilapan dalam setiap jenis kesilapan. Didapati jawapan yang salah diberikan oleh responden mempunyai lebih daripada satu jenis kesilapan. Maka bilangan soalan jawapan yang salah tidak sama dengan frekuensi jenis kesilapan.

Kajian menganalisis corak kesalahan pembentukan frasa harga dalam BC bagi soalan pertama ditunjukkan di dalam Jadual 4.27

Jadual 4.27
Corak kesalahan pembentukan frasa harga dalam BC -soalan 1

Harga	RM 14.90	Frekuensi	Deskriptif tatabahasa
Jawapan yang betul	十四块九毛 [shísì kuài jiǔ máo]	32	Corak pembentukan frasa yang dikuasai.
Corak kesalahan pembentukan frasa harga dalam BC	十四块一毛 [shísì kuài yī máo]	1	Kesilapan angka 九毛[jiǔ máo] ditulis sebagai 一毛[yī máo].
	十四块九毛 [shísì kuài jiǔ máo]	1	Kesilapan <i>Hanyu Pinyin</i> 九毛[jiǔ máo] ditulis sebagai [jiǔ máo].
	十四块六毛 [shísì kuài liù máo]	1	Kesilapan angka 九毛[jiǔ máo] ditulis sebagai 六毛[liù máo].
	十四块九十毛 [shísì kuài jiǔshí máo]	1	Kesilapan angka 九毛[jiǔ máo] ditulis sebagai 九十毛[jiǔshí máo].
	一十四块九毛 [yī shísì kuài jiǔ máo]	1	Kesilapan angka 十四块 [shísì kuài] ditulis sebagai 一十四块[yī shísì kuài].
	二四块九毛 [èr sì kuài jiǔ máo]	1	Kesilapan angka 十四块 [shísì kuài] ditulis sebagai 二四块[èr sì kuài].
	十四块九半 [shísì kuài jiǔ bàn]	1	Kesilapan kosa kata 毛[máo] ditulis sebagai 半[bàn].
	十三块九毛 [shísān kuài jiǔ máo]	1	Kesilapan angka 十四块 [shísì kuài] ditulis sebagai 十三块[shísān kuài].

Sebanyak 20% responden telah membentuk frasa masa yang tidak tepat dalam BC bagi soalan pertama. Didapati responden melakukan 3 jenis kesilapan dalam soalan ini, iaitu kesilapan angka, kesilapan *Hanyu Pinyin* dan kesilapan kosa kata. Deskriptif tatabahasa menunjukkan kesilapan angka berlaku 6 kali dalam pembentukan frasa masa. Misalnya, (i) kesilapan angka 九毛[jiǔ máo] “sembilan puluh sen” ditulis sebagai 一毛[yī máo] “sepuluh sen”, 六毛[liù máo] “enam puluh sen”, 九十毛[jiǔshí máo] “sembilan puluh sen”,

(ii) kesilapan angka 十四块[shí sì kuài] “empat belas ringgit” ditulis sebagai 一十四块[yī shí sì kuài] “satu empat belas ringgit”, 二四块[èr sì kuài] “dua empat ringgit” dan 十三块[shí sān kuài] “tiga belas ringgit”. Di samping itu, terdapat seorang responden melakukan kesilapan *Hanyu Pinyin* dalam pembentukan frasa harga, iaitu kesilapan *Hanyu Pinyin* 九毛[jiǔ máo] “sembilan puluh sen” ditulis sebagai [siǔ máo]. Selain itu, seorang responden melakukan kesilapan kosa kata, iaitu kesilapan kosa kata 毛[máo] “puluh sen” ditulis sebagai 半[bàn] “setengah”.

Kajian menganalisis corak kesalahan pembentukan frasa harga dalam BC bagi soalan kedua ditunjukkan di dalam Jadual 4.28

Jadual 4.28
Corak kesalahan pembentukan frasa harga dalam BC -soalan 2

Harga	RM 40.20	Frekuensi	Deskriptif tatabahasa
Jawapan yang betul	四十块两毛/ [sìshí kuài liǎng máo]/ 四十块二毛 [sìshí kuài èr máo]	35	Corak pembentukan frasa yang dikuasai.
Corak kesalahan pembentukan frasa harga dalam BC	四十块两毛 [sìshí kuài liǎng máo]	1	Kesilapan <i>Hanyu Pinyin</i> 两毛 [liǎng máo] ditulis sebagai [líng máo].
	四十块二十毛 [sìshí kuài èrshí máo]	2	Kesilapan angka 二毛 [èr máo] ditulis sebagai 二十毛 [èrshí máo].
	四十块二半 [sìshí kuài èr bàn]	1	Kesilapan kosa kata 毛 [máo] ditulis sebagai 半 [bàn].
	四二十块两毛 [sì èrshí kuài liǎng máo]	1	Kesilapan angka 四十块 [sìshí kuài] ditulis sebagai 四二十块 [sì èrshí kuài].

Sebanyak 12.5% responden telah membentuk frasa masa yang tidak tepat dalam BC bagi soalan kedua. Didapati responden melakukan 3 jenis kesilapan dalam soalan ini, iaitu kesilapan angka, kesilapan *Hanyu Pinyin* dan kesilapan kosa kata. Deskriptif tatabahasa menunjukkan kesilapan angka berlaku 3 kali dalam pembentukan frasa masa. Misalnya, (i) kesilapan angka 二毛 [èr máo] “dua puluh sen” ditulis sebagai 二十毛 [èrshí máo] “dua puluh puluh sen”, (ii) kesilapan angka 四十块 [sìshí kuài] “empat puluh ringgit” ditulis sebagai 四二十块 [sì èrshí kuài] “empat dua puluh ringgit”. Di samping itu, terdapat

seorang responden melakukan kesilapan *Hanyu Pinyin* dalam pembentukan frasa harga, iaitu kesilapan *Hanyu Pinyin* 两毛[liǎng máo] “dua puluh sen” ditulis sebagai [lǐng máo]. Selain itu, seorang responden melakukan kesilapan kosa kata, iaitu kesilapan kosa kata 毛[máo] “puluh sen” ditulis sebagai 半[bàn] “setengah”.

Kajian menganalisis corak kesalahan pembentukan frasa harga dalam BC bagi soalan ketiga ditunjukkan di dalam Jadual 4.29.

Jadual 4.29
Corak kesalahan pembentukan frasa harga dalam BC -soalan 3

Harga	RM 79.80	Frekuensi	Deskriptif tatabahasa
Jawapan yang betul	七十九块八毛 [qīshíjiǔ kuài bā máo]	35	Corak pembentukan frasa yang dikuasai.
Corak kesalahan pembentukan frasa harga dalam BC	七十块八毛 [qīshí kuài bā máo]	1	Kesilapan angka 七十九块[qīshíjiǔ kuài] ditulis sebagai 七十块[qīshí kuài].
	七十六块八毛 [qīshíliù kuài bā máo]	1	Kesilapan angka 七十九块[qīshíjiǔ kuài] ditulis sebagai 七十六块[qīshíliù kuài].
	七十九块八十毛 [qīshíjiǔ kuài bāshí máo]	1	Kesilapan angka 八毛[bā máo] ditulis sebagai 八十毛[bāshí máo].
	七十九块八半 [qīshíjiǔ kuài bā bàn]	1	Kesilapan kosa kata 毛[máo] ditulis sebagai 半[bàn].
	九二九块八毛 [jiǔ èr qiū kuài bā máo]	1	Kesilapan angka 七十九块[qīshíjiǔ kuài] ditulis sebagai 九二九块[jiǔ èr qiū kuài].

Sebanyak 12.5% responden telah membentuk frasa masa yang tidak tepat dalam BC bagi soalan ketiga. Didapati responden melakukan 2 jenis kesilapan dalam soalan ini, iaitu kesilapan angka dan kesilapan kosa kata. Deskriptif tatabahasa menunjukkan kesilapan angka berlaku 4 kali dalam pembentukan frasa masa. Misalnya, (i) kesilapan angka 七十九块[qīshíjiǔ kuài] “tujuh puluh sembilan ringgit” ditulis sebagai 七十块[qīshí kuài] “tujuh puluh ringgit”, 七十六块[qīshíliù kuài] “tujuh puluh enam ringgit”, 九二九块[jiǔ èr qiū kuài] “sembilan dua sembilan ringgit”, (ii) kesilapan angka 八毛[bā máo] “lapan puluh sen” ditulis sebagai 八十毛[bāshí máo] “lapan puluh puluh sen”. Di samping itu, terdapat

seorang responden melakukan kesilapan kosa kata, iaitu kesilapan kosa kata 毛[máo] “puluh sen” ditulis sebagai 半[bàn] “setengah”.

Kajian menganalisis corak kesalahan pembentukan frasa harga dalam BC bagi soalan keempat dinyatakan di dalam Jadual 4.30.

Jadual 4.30
Corak kesalahan pembentukan frasa harga dalam BC -soalan 4

Harga	RM 92.10	Frekuensi	Deskriptif tatabahasa
Jawapan yang betul	九十二块一毛 [jiùshíèr kuài yī máo]	28	Corak pembentukan frasa yang dikuasai.
Corak kesalahan pembentukan frasa harga dalam BC	九十二块十分 [jiùshíèr kuài shí fēn]	5	Kesilapan kosa kata 一毛[yī máo] ditulis sebagai 十分[shí fēn].
	九十两块毛 [jiùshí liǎng kuài máo]	1	i. Kesilapan angka 九十二块[jiùshíèr kuài] ditulis sebagai 九十两块[jiùshí liǎng kuài]. ii. Ketinggalan kosa kata 一[yī].
	九十二块毛 [jiùshíèr kuài máo]	2	Ketinggalan kosa kata 一[yī].
	九十二块十毛 [jiùshíèr kuài shí máo]	1	Kesilapan angka 一毛[yī máo] ditulis sebagai 十毛[shí máo].
	九十二块四毛 [jiùshíèr kuài sì máo]	1	Kesilapan angka 一毛[yī máo] ditulis sebagai 四毛[sì máo].
	九十二块六毛 [jiùshíèr kuài liù máo]	1	Kesilapan angka 一毛[yī máo] ditulis sebagai 六毛[liù máo].
	九十二块一半 [jiùshíèr kuài yī bàn]	1	Kesilapan kosa kata 毛[máo] ditulis sebagai 半[bàn].

Sebanyak 30% responden telah membentuk frasa masa yang tidak tepat dalam BC bagi soalan keempat. Didapati responden melakukan 3 jenis kesilapan dalam soalan ini, iaitu kesilapan angka, kesilapan kosa kata dan ketinggalan kosa kata. Deskriptif tatabahasa menunjukkan kesilapan angka berlaku 4 kali dalam pembentukan frasa masa. Misalnya, (i) kesilapan angka 九十二块[jiùshíèr kuài] “sembilan puluh dua ringgit” ditulis sebagai 九十两块[jiùshí liǎng kuài], (ii) kesilapan angka 一毛[yī máo] “sepuluh sen” ditulis sebagai 十毛[shí máo] “sepuluh puluh sen”, 四毛[sì máo] “empat puluh sen”, 六毛[liù máo] “enam puluh sen”. Di samping itu, kesilapan kosa kata berlaku 6 kali dalam pembentukan frasa harga. Misalnya, (i) kesilapan kosa kata 一毛[yī máo] “sepuluh sen” ditulis sebagai 十分[shí fēn],

(ii) kesilapan kosa kata 毛[máo] “puluh sen” ditulis sebagai 半[bàn] “setengah”. Selain itu, terdapat 3 orang responden ketinggalan kosa kata 一[yī] “satu” dengan memberi jawapan yang tidak lengkap seperti 九十二块 0 毛[jiūshíèr kuài 0 máo] “sembilan puluh dua ringgit 0 puluh sen”.

Kajian menganalisis corak kesalahan pembentukan frasa harga dalam BC bagi soalan kelima seperti jadual 4.31

Jadual 4.31
Corak kesalahan pembentukan frasa harga dalam BC -soalan 5

Harga	RM 305.00	Frekuensi	Deskriptif tatabahasa
Jawapan yang betul	三百零五块 [sān bǎi líng wǔ kuài]	6	Corak pembentukan frasa yang dikuasai.
Corak kesalahan pembentukan frasa harga dalam BC	三百五块 [sān bǎi wǔ kuài]	32	Ketinggalan kosa kata 零[líng] dalam nilai tempat perpuluhan.
	三百五块零毛 [sān bǎi wǔ kuài líng máo]	1	i. Ketinggalan kosa kata 零[líng] ii. Kesilapan struktur kerana menyatakan sen pada nombor bulat di unit ringgit.
	三千零五块 [sān qiān líng wǔ kuài]	1	i. Kesilapan kosa kata 百[bǎi] ditulis sebagai 千[qiān]. ii. Ketinggalan kosa kata 零[líng] dalam nilai tempat perpuluhan.

Sebanyak 85% responden telah membentuk frasa masa yang tidak tepat dalam BC bagi soalan kelima. Didapati responden melakukan 3 jenis kesilapan dalam soalan ini, iaitu kesilapan kosa kata, kesilapan struktur dan ketinggalan kosa kata. Didapati seorang responden melakukan kesilapan kosa kata, iaitu kesilapan kosa kata 百[bǎi] “ratus” ditulis sebagai 千[qiān] “ribu”. Begitu juga dengan kesilapan struktur dilakukan oleh seorang responden dengan memberi jawapan 三百五块零毛[sān bǎi wǔ kuài líng máo] “tiga ratus lima ringgit kosong puluh sen”. Jawapan ini tidak tepat kerana menyatakan sen pada nombor bulat dalam pembentukan frasa harga BC. Di samping itu, deskriptif tatabahasa menunjukkan sebanyak 34 orang responden ketinggalan kosa kata yang sama, iaitu ketinggalan kosa kata 零[líng] “kosong” pada nilai tempat ratus dalam pembentukan frasa harga BC.

Kajian menganalisis corak kesalahan pembentukan frasa harga dalam BC bagi

soalan keenam ditunjukkan di dalam Jadual 4.32.

Jadual 4.32

Corak kesalahan pembentukan frasa harga dalam BC -soalan 6

Harga	RM 110.12	Frekuensi	Deskriptif tatabahasa
Jawapan yang betul	一百一十块一毛二分 [yī bǎi yī shí kuài yī máo èr fēn]	1	Corak pembentukan frasa yang dikuasai.
Corak kesalahan pembentukan frasa harga dalam BC	一百十块一毛二 [yī bǎi shí kuài yī máo èr]	13	Ketinggalan kosa kata 一[yī] pada nilai tempat puluh.
	一百十块十四分 [yī bǎi shí kuài shí sì fēn]	1	i. Ketinggalan kosa kata 一[yī] pada nilai tempat puluh. ii. Kesilapan angka 一毛二[yī máo èr] ditulis sebagai 十四分[shí sì fēn].
	一百十块十两毛 [yī bǎi shí kuài shí liǎng máo]	1	i. Ketinggalan kosa kata 一[yī] pada nilai tempat puluh. ii. Kesilapan angka 一毛二[yī máo èr] kepada 十两毛[shí liǎng máo].
	一百十块十二分 [yī bǎi shí kuài shí èr fēn]	3	i. Ketinggalan kosa kata 一[yī] pada nilai tempat puluh. ii. Kesilapan angka 一毛二[yī máo èr] kepada 十二分[shí èr fēn].
	一百十块一毛两 [yī bǎi shí kuài yī máo liǎng]	1	i. Ketinggalan kosa kata 一[yī] pada nilai tempat puluh. ii. Kesilapan angka 一毛二[yī máo èr] kepada ditulis sebagai 一毛两[yī máo liǎng].
	一百十块十毛二 [yī bǎi shí kuài shí máo èr]	2	i. Ketinggalan kosa kata 一[yī] pada nilai tempat puluh. ii. Kesilapan angka 一毛二[yī máo èr] kepada 十毛二[shí máo èr].
	一百十块十二毛 [yī bǎi shí kuài shí èr máo]	11	i. Ketinggalan kosa kata 一[yī] pada nilai tempat puluh. ii. Kesilapan angka 一毛二[yī máo èr] ditulis sebagai 十二毛[shí èr máo].
	一百十块一毛二分 [yī bǎi shí kuài yī máo èr fēn]	3	Ketinggalan kosa kata 一[yī] pada nilai tempat puluh.
	一百十块十毛两 [yī bǎi shí kuài shí máo liǎng]	1	i. Ketinggalan kosa kata 一[yī] pada nilai tempat puluh. ii. Kesilapan angka 一毛二[yī máo èr] kepada 十毛两[shí máo liǎng].
	一百一十块十一二毛 [yī bǎi yī shí kuài shí yī èr máo]	1	i. Ketinggalan kosa kata 一[yī] pada nilai tempat puluh. ii. Kesilapan angka 一毛二[yī máo èr] kepada 十一二毛[shí yī èr máo].

Jadual 4.32, sambungan
Corak kesalahan pembentukan frasa harga dalam BC -soalan 6

Harga	RM 110.12	Frekuensi	Deskriptif tatabahasa
Corak kesalahan pembentukan frasa harga dalam BC	一百 十块 十二半 [yī bǎi shí kù ài shí'èr bàn]	1	i. Ketinggalan kosa kata 一[yī] pada nilai tempat puluh. ii. Kesilapan kosa kata 毛[máo] “puluh sen” ditulis sebagai 半[bàn].
	一百 十块 十毛二分 [yī bǎi shí kù ài shí máo èr fēn]	1	i. Ketinggalan kosa kata 一[yī] pada nilai tempat puluh. ii. Kesilapan angka 一毛二[yī máo èr] kepada 十毛二分[shí máo èr fēn].

Sebanyak 97.5% responden telah membentuk frasa masa yang tidak tepat dalam BC bagi soalan keenam. Didapati responden melakukan 3 jenis kesilapan dalam soalan ini, iaitu kesilapan angka, kesilapan kosa kata dan ketinggalan kosa kata. Deskriptif tatabahasa menunjukkan sebanyak 22 orang responden memberi 10 jenis kesilapan angka 一毛二[yī máo èr] “satu puluh sen dua sen” ditulis sebagai 十四分[shí sì mǎo], 十两毛[shí liǎng máo], 十二分[shí'èr fēn], 一毛两[yī máo liǎng], 十二毛[shí'èr máo], 十毛两[shí máo liǎng], 十毛二[shí máo èr], 十二毛[shí'èr máo], 十一二毛[shí yī èr máo] dan 十毛二分[shí máo èr fēn]. Didapati seorang responden melakukan kesilapan kosa kata, iaitu 毛[máo] “puluh sen” ditulis sebagai 半[bàn] “setengah”. Di samping itu, terdapat sebanyak 39 orang responden ketinggalan kosa kata yang sama, iaitu ketinggalan kosa kata 一[yī] “satu” pada nilai tempat puluh dalam pembentukan frasa harga BC.

Kajian menganalisis corak kesalahan pembentukan frasa harga dalam BC bagi soalan ketujuh dinyatakan di dalam Jadual 4.33.

Jadual 4.33
Corak kesalahan pembentukan frasa harga dalam BC-soalan 7

Harga	RM 291.00	Frekuensi	Deskriptif tatabahasa
Jawapan yang betul	二百九十一块/ [èr bǎi jiǔshíyī kuài] / 两百九十一块 [liǎng bǎi jiǔshíyī kuài]	36	Corak pembentukan frasa yang dikuasai.
Corak kesalahan pembentukan frasa harga dalam BC	二百九十一块零毛 [èr bǎi jiǔshíyī kuài líng mǎo]	1	Kesilapan struktur kerana menyatakan sen pada nombor bulat di unit ringgit.
	两百九十一块 [liǎng bǎi jiǔshíyī kuài]	1	Kesilapan <i>Hanyu Pinyin</i> 两百 [liǎng bǎi] ditulis sebagai [ling bǎi].
	二百九一块 [èr bǎi jiǔ yī kuài]	2	Kesilapan angka 九十一块 [jiǔshíyī kuài] ditulis sebagai 九一块 [jiǔ yī kuài].

Sebanyak 10% responden telah membentuk frasa masa yang tidak tepat dalam BC bagi soalan ketujuh. Didapati responden melakukan 3 jenis kesilapan dalam soalan ini, iaitu kesilapan angka, kesilapan *Hanyu Pinyin* dan kesilapan struktur. Deskriptif tatabahasa menunjukkan 2 orang responden melakukan kesilapan angka yang sama, iaitu 九十一块 [jiǔshíyī kuài] “sembilan puluh satu ringgit” ditulis sebagai 九一块 [jiǔ yī kuài] “sembilan Ø satu ringgit”. Di samping itu, seorang responden melakukan kesilapan *Hanyu Pinyin* 两百 [liǎng bǎi] “dua ratus” ditulis sebagai [ling bǎi]. Begitu juga dengan kesilapan struktur dilakukan oleh seorang responden dengan memberi jawapan 二百九十一块零毛 [èr bǎi jiǔshíyī kuài líng máo] “dua ratus sembilan puluh satu ringgit kosong puluh sen”. Jawapan ini tidak tepat kerana menyatakan sen pada nombor bulat dalam pembentukan frasa harga BC.

Kajian menganalisis corak kesalahan pembentukan frasa harga dalam BC bagi

soalan kelapan dinyatakan di dalam Jadual 4.34.

Jadual 4.34
Corak kesalahan pembentukan frasa harga dalam BC -soalan 8

Harga	RM 520.45	Frekuensi	Deskriptif tatabahasa
Jawapan yang betul	五百二十块四毛半/ [wǔ bǎi èrshí kuài sì máo bàn] / 五百二十块四毛五 [wǔ bǎi èrshí kuài sì máo wǔ]	23	Corak pembentukan frasa yang dikuasai.
Corak kesalahan pembentukan frasa harga dalam BC	五百二十块四十五分 [wǔ bǎi èrshí kuài sishíwǔ fēn]	2	Kesilapan angka 四毛半[sì máo bàn] ditulis sebagai 四十五分[sishíwǔ fēn].
	五百二十块四十五毛 [wǔ bǎi èrshí kuài sishíwǔ máo]	10	Kesilapan angka 四毛半[sì máo bàn] ditulis sebagai 四十五毛[sishíwǔ máo].
	五百二十块四十毛五 [wǔ bǎi èrshí kuài sìshí máo wǔ]	1	Kesilapan angka 四毛半[sì máo bàn] ditulis sebagai 四十毛五[sìshí máo wǔ].
	五百二十块四半 [wǔ bǎi èrshí kuài sì bàn]	2	Ketinggalan kosa kata 毛[máo].
	五百二十块四十半 [wǔ bǎi èrshí kuài sìshí bàn]	1	Kesilapan angka 四毛半[sì máo bàn] ditulis sebagai 四十半[sìshí bàn].
	五百两块四毛半 [wǔ bǎi liǎng kuài sì máo bàn]	1	i. Kesilapan <i>Hanyu Pinyin</i> 百[bǎi] ditulis sebagai [ban]. ii. Kesilapan angka 二十块[èrshí kuài] ditulis sebagai 两块[liǎng kuài]. iii. Kesilapan angka 四毛半[sì máo bàn] ditulis sebagai 四十五毛[sishíwǔ máo].

Sebanyak 42.5% responden telah membentuk frasa masa yang tidak tepat dalam BC bagi soalan kelapan. Didapati responden melakukan 3 jenis kesilapan dalam soalan ini, iaitu kesilapan angka, kesilapan *Hanyu Pinyin* dan ketinggalan kosa kata. Deskriptif tatabahasa menunjukkan sebanyak 16 orang responden memberi 3 jenis kesilapan angka, iaitu 四毛半[sì máo bàn] “empat puluh sen setengah” ditulis sebagai 四十五分[sishíwǔ fēn], 四十五毛[sishíwǔ máo] dan 四十半[sìshí bàn]. Didapati seorang responden melakukan kesilapan *Hanyu Pinyin* 百[bǎi] “ratus” ditulis sebagai [ban]. Di samping itu, terdapat 2 orang responden ketinggalan kosa kata 毛[máo] dalam pembentukan frasa harga BC.

Kajian menganalisis corak kesalahan pembentukan frasa harga dalam BC bagi

soalan kesembilan dinyatakan di dalam Jadual 4.35.

Jadual 4.35
Corak kesalahan pembentukan frasa harga dalam BC -soalan 9

Harga	RM 9041.00	Frekuensi	Deskriptif tatabahasa
Jawapan yang betul	九千零四十一块 [jiǔ qiān líng sìshíyī kuài]	1	Corak pembentukan frasa yang dikuasai.
Corak kesalahan pembentukan frasa harga dalam BC	九千四十一块 [jiǔ qiān sìshíyī kuài]	27	Ketinggalan kosa kata 零[líng] pada nilai tempat ratus.
	九千四十一块零毛 [jiǔ qiān sìshíyī kuài líng máo]	1	i. Ketinggalan kosa kata 零[líng] pada nilai tempat ratus. ii. Kesilapan struktur kerana menyatakan sen pada nombor bulat di unit ringgit.
	九千三十一块 [jiǔ qiān sānshíyī kuài]	1	i. Ketinggalan kosa kata 零[líng] pada nilai tempat ratus. ii. Kesilapan angka 四[sì] ditulis sebagai 三[sān].
	九千七十一块 [jiǔ qiān qīshíyī kuài]	1	i. Ketinggalan kosa kata 零[líng] pada nilai tempat ratus. ii. Kesilapan angka 四[sì] ditulis sebagai 七[qī].
	九千四十块 [jiǔ qiān sìshí fù kuài]	5	i. Ketinggalan kosa kata 零[líng] pada nilai tempat ratus. ii. Ketinggalan kosa kata 一[yī] pada nilai tempat sa.
	九千十一块 [jiǔ qiān shíshíyī kuài]	1	i. Ketinggalan kosa kata 零[líng] pada nilai tempat ratus. ii. Kesilapan angka 四[sì] ditulis sebagai 十[shí].
	六千四十一块 [liù qiān sìshíyī kuài]	1	i. Ketinggalan kosa kata 零[líng] pada nilai tempat ratus. ii. Kesilapan angka 九[jiǔ] ditulis sebagai 六[liù].
	九千四十二块 [jiǔ qiān sìshíèr kuài]	1	i. Ketinggalan kosa kata 零[líng] pada nilai tempat ratus. ii. Kesilapan <i>Hanyu Pinyin</i> bagi 九[jiǔ] ditulis sebagai [ji]. iii. Kesilapan angka 一[yī] ditulis sebagai 二[èr].
	九千四十四块 [jiǔ qiān sìshísi kuài]	1	i. Ketinggalan kosa kata 零[líng] pada nilai tempat ratus. ii. Kesilapan angka 一[yī] ditulis sebagai 四[sì].

Sebanyak 97.5% responden telah membentuk frasa masa yang tidak tepat dalam BC bagi soalan kesembilan. Didapati responden melakukan 4 jenis kesilapan dalam soalan

ini, iaitu kesilapan angka, kesilapan *Hanyu Pinyin*, kesilapan struktur dan ketinggalan kosa kata. Deskriptif tatabahasa menunjukkan kesilapan angka berlaku 6 kali. Misalnya, (i) kesilapan angka 四[sì] “empat” ditulis sebagai 三[sān] “tiga” dan 七[qī] “tujuh”, (ii) kesilapan angka 九[jiǔ] “sembilan” ditulis sebagai 六[lìu] “enam”, (iii) kesilapan angka 一[yī] “satu” ditulis sebagai 二[èr] “dua” dan 四[sì] “empat”. Didapati seorang responden melakukan kesilapan *Hanyu Pinyin* 九[jiǔ] “angka 9” ditulis sebagai [ji]. Begitu juga dengan kesilapan struktur dilakukan oleh seorang responden dengan memberi jawapan 九千四十一块零毛 [jiǔ qiān sìshíyī kuài líng máo] “sembilan ribu empat puluh satu ringgit kosong puluh sen”. Jawapan ini tidak tepat kerana menyatakan sen pada nombor bulat dalam pembentukan frasa harga BC. Di samping itu, ketinggalan kosa kata berlaku sebanyak 44 kali dalam pembentukan frasa harga BC. Misalnya, (i) ketinggalan kosa kata 零[líng] “kosong” pada nilai tempat ratus dan (ii) ketinggalan kosa kata 一[yī] “satu” pada nilai tempat sa.

Kajian menganalisis corak kesalahan pembentukan frasa harga dalam BC bagi soalan kesepuluh dinyatakan di dalam Jadual 4.36.

Jadual 4.36
Corak kesalahan pembentukan frasa harga dalam BC -soalan 10

Harga	RM 8107.09	Frekuensi	Deskriptif tatabahasa
Jawapan yang betul	八千一百零七块零九分 [bā qiān yī bǎi líng qī kuài líng jiǔ fēn]	1	Corak pembentukan frasa yang dikuasai.
Corak kesalahan pembentukan frasa harga dalam BC	八千一百七块九毛 [bā qiān yī bǎi qī kuài jiǔ máo]	3	i. Ketinggalan kosa kata 零[líng] pada nilai tempat puluh dan nilai tempat puluh sen. ii. Kesilapan kosa kata 分[fēn] ditulis sebagai 毛[máo].
	八千一百七块零九分 [bā qiān yī bǎi líng qī kuài líng jiǔ fēn]	7	Ketinggalan kosa kata 零[líng] pada nilai tempat puluh.
	八千一百七块零毛九分 [bā qiān yī bǎi qī kuài líng máo jiǔ fēn]	1	i. Ketinggalan kosa kata 零[líng] pada nilai tempat puluh. ii. Kesilapan struktur kerana menyatakan kosa kata 毛[máo] di nilai tempat puluh sen yang bernilai kosong.

Jadual 4.36, sambungan
Corak kesalahan pembentukan frasa harga dalam BC -soalan 10

Harga	RM 8107.09	Frekuensi	Deskriptif tatabahasa
Corak kesalahan pembentukan frasa harga dalam BC	八千一百七块九分 [bā qiān yī bǎi qī kuài jiù fēn]	10	i. Ketinggalan kosa kata 零[líng] pada nilai tempat puluh dan nilai tempat puluh sen .
	八千一百七块零毛九 [bā qiān yī bǎi qī kuài líng máo jiù]	7	i. Ketinggalan kosa kata 零[líng] pada nilai tempat puluh. ii. Kesilapan struktur kerana menyatakan kosa kata 毛[máo] di nilai tempat puluh sen yang bernilai kosong. ii. Ketinggalan kosa kata 分[fēn].
	八千一百零七块零毛九 [bā qiān yī líng qī kuài líng máo jiù]	1	i. Ketinggalan kosa kata 百[bǎi]. ii. Kesilapan struktur kerana menyatakan kosa kata 毛[máo] di nilai tempat puluh sen yang bernilai kosong. iii. Ketinggalan kosa kata 分[fēn].
	八千一百零七块零九分 [bā qiān yī líng qī kuài líng jiù fēn]	1	Ketinggalan kosa kata 百[bǎi].
	八千一百零十七块九分 [bā qiān yī bǎi líng shí qī kuài jiù fēn]	1	i. Kesilapan angka 七块 [qī kuài] ditulis sebagai 十七块[shí qī kuài]. ii. Ketinggalan kosa kata 零[líng] pada nilai tempat puluh sen. Kesilapan <i>Hanyu Pinyin</i> 九[jiù] ditulis sebagai [siù].
	八千一百七块零九毛 [bā qiān yī bǎi qī kuài líng jiù máo]	4	i. Ketinggalan kosa kata 零[líng] pada nilai tempat puluh. iii. Kesilapan kosa kata 分[fēn] ditulis sebagai 毛[máo].
	七千一百七块零九毛 [qī qiān yī bǎi qī kuài líng jiù máo]	1	i. Kesilapan angka 八 [bā] ditulis sebagai 七[qī]. ii. Ketinggalan kosa kata 零[líng] pada nilai tempat puluh. iii. Kesilapan kosa kata 分[fēn] ditulis sebagai 毛 [máo].
	八千一百零七块零九毛 [bā qiān yī shí líng qī kuài líng jiù máo]	1	i. Kesilapan angka 一百[yī bǎi] ditulis sebagai 一十[yī shí]. ii. Kesilapan kosa kata 分[fēn] ditulis sebagai 毛[máo].
	八千一百零七块零九毛 [bā qiān yī bǎi líng qī kuài líng jiù máo]	1	i. Kesilapan <i>Hanyu Pinyin</i> 一百 [yī bǎi] ditulis sebagai [yī bǎn]. ii. Kesilapan kosa kata 分[fēn] ditulis sebagai 毛[máo].
	—	1	Responden tidak menjawab soalan ini.

Sebanyak 97.5% responden telah membentuk frasa masa yang tidak tepat dalam BC bagi soalan kesepuluh. Didapati responden melakukan 5 jenis kesilapan dalam soalan

ini, iaitu kesilapan angka, kesilapan *Hanyu Pinyin*, kesilapan kosa kata, kesilapan struktur dan ketinggalan kosa kata. Deskriptif tatabahasa menunjukkan kesilapan angka berlaku 3 kali. Misalnya, (i) kesilapan angka 七块 [qī kuài] “tujuh ringgit” ditulis sebagai 十七块 [shí qī kuài] “tujuh belas ringgit”, (ii) kesilapan angka 八 [bā] “lapan” ditulis sebagai 七 [qī] “tujuh”, (iii) kesilapan angka 一百 [yī bǎi] “seratus” ditulis sebagai 一十 [yī shí] “satu sepuluh”. Didapati dua orang responden melakukan kesilapan *Hanyu Pinyin*, iaitu (i) kesilapan *Hanyu Pinyin* 九 [jiǔ] ditulis sebagai [siù] dan (ii) kesilapan *Hanyu Pinyin* 一百 [yī bǎi] ditulis sebagai [yī bǎn]. Terdapat 10 orang responden melakukan kesilapan kosa kata yang sama dalam pembentukan frasa harga BC, iaitu kesilapan kosa kata 分 [fēn] “sen” ditulis sebagai 毛 [máo] “puluh sen”. Begitu juga dengan 9 orang responden melakukan kesilapan struktur yang sama, iaitu menyatakan kosa kata 毛 [máo] di nilai tempat puluh sen yang bernilai kosong. Di samping itu, ketinggalan kosa kata berlaku sebanyak 44 kali dalam pembentukan frasa harga BC. Misalnya, (i) ketinggalan kosa kata 零 [líng] “kosong” pada nilai tempat puluh dan nilai tempat puluh sen, (ii) ketinggalan kosa kata 百 [bǎi] “ratus”.

4.4 Jenis Corak Kesalahan Pembentukan Frasa Nombor Dalam Bahasa Cina

Setelah analisis deskriptif dijalankan ke atas corak pembentukan kesalahan frasa nombor yang dibentuk oleh responden Melayu, didapati corak kesalahan dalam pembentukan frasa nombor dalam BC boleh dibahagikan kepada lima jenis, iaitu kesilapan angka (seksyen 4.4.1), kesilapan *Hanyu Pinyin* (seksyen 4.4.2), kesilapan kosa kata (seksyen 4.4.3), kesilapan struktur (seksyen 4.4.4) dan ketinggalan kosa kata (seksyen 4.4.5). Frekuensi jenis kesilapan pembentukan frasa nombor dalam BC dinyatakan di dalam Jadual 4.37.

Jadual 4.37
 Frekuensi jenis kesilapan pembentukan frasa nombor dalam BC

Bil.	Jenis kesilapan	Tarikh	Masa	Harga	JUMLAH
1	Kesilapan angka	18	43	66	127
2	Kesilapan <i>Hanyu Pinyin</i>	69	31	7	107
3	Kesilapan kosa kata	18	82	21	121
4	Kesilapan struktur	3	17	12	32
5	Ketinggalan kosa kata	23	3	166	192
	JUMLAH	131	176	272	579

Analisis frekuensi menunjukkan bahawa responden Melayu paling kerap ketinggalan kosa kata dalam pembentukan frasa nombor BC, iaitu sebanyak 192 kali. Seterusnya, jenis kesilapan yang kedua banyak diikuti oleh kesilapan angka dengan 127 kali. Kesilapan kosa kata dilakukan oleh responden sebanyak 121 kali. Responden telah melakukan kesilapan *Hanyu Pinyin* sebanyak 107 kali. Kesilapan yang paling kurang dilakukan dalam kalangan pelajar Melayu adalah kesilapan struktur, iaitu sebanyak 32 kali.

Dari segi topik frasa nombor, responden Melayu paling banyak melakukan kesilapan bagi pembentukan frasa harga dalam BC, iaitu sebanyak 272 kali. Seterusnya, sebanyak 176 kali kesilapan wujud bagi pembentukan frasa masa dalam BC. Sebaliknya, pembentukan frasa tarikh dalam BC merupakan topik frasa nombor yang paling kurang menimbul corak kesalahan dalam pembentukan frasa nombor BC, iaitu sebanyak 131 kali. Ini menunjukkan bahawa responden Melayu lebih menguasai frasa tarikh dalam BC tetapi melakukan banyak kesilapan dalam pembentukan frasa harga dalam BC.

4.4.1 Kesilapan Angka

Analisis menunjukkan bahawa responden Melayu keliru 4 kategori angka, iaitu (i) angka 六[liù] dengan 九[jiǔ], (ii) angka 二[èr] dengan 两[liǎng], (iii) angka 零[líng] dengan 两[liǎng] dan (iv) angka 四[sì] dengan 十[shí].

Data menunjukkan bahawa responden keliru antara 六[liù] yang bermakna “angka 6” dengan 九[jiǔ] yang bermaksud “angka 9”. Misalnya, bagi tarikh 16 haribulan, responden memberi jawapan sebagai 十九号[shí jiǔ hào] yang bermakna “19 haribulan”. Ini disebabkan *Hanyu Pinyin* yang hampir sama bagi 六[liù] “angka 6” dan 九[jiǔ] “angka 9” dalam BC, iaitu kedua-dua *Hanyu Pinyin* mempunyai diftong yang sama [iu] tetapi konsonan yang berbeza, iaitu [l] dan [j].

Analisis frasa nombor BC berkenaan topik tarikh, masa dan harga menunjukkan bahawa responden keliru antara angka 2 yang mempunyai dua kosa kata yang berbeza, iaitu 二[èr] dan 两[liǎng]. Jadual 4.38 menunjukkan penggunaan 二[èr] dan 两[liǎng] dalam pembinaan nombor BC.

Jadual 4.38
Penggunaan 二 [èr] dan 两 [liǎng] dalam angka BC

Nilai tempat	angka	二 [èr]	两 [liǎng]
Puluh	20	(√) 二十 [èrshí]	(X) 两十 [liǎngshí]
	22	(√) 二十二 [èrshí'èr]	(X) 两十两 [liǎngshí liǎng]
Ratus	200	(√) 二百 [èrbǎi]	(√) 两百 [liǎngbǎi]
	222	(√) 二百二十二 [èrbǎi èrshí'èr]	(X) 两百两十两 [liǎngbǎi liǎngshí liǎng]
Ribuh	2000	(√) 二千 [èrqiān]	(√) 两千 [liǎngqiān]
	2222	(√) 二千二百二十二 [èrqiān èrbǎi èrshí'èr]	(X) 两千两百两十两 [liǎngqiān liǎngbǎi liǎngshí liǎng]

Didapati nombor yang melibatkan angka 2, 二[èr] boleh digunakan di depan dan belakang nilai tempat puluh, nilai tempat ratus, nilai tempat ribu. Contohnya, angka 20 disebut sebagai 二十 [èrshí], iaitu 二[èr] wujud di depan nilai tempat puluh. Begitu juga dengan angka 22 dinyatakan sebagai 二十二 [èrshí'èr], iaitu 二[èr] wujud di belakang nilai

tempat puluh. Sebaliknya, 两[liǎng] hanya boleh wujud di depan nilai tempat ratus, nilai tempat ribu tetapi 两[liǎng] tidak digunakan untuk nilai tempat puluh (Yip, 2006:17; Zhang, 2002: 293). Misalnya, angka 200 disebut sebagai 两百[liǎng bǎi], iaitu 两[liǎng] wujud di depan nilai tempat ratus tetapi angka 222 tidak boleh dinyatakan sebagai 两百二十两 [liǎng bǎi liǎng shí liǎng], iaitu 两[liǎng] tidak boleh wujud di belakang nilai tempat ratus dan nilai tempat puluh (Fang, 2000: 78). Jadual 4.39 menunjukkan penggunaan 二 [èr] dan 两[liǎng] dalam frasa nombor BC.

Jadual 4.39
Penggunaan 二 [èr] dan 两 [liǎng] dalam frasa nombor BC

Topik	二 [èr]	两 [liǎng]	Makna
Tarikh	(√) 二零一二年 [èr líng yī èr ni án]	(X) 两零一两年 [èr líng yī liǎng ni án]	tahun 2012
	(√) 二月 [èryu è]	(X) 两月 [liǎng yu è]	Februari
	(√) 十二月 [shí'èr yu è]	(X) 十两月 [shí liǎng yu è]	Disember
	(√) 二号 [èr hào]	(X) 两号 [liǎng hào]	2 haribulan
	(√) 二十二号 [èrshí'èr hào]	(X) 两十两号 [liǎng shí liǎng hào]	22 haribulan
	(√) 星期二 [xīngqī èr]	(X) 星期两 [xīngqī liǎng]	hari Selasa
Masa	(X) 二点 [èr diǎn]	(√) 两点 [liǎng diǎn]	pukul 2
	(√) 十二点 [shí'èr diǎn]	(X) 十两点 [shí liǎng diǎn]	pukul 12
	(√) 二十分 [èrshí fēn]	(X) 两十分 [liǎng shí fēn]	20 minit
Harga	(√) 二分 [èr fēn]	(√) 两分 [liǎng fēn]	2 sen
	(√) 二毛 [èr máo]	(√) 两毛 [liǎng máo]	2 puluh sen
	(X) 二块 [èr kuài]	(√) 两块 [liǎng kuài]	2 ringgit
	(√) 二十块 [èrshí ikū ài]	(X) 两十块 [liǎng shí kuài]	20 ringgit
	(√) 二百块 [èr bǎi kuài]	(√) 两百块 [liǎng bǎi kuài]	200 ringgit
	(√) 二千块 [èr qiān kuài]	(√) 两千块 [liǎng qiān kuài]	2000 ringgit
	(√) 二万块 [èr wàn kuài]	(√) 两万块 [liǎng wànkuài]	20000 ringgit

Dari segi pembentukan frasa tarikh dalam BC, didapati 二[èr] bagi angka 2 digunakan dalam frasa tarikh, tetapi 两[liǎng] tidak wujud dalam frasa tarikh (Fang, 2000: 79). Misalnya, 二[èr] bagi angka 2 digunakan dalam frasa tarikh yang melibatkan tahun,

bulan, haribulan dan hari seperti 二零一二年十二月二十二号, 星期二 [èr líng yī èr ni án shí'èryu è èrshí' èr h à, xīngqī è] yang bermaksud “22 haribulan Disember, tahun 2012, hari Selasa”.

Dari segi pembentukan frasa masa dalam BC, 二[èr] yang bermaksud “angka 2” digunakan dalam menyatakan waktu jam dan minit, tetapi terdapat kekecualian pernyataan waktu bagi pukul 2 yang menggunakan 两[liǎng] dalam BC (Zhang, 2002: 293; Kan, 2007:72). Dari analisis corak kesalahan pembentukan frasa masa dalam BC, didapati ramai responden gagal menjawab soalan waktu masa yang melibatkan angka 2. Contohnya, 2:20 p.m. dinyatakan sebagai 下午两点二十分[xiàwǔ liǎng diǎn èrshí fēn] dalam BC, tetapi jawapan yang diberikan adalah 下午二点二十分[xiàwǔ èr diǎn èrshí fēn]. Didapati responden keliru dalam penggunaan 二[èr] dan 两[liǎng] dalam masa 2.20 p.m. yang melibatkan kedua-dua kosa kata 二[èr] dan 两[liǎng] bagi angka 2. Mengikut tatabahasa BC, kedua-dua kosa kata 二[èr] dan 两[liǎng] bagi angka 2 digunakan dalam waktu masa 2:20 p.m., iaitu pukul 2 dinyatakan sebagai 两点[liǎng diǎn], manakala 20 minit disebut sebagai 二十分[èrshí fēn].

Dari segi pembentukan frasa harga dalam BC, penggunaan 二[èr] dan 两[liǎng] agak bebas. Analisis menunjukkan bahawa 二[èr] boleh digunakan dalam semua unit harga, kecuali 2 ringgit dinyatakan sebagai 两块 [liǎng kuài]. Begitu juga dengan 两[liǎng] boleh digunakan dalam semua unit harga dalam BC, kecuali 20 ringgit dinyatakan sebagai 二十块 [èrshí kùài]. Dalam pembentukan frasa harga dalam BC, 二[èr] dan 两[liǎng] boleh digunakan dalam bahasa pertuturan BC dan bahasa penulisan BC. Misalnya, angka 200 boleh dinyatakan sebagai 二百[èr bǎi] atau 两百[liǎng bǎi], begitu juga dengan 20 sen yang boleh disebut sebagai 二毛[èr máo] atau 两毛 [liǎng máo] (Fang, 2000: 77). Biasanya 两[liǎng] lebih kerap digunakan dalam bahasa pertuturan BC. Menurut *Lǚ Shūxiāng* (Fang, 2000: 80), fonetik bagi 两[liǎng] lebih lantang daripada fonetik 二[èr],

maka masyarakat Cina lebih cenderung menggunakan 两 [liǎng] dalam bahasa pertuturan BC.

Secara keseluruhan, walaupun terdapat perbezaan dalam penggunaan 二[èr] dan 两[liǎng], tetapi struktur pembentukan frasa nombor BC yang melibatkan angka 2 tidak bersistematik (Fang, 2000: 80). Ini menyebabkan pelajar Melayu mudah keliru tentang penggunaan angka 2 yang mempunyai dua kosa kata dalam BC, iaitu 二 [èr] dan 两 [liǎng].

Dari analisis corak kesalahan pembentukan frasa nombor BC, didapati juga bahawa responden Melayu keliru tentang angka 零[líng] dengan 两[liǎng]. 零[líng] adalah bermaksud “kosong”, manakala 两[liǎng] bermakna “dua”. Hal ini disebabkan kedua-dua ejaan *Hanyu Pinyin* hampir serupa, maka 两[liǎng] sentiasa ditulis sebagai 零[líng]. Analisis menunjukkan bahawa responden tidak menguasai penggunaan 零[líng] dalam frasa nombor BC. Oleh itu, pelajar Melayu biasanya tertinggal 零 [líng] dalam pembentukan frasa nombor BC yang berkenaan tarikh, masa dan harga. Penggunaan 零 [líng] bagi frasa tarikh dalam BC disenaraikan di jadual 4.40.

Jadual 4.40
Penggunaan 零[líng] bagi frasa tarikh dalam BC

Unit	Contoh	Frasa tarikh dalam BC	Penerangan bagi penggunaan 零[líng]
Tahun	2010 tahun	(√) 二零一零年 [èr líng yī líng nián] (X) 二零十年 [èr líng shí nián]	Nyatakan 零 [líng] satu per satu di bahagian tahun.
Bulan	Oktober	(√) 十月 [shí yuè] (X) 一零月 [yī líng yuè]	Tidak nyatakan 零 [líng] bagi bulan Oktober, tetapi disebut sebagai 十月 [shí yuè] yang bermakna bulan sepuluh.
Haribulan	10 haribulan	(√) 十号 [shí hào] (X) 一零号 [yī líng hào]	Tidak nyatakan 零[líng] bagi haribulan yang mempunyai angka kosong, tetapi disebut sebagai 十号 [shí hào] yang bermaksud sepuluh haribulan.

Dari segi pembentukan frasa tarikh dalam BC, 零[líng] perlu dinyatakan mengikut angka yang sedia ada bagi pembentukan frasa tarikh bagi tahun dalam BC (Fang, 2000: 72). Misalnya, tahun 2010 disebut sebagai 二零一零年[èr líng yī líng nián], iaitu angka disebut satu per satu dalam pembentukan frasa tarikh bagi tahun dalam BC. Namun begitu, bulan Oktober perlu dinyatakan sebagai 十月[shí yuè] yang bermakna “bulan sepuluh”, tetapi bukan 一零月[yī líng yuè] yang bermaksud “bulan satu kosong”. Manakala angka 0 yang wujud di bahagian haribulan, tidak perlu menyatakan 零[líng]. Misalnya, 10 haribulan disebut sebagai 十号[shí hào] yang bermaksud “sepuluh haribulan”, tetapi angka bukan dinyatakan satu per satu dengan 一零号[yī líng hào].

Penggunaan 零[líng] bagi frasa masa dalam BC disenaraikan di dalam Jadual 4.41.

Jadual 4.41
Penggunaan 零[líng] bagi frasa masa dalam BC

Unit	Contoh	Frasa masa dalam BC	Penerangan bagi penggunaan 零[líng]
Jam	12:00 pm	(√) 中午十二 [zhōngwǔ shí'èr diǎn] (X) 中午十二点零分 [zhōngwǔ shí'èr diǎn líng fēn]	Tidak menyatakan 零[líng] di bahagian minit apabila masa tepat pada waktu jam.
Minit	8:05 a.m.	(√) 早上八点零五分 [zǎoshang bā diǎn líng wǔ fēn]	Nyatakan 零[líng] di bahagian minit apabila kurang daripada sepuluh.

Dari segi pembentukan frasa masa dalam BC, 12:00 p.m. disebut sebagai 中午十二 [zhōngwǔ shí'èr diǎn] tetapi jawapan yang diberikan ialah 中午十二点零分 [zhōngwǔ shí'èr diǎn líng fēn] yang bermaksud “pukul dua belas kosong minit tengahari”. Sebenarnya 零[líng] tidak perlu dinyatakan apabila masa tepat pada waktu jam. Sebaliknya pembentukan masa dalam unit minit yang kurang daripada sepuluh, 零[líng] perlu wujud di belakang jam 点 [diǎn] (Kan, 2007: 72). Misalnya, 8:05 a.m. disebut sebagai 早上八点零五分 [zǎoshang bā diǎn líng wǔ fēn], iaitu nilai kosong perlu dinyatakan jika ia wujud di antara dua unit

yang berbeza seperti jam dan minit (Fang, 2000: 72). Penggunaan 零[líng] bagi frasa harga dalam BC disenaraikan di dalam Jadual 4.42.

Jadual 4.42
Penggunaan 零[líng] bagi frasa harga dalam BC

Unit	Contoh	Frasa harga dalam BC	Penerangan bagi penggunaan 零[líng]
Ringgit	RM 105.00	(√) 一百零五块 [yī bǎi líng wǔ kuài] (X) 一百五块 [yī bǎi wǔ kuài]	Nyatakan 零[líng] di nilai tempat yang bernilai sifar.
Ringgit	RM 1004.00	(√) 一千零四块 [yī qiān líng sì kuài] (X) 一千零零四块 [yī qiān líng líng sì kuài]	Nyatakan 零[líng] sekali sahaja jika didapati nilai tempat yang bernilai sifar berturut-turut.
Puluh sen	RM 7.09	(√) 七块零九分 [qī kuài líng jiǔ fēn] (X) 七块零毛九分 [qī kuài líng máo jiǔ fēn]	Nyatakan 零[líng] di nilai tempat puluh sen jika ia bernilai sifar.
sen	RM 7.90	(√) 七块九毛 [qī kuài jiǔ máo] (X) 七块九毛零分 [qī kuài jiǔ máo líng fēn]	Tidak nyatakan 零[líng] di nilai tempat sen jika ia bernilai sifar.

Dari segi pembentukan frasa harga dalam BC, 零[líng] perlu dinyatakan dalam harga yang mempunyai nilai tempat sifar (Yip, 1998: 30; Yip, 2006: 16). Namun begitu, penggunaan 零[líng] dinyatakan mengikut tatabahasa frasa nombor BC. Dalam pembentukan frasa harga bagi unit ringgit dalam BC, 零[líng] perlu dinyatakan dalam nilai tempat yang bernilai sifar. Misalnya, RM 105.00 “seratus lima ringgit” merupakan frasa harga yang bernilai sifar dalam nilai tempat puluh, maka 零[líng] dinyatakan dalam nilai tempat puluh yang bernilai sifar (Fang, 2000: 71). Oleh itu, RM 105.00 dinyatakan sebagai 一百零五块 [yī bǎi líng wǔ kuài] dalam BC. Ini merupakan perbezaan mikro di antara struktur pembentukan frasa nombor BC dengan BM. Di samping itu, jika didapati nilai tempat yang bernilai sifar berturut-turut, maka hanya perlu menyatakan 零[líng] sekali sahaja (Zhang, 2002: 293). Misalnya, RM 1004.00 “seribu empat ringgit” bernilai

sifar dalam nilai tempat puluh dan ratus, maka hanya satu Kosa kata 零[líng] dinyatakan dalam nilai tempat sifar tersebut dan disebut sebagai 一千零四块 [yī qiān líng sì kuài] dalam BC.

Dalam pembentukan frasa harga dalam BC, nilai yang di belakang ringgit dibahagikan kepada 毛[máo] yang bermakna “puluh sen” dan 分[fēn] yang bermaksud “sen”. Dalam pembentukan frasa harga bagi nilai tempat puluh sen dalam BC, 零[líng] perlu dinyatakan jika ia bernilai sifar (Fang, 2000: 72). Misalnya, RM 7.09 “tujuh ringgit sembilan sen” disebut sebagai 七块零九分 [qī kuài líng jiǔ fēn] yang bermakna “tujuh ringgit kosong sembilan sen”, iaitu 零[líng] perlu dinyatakan dalam nilai tempat puluh sen yang bernilai sifar kerana nilai tempat sen kurang daripada sepuluh. Sebaliknya, jika nilai tempat sen bernilai sifar, maka 零[líng] tidak dinyatakan kerana ia diikuti dengan angka 0 (Fang, 2000: 72). Misalnya, RM 7.90 “tujuh ringgit sembilan puluh sen” disebut sebagai 七块九毛 [qī kuài jiǔ máo], iaitu angka 0 terletak di akhir nilai harga dan tidak boleh menyatakan 零[líng] dengan 七块九毛零分 [qī kuài jiǔ máo líng fēn].

Responden juga keliru tentang angka 四[sì] dengan 十[shí]. Dalam BC, 四[sì] merupakan angka 4, manakala 十[shí] ialah angka 10. Kesilapan di antara kedua-dua angka ini kerana responden keliru dengan sebutan yang hampir sama. Ini boleh dikatakan kelemahan mempelajari BC dengan sistem *Hanyu Pinyin* tanpa tulisan Cina. Corak kesalahan pembentukan frasa nombor BC menunjukkan responden Melayu bersikap tidak serius terhadap penulisan *Hanyu Pinyin*. Tambahan pula, responden Melayu cenderung membaca *Hanyu Pinyin* dengan cara sebutan fonetik BM. Maka apabila mereka menjawab ujian berdasarkan cara sebutan fonetik BC dalam BM telah mengakibatkan kesilapan *Hanyu Pinyin*. Sebenarnya, cara sebutan bagi 四[sì] dan 十[shí] adalah berbeza dalam fonetik BC. Cara artikulasi bagi angka 4 disebut sebagai 四[sɿ]

manakala angka 10 disebut sebagai 十[ʃ]. Pelajar Melayu perlu membezakan sebutan yang hampir sama supaya dapat menguasai nombor dalam BC.

4.4.2 Kesilapan *Hanyu Pinyin*

Dari analisis pembentukan frasa nombor BC, didapati kesilapan *Hanyu Pinyin* berlaku dalam kalangan pelajar Melayu. Kesilapan *Hanyu Pinyin* dalam frasa nombor BC disenaraikan di dalam Jadual 4.43.

Jadual 4.43
Kesilapan *Hanyu Pinyin* dalam frasa nombor BC

Topik	Kosa kata	Makna	<i>Hanyu Pinyin</i>	Kesilapan <i>Hanyu Pinyin</i>
Tarikh	五	Lima	[wǔ]	[wo]
	年	Tahun	[nián]	[tián]
	九月	September	[jiǔ yuè]	[jiao yu è]
	一九七五年	Tahun 1975	[yī jiǔ qī wǔ nián]	[yī qiū qī wǔ nián]
Masa	星期三		[xīngqī sān]	[xīng cī sān] [xīng xī sān]
	中午	Tengahari	[zhōngwǔ]	[zhāng wǔ] [zhung wǔ]
	两点	Pukul 2	[liǎng diǎn]	[līng diǎn]
Harga	分	Minit	[fēn]	[fan]
	一百	Seratus	[yī bǎi]	[yī bǎn]

Corak kesalahan pembentukan frasa nombor menunjukkan responden melakukan kesilapan *Hanyu Pinyin* dalam tarikh, masa dan harga. Didapati responden Melayu menggunakan cara sebutan fonetik BM mengeja *Hanyu Pinyin*. Dari segi frasa tarikh dalam BC menunjukkan kesilapan *Hanyu Pinyin* bagi 星期三 [xīngqī sān] yang bermakna “hari Rabu” ditulis sebagai [xīng cī sān] atau [xīng xī sān]. Fonetik BC [qī] adalah konsonan afrikat yang beraspirasi. Responden menggantikan fonetik BM [cī] dan [xī] yang berbunyi hampir serupa dengan [qī] dalam pembentukan frasa nombor BC. Pembentukan frasa masa dalam BC menunjukkan kesilapan *Hanyu Pinyin* bagi 中午 [zhōngwǔ] yang bermaksud “tengahari” ditulis sebagai [zhāng wǔ] atau [zhung wǔ]. Di samping itu, pembentukan frasa harga dalam BC terdapat kesilapan *Hanyu Pinyin* bagi

一百[yī bǎi] yang bermakna “seratus” ditulis sebagai [yī bǎn]. Kesemua kesilapan *Hanyu Pinyin* dalam pembentukan frasa nombor BC menunjukkan bahawa responden bersikap kecuai dalam penulisan *Hanyu Pinyin*.

4.4.3 Kesilapan Kosa Kata

Hasil kajian menunjukkan kesilapan kosa kata berlaku dalam kalangan pelajar Melayu. Corak pembentukan frasa nombor BC yang diberikan oleh responden Melayu menunjukkan bahawa kesilapan kosa kata berlaku dalam topik tarikh, masa dan harga yang disenaraikan di dalam Jadual 4.44.

Jadual 4.44
Kesilapan kosa kata dalam frasa nombor BC

Topik	Kosa kata		Kesilapan kosa kata	
	BC	Makna	BC	Makna
Tarikh	十一月[sh íyī yuè]	November	九月[jiǔyu è]	September
	十一月[sh íyī yuè]	November	十月[sh íyú è]	Oktober
Masa	中午[zhōngwǔ]	Tengahari	早上[zǎoshang]	Pagi
	中午[zhōngwǔ]	Tengahari	上午[sh àngwǔ]	Pagi
	中午[zhōngwǔ]	Tengahari	下午[xiàwǔ]	Petang
	中午[zhōngwǔ]	Tengahari	晚上[wǎnshang]	Malam
	中午[zhōngwǔ]	Tengahari	早午[zǎo wǔ]	-
	下午[xiàwǔ]	Petang	晚上[wǎnshang]	Malam
Harga	分[fēn]	sen	毛[máo]	puluh sen
	毛[máo]	puluh sen	半[bàn]	setengah

Bagi soalan berkenaan topik tarikh, responden menjawab November 十一月[sh íyī yu è] sebagai September 九月[jiǔyu è] atau Oktober 十月[sh íyú è]. Ini menunjukkan responden Melayu tidak menguasai kosa kata bagi bulan. Dari analisis topik masa dalam BC, didapati majoriti responden tidak dapat membezakan waktu masa yang dinyatakan dalam “p.m.”. Analisis menunjukkan responden menjawab waktu tengahari 中午[zhōngwǔ]

sebagai waktu pagi 早上[zǎoshang] atau waktu petang 下午[xiàwǔ] dan waktu malam 晚上[wǎnshang]. Ini adalah disebabkan waktu “p.m.” mempunyai banyak kosa kata dalam BC, iaitu 中午[zhōngwǔ] yang bermakna waktu “tengahari”, 下午[xiàwǔ] yang bermakna waktu “petang” dan 晚上[wǎnshang] yang bermakna waktu “malam” (Kan, 2007: 72). Maka responden perlu menghafalkan kosa kata bagi waktu masa supaya menguasai pembentukan frasa nombor BC. Dari analisis topik harga dalam BC, didapati responden tidak membezakan kosa kata “puluh sen” 毛[máo] dan “sen” 分[fēn]. Contohnya, jawapan bagi RM8107.09 ialah 八千一百零七块零九分 [bā qiān yī bǎi líng qī kuài líng jiǔ fēn] (lapan ribu seratus tujuh ringgirt kosong sembilan sen) tetapi responden memberi corak kesalahan frasa harga dengan 八千一百七块九毛 [bā qiān yī bǎi qī kuài jiǔ máo] yang bermaksud “lapan ribu seratus tujuh ringgit sembilan puluh sen”. Kesilapan kosa kata sen 分[fēn] ditulis sebagai 毛[máo] yang bermakna “puluh sen” dalam jawapan ujian responden.

Melalui temubual yang dijalankan, kumpulan fokus mengaku bahawa mereka tidak menghafal kosa kata yang berkaitan dengan tarikh, masa dan harga dalam frasa nombor BC. Maka mereka melakukan kesilapan kosa kata dalam pembentukan frasa nombor BC. Kosa kata yang digunakan dalam frasa nombor BC dalam topik tarikh, masa dan harga disenaraikan di dalam Jadual 4.45.

Jadual 4.45
Kosa kata yang digunakan dalam frasa nombor BC

	Tarikh		Masa		Harga	
	BC	Makna	BC	Makna	BC	Makna
1	年[nián]	tahun	点[diǎn]	jam	千[qiān]	ribu
2	月[yuè]	bulan	分[fēn]	minit	百[bǎi]	ratus
3	号[hào]	haribulan	早上[zǎoshang]	pagi	十[shí]	puluh
4	星期~ [xīngqī ~]	hari dalam seminggu	中午[zhōngwǔ]	tengahari	块[kuài]	ringgit
5			下午[xiàwǔ]	petang	毛[máo]	puluh sen
6			晚上[wǎnshang]	malam	分[fēn]	sen

Didapati 4 kosa kata digunakan berkenaan frasa tarikh dalam BC, iaitu tahun 年[nián], bulan 月[yuè], haribulan 号[hào] dan hari dalam seminggu 星期~[xīngqī ~]. Di samping itu, pembentukan frasa masa dalam BC melibatkan 6 kosa kata, iaitu jam 点[diǎn], minit 分[fēn], waktu pagi 早上[zǎoshang], tengahari 中午[zhōngwǔ], petang 下午[xiàwǔ] atau malam 晚上[wǎnshang]. Pembentukan frasa harga dalam BC juga mempunyai 6 kosa kata, iaitu ribu 千[qiān], ratus 百[bǎi], puluh 十[shí], ringgit 块[kuài], puluh sen 毛[máo] dan sen 分[fēn]. Walaupun kosa kata yang dipelajari berkenaan masa dan harga dalam BC masing-masing mempunyai 5 kosa kata, tetapi tahap penguasaan kosa kata dalam topik masa lebih senang jika berbanding dengan topik harga. Ini disebabkan pembentukan frasa masa BC hanya melibatkan salah satu kosa kata dari empat waktu masa BC yang dipelajari. Sebaliknya, kosa kata berkenaan harga terdiri daripada nilai tempat. Ini menyebabkan pelajar perlu mengingati banyak kosa kata yang berkaitan nilai tempat. Apabila pelajar Melayu tidak dapat menghafal nilai tempat telah mengakibatkan mereka memberi jawapan yang tidak tepat dalam pembentukan frasa nombor BC. Maka prestasi responden dalam topik harga juga terjejas. Selain itu, didapati kosa kata 分[fēn] wujud dalam masa yang bermaksud “minit” dan bermakna “sen” dalam topik harga. Pensyarah harus menjelaskan kosa kata BC yang sama tetapi mempunyai makna yang berlainan dalam topik berkenaan nombor yang berbeza. Pensyarah BC juga boleh menyenaraikan kosa kata mengikut topik frasa nombor supaya membantu pelajar Melayu mengingatkan kosa kata yang digunakan dalam setiap topik frasa nombor BC.

4.4.4 Kesilapan Struktur

Dari analisis pembentukan frasa nombor BC, didapati kesilapan struktur frasa nombor berlaku dalam kalangan pelajar Melayu. Kesilapan struktur dalam frasa nombor BC disenaraikan di dalam Jadual 4.46.

Jadual 4.46
Kesilapan struktur dalam frasa nombor BC

Topik	Soalan	Jawapan tepat	Kesilapan struktur	
			BC	Makna
Tarikh	16 haribulan	十六号 [shí liù hào]	六十号 [liùshí hào]	Enam puluh haribulan
			一十六号 [yīshí liù hào]	Satu puluh enam haribulan
Masa	2.24 p.m.	下午两点二十四分 [xiàwǔ liǎng diǎn èrshí sì fēn]	两点二十四分 下午 [liǎng diǎn èrshí sì fēn xiàwǔ]	Pukul dua dua puluh empat petang
	12:00 p.m.	中午十二点 [zhōngwǔ shí'èr diǎn]	中午二十点 [zhōngwǔ èrshí diǎn]	Tengahari pukul dua puluh
			中午十二点 [zhōngwǔ yīshí'èr diǎn]	Tengahari pukul satu puluh dua
			十二点上午 [shí'èr diǎn shàngwǔ]	Pukul dua belas pagi
			中午十二点零分 [zhōngwǔ shí'èr diǎn líng fēn]	Tengahari pukul dua belas kosong minit
Harga	RM 9041.00	九千零四十一块 [jiǔ qiān líng sìshíyī kuài]	九千零四十一块零毛 [jiǔ qiān líng sìshíyī kuài líng máo]	Sembilan ribu empat puluh satu ringgit kosong puluh sen
	RM8107.09	八千一百零七块零九分 [bā qiān yī bǎi líng qī kuài líng jiǔ fēn]	八千一百七块零毛九 [bā qiān yī bǎi líng qī kuài líng máo jiǔ]	Lapan ribu satu ratus tujuh ringgit kosong puluh sen sembilan

Data berkenaan topik tarikh menunjukkan bahawa responden melakukan kesilapan struktur dalam pembentukan angka yang wujud dalam unit haribulan. Misalnya 16 haribulan disebut sebagai 十六号 [shí liù hào] tetapi responden membentuk struktur angka yang salah sebagai 六十号 [liùshí hào] yang bermakna “enam puluh haribulan” dan 一十六号 [yīshí liù hào] yang bermaksud “satu sepuluh enam haribulan”. Berdasarkan tatabahasa BC, sistem formula matematik dalam pembentukan angka belas BC adalah “10+x”, maka angka 16 merupakan 10+6 dan dinyatakan sebagai 十六 [shí liù]. Sebaliknya, struktur pembentukan bagi angka belas dalam BM ialah “angka+ belas”, maka angka “enam

belas” merupakan gabungan “enam+belas”. Responden membentuk struktur angka 16 sebagai 六十[liùshí] yang bermakna “angka 60” kerana mereka memindah bahasa ibunda dengan menterjemahkan “enam belas” kepada 六十[liùshí].

Data berkenaan topik masa menunjukkan bahawa empat kesilapan struktur bagi 12:00 p.m. dilakukan oleh responden Melayu. Kesilapan struktur angka bagi 十二点[shí'èr diǎn] “pukul dua belas” ditulis sebagai 二十点[èrshí diǎn] “pukul dua puluh” atau 一十二点[zhōngwǔ yī shí èr diǎn] “pukul satu puluh dua”. Ini disebabkan responden memindah bahasa ibunda dengan menterjemahkan “dua belas” kepada 二十点[èrshí diǎn]. Jadual 4.47 menunjukkan kesilapan struktur frasa masa dalam BC kerana pemindahan struktur BM dalam pembentukan frasa masa BC. Struktur frasa masa dalam BC ialah “waktu + jam + minit”. Sebaliknya, struktur frasa masa dalam BM ialah “jam + minit + waktu”. Maka “12:00 p.m.” disebut sebagai 中午十二点[zhōngwǔ shí'èr diǎn] dalam BC, tetapi responden Melayu membentuk frasa masa dalam BC mengikut struktur BM dengan 十二点上午[shí'èr diǎn shàng wǔ], iaitu waktu masa terletak di belakang jam masa.

Jadual 4.47
Kesilapan struktur frasa masa dalam BC

	Waktu	Jam	Minit	Waktu
Masa		12	00	pm
BC	zhōngwǔ 中午	shí'èr diǎn 十二点		
BM		Pukul dua belas		tengahari

Data berkenaan topik harga menunjukkan responden melakukan kesilapan struktur dalam RM9041.00 yang disebut sebagai 九千零四十一块[jiǔ qiān líng sìshíyī kuài]. Responden membentuk struktur harga yang tidak tepat, iaitu 九千零四十一块零毛[jiǔ qiān líng sìshíyī kuài líng máo], iaitu nilai harga yang mempunyai nombor bulat tidak perlu menyatakan nilai sen.

Kesilapan struktur frasa nombor berlaku dalam kalangan pelajar Melayu, maka struktur pembentukan frasa nombor BC dianalisis secara terperinci. Didapati kedudukan angka dan Kosa kata mempunyai perbezaan mikro di antara struktur frasa nombor BC dengan BM. Perbezaan mikro dalam frasa nombor tidak pernah dijelaskan dalam buku rujukan BC. Jadual 4.48 menunjukkan struktur angka dengan kosa kata bagi tarikh dalam BC dan BM.

Jadual 4.48
Struktur angka dan kosa kata bagi tarikh dalam BC dan BM

Unit	Struktur BC	Struktur BM
Tahun	angka+ kosa kata	kosa kata + angka
Bulan	angka+ kosa kata	kosa kata + angka
Haribulan	angka+ kosa kata	angka + kosa kata
hari dalam seminggu	kosa kata + angka	kosa kata + kosa kata

Didapati unit bagi tahun, bulan dan haribulan dalam BC mempunyai struktur yang sama, iaitu “angka+kosa kata”, kecuali pembentukan unit hari dalam seminggu dibentuk dengan struktur “kosa kata+angka”. Sebaliknya, tarikh dalam BM mempunyai struktur yang tidak bersistematik. Pembentukan unit bagi tahun dan bulan dalam BM dibina dengan “kosa kata+angka”, tetapi “angka+kosa kata” digunakan dalam unit haribulan, manakala unit hari dalam seminggu dibentuk dengan “kosa kata+ kosa kata”. Apabila pelajar Melayu menterjemahkan bahasa ibunda ke dalam BC, maka perbezaan struktur angka dan kosa kata mengakibatkan pelajar menulis angka BC kemudian kosa kata BC ditinggalkan. Ini disebabkan unit tahun dan bulan dalam tarikh BM dimulakan dengan kosa kata dan diikuti dengan angka.

Jadual 4.49 adalah kedudukan angka dan kosa kata bagi masa dalam BC dan BM. Didapati unit bagi waktu masa dalam BC dan BM terdiri daripada kosa kata sahaja. Dalam BC, unit bagi jam dan minit terdiri daripada struktur yang sama, iaitu “angka+kosa kata”. Sebaliknya, struktur BM bagi unit jam dan minit adalah berlainan.

Pembentukan unit jam dalam BM ialah “kosa kata+angka” manakala unit minit dibentuk dengan “angka+kosa kata”. Walaupun terdapat perbezaan kedudukan angka dan kosa kata bagi masa dalam BC dan BM, tetapi ketinggalan kosa kata tidak berlaku dalam pembentukan BC. Ini disebabkan struktur unit jam dan minit bagi frasa masa BC bersistematik dengan “angka+kosa kata”, iaitu dimulakan dengan angka dan diikuti dengan kosa kata.

Jadual 4.49
Kedudukan angka dan kosa kata bagi masa dalam BC dan BM

Unit	Struktur BC	Struktur BM
waktu	kosa kata	kosa kata
jam	angka + kosa kata	kosa kata + angka
minit	angka + kosa kata	angka + kosa kata

Bagi struktur frasa harga dalam BC dan BM, kedudukan angka dan kosa kata ditunjukkan di dalam Jadual 4.50. Didapati struktur harga dalam BC dan BM adalah sama dalam unit ribu, ratus, puluh, ringgit dan sen, iaitu “angka+kosa kata”. Didapati unit puluh sen wujud di harga dalam BC dengan “angka+kosa kata” tetapi struktur harga dalam BM tiada unit puluh sen. Walaupun semua kedudukan angka dan kosa kata sama dalam struktur frasa harga dalam BC dan BM, tetapi tiada pemindahan positif berlaku dari bahasa ibunda. Malah frekuensi ketinggalan kosa kata adalah paling tinggi dalam topik harga jika berbanding dengan topik tarikh dan masa.

Jadual 4.50
Kedudukan angka dan kosa kata bagi harga dalam BC dan BM

Unit	Struktur BC	Struktur BM
ribu	angka+ kosa kata	angka+ kosa kata
ratus	angka+ kosa kata	angka+ kosa kata
puluh	angka+ kosa kata	angka+ kosa kata
ringgit	angka+ kosa kata	angka+ kosa kata
puluh sen	angka+ kosa kata	-
sen	angka+ kosa kata	angka+ kosa kata

Secara ringkasnya, kedudukan angka dan kosa kata dalam frasa nombor BC dan BM dapat dilihat dengan jelas di dalam Jadual 4.51. Didapati kedudukan angka dan kosa kata dalam struktur frasa nombor BC dan BM mempunyai persamaan dan perbezaan. Walaupun terdapat perbezaan struktur frasa nombor, tetapi perbezaan mikro ini belum pernah dibincangkan dalam kajian lepas. Boleh dikatakan bahawa kedudukan angka dan kosa kata mempengaruhi struktur pembentukan frasa nombor BC dalam kalangan pelajar Melayu. Terutamanya perbezaan mikro dalam struktur pembentukan frasa nombor menyebabkan pelajar Melayu ketinggalan kosa kata dalam pembentukan frasa nombor BC.

Jadual 4.51
Kedudukan angka dan kosa kata dalam frasa nombor BC

Topik	Struktur BC	Struktur BM
Tarikh	Tahun + bulan + haribulan + hari = (angka + tahun) + (angka + bulan) + (angka+ haribulan) + (hari +angka)	Haribulan+ bulan+ tahun+ hari= (angka+ haribulan) + (bulan+angka) + (tahun + angka) + (hari +kosa kata)
Masa	Waktu+ jam+ minit= waktu + (angka + jam)+ (angka+ minit)	Jam+ minit + waktu = (jam + angka) + (angka + minit) + waktu
Harga	Ringgit + puluh sen + sen = (angka + ringgit) + (angka + puluh sen) + (angka + sen)	Ringgit + sen = (angka+ ringgit) + (angka + sen)

4.4.5 Ketinggalan Kosa Kata

Dari analisis corak kesalahan pembentukan frasa nombor BC, didapati responden memberi jawapan yang tidak lengkap disebabkan ketinggalan kosa kata. Ketinggalan kosa kata dalam pembentukan frasa nombor BC disenaraikan di dalam Jadual 4.52. Ketinggalan kosa kata dalam pembentukan frasa nombor BC disebabkan perbezaan mikro di antara struktur frasa nombor BC dengan BM. Oleh itu, apabila pelajar Melayu menterjemahkan frasa nombor BM ke dalam pembentukan frasa nombor BC, maka ketinggalan kosa kata mudah berlaku dalam frasa nombor.

Jadual 4.52
Ketinggalan kosa kata dalam pembentukan frasa nombor BC

Topik	Ketinggalan Kosa Kata	
	BC	Makna
Tarikh	号[hào]	haribulan
	九月[jiǔ yuè]	September
Tarikh	星期三[xīngqī sān]	hari Rabu
	星期天[xīngqī tiān]	hari Ahad
	十一月[shí yī yuè]	November
	二十六号[èr shí liù hào]	26 haribulan
Masa	Tiada	-
Harga	一[yī]	satu
	零[líng]	kosong
	百[bǎi]	ratus

Analisis pembentukan frasa nombor BC menunjukkan responden Melayu tertinggal kosa kata dalam topik tarikh dan harga, tetapi ketinggalan kosa kata tidak berlaku dalam topik masa. Dari segi ketinggalan kosa kata dalam topik tarikh, biasanya responden tidak menyatakan “hari” dan ini menyebabkan jawapan yang diberikan tidak lengkap. Sebaliknya, ketinggalan kosa kata 零[líng] untuk nilai tempat yang bernilai sifar kerap berlaku dalam topik harga. Di samping itu, responden juga tertinggal kosa kata 一[yī] yang bermakna “satu” dalam nilai tempat perpuluhan. Ketinggalan kosa kata 零[líng] dan 一[yī] adalah diakibatkan perbezaan mikro di antara struktur frasa harga dalam BC dengan BM.

Jadual 4.53 menunjukkan perbandingan penggunaan 零[líng] bagi harga dalam BC dan BM. Misalnya, RM 105.00 dinyatakan sebagai 一百零五块[yī bǎi líng wǔ kuài], iaitu nilai tempat puluh yang bernilai sifar digantikan dengan kosa kata 零[líng]. Sebaliknya, RM105.00 dinyatakan sebagai “seratus lima ringgit” dalam BM, iaitu nilai tempat puluh yang bernilai sifar yang ditunjukkan dengan simbol “0” bermakna kosa kata 零[líng] tidak perlu dinyatakan dalam BM.

Jadual 4.53
Perbandingan penggunaan kosa kata 零[líng] bagi harga dalam BC dan BM

	Harga dalam BC	harga dalam BM
RM 105.00	一百零五块 [yī bǎi líng wǔ kuài]	Seratus lima ringgit
Makna	Seratus kosong lima ringgit	Seratus Ø lima ringgit

* “Ø” merupakan simbol bagi tempat yang kurang kosa kata.

Ketinggalan kosa kata –[yī] bagi frasa harga dalam BC kerana didapati perbezaan mikro di antara frasa harga dalam BC dengan BM. Perbandingan penggunaan kosa kata –[yī] bagi harga dalam BC dan BM disenaraikan di dalam Jadual 4.54.

Jadual 4.54
Perbandingan penggunaan kosa kata –[yī] bagi harga dalam BC dan BM

	Harga dalam BC	Harg dalam BM
RM 12.00	十二块[shí èr kuài]	dua belas ringgit
Makna	Sepuluh dua ringgit	Ø dua belas ringgit
RM 112.00	一百一十二块 [yī bǎi yī shí èr kuài]	Seratus dua belas ringgit
Makna	Seratus satu puluh dua ringgit	Seratus Ø Ø dua belas ringgit

* “Ø” merupakan simbol bagi tempat yang kekurangan Kosa kata.

* “~~belas~~” merupakan simbol bagi Kosa kata yang tidak wujud.

Misalnya, RM12.00 dinyatakan sebagai 十二块[shí èr kuài], iaitu gabungan antara angka 10 dengan angka 2. Namun begitu, RM 12.00 dinyatakan sebagai “dua belas ringgit” dalam BM, strukturnya ialah “angka+belas”. Ini menunjukkan bahawa harga dalam BC dan BM mempunyai struktur yang berlainan dalam nombor belas. Selain itu, RM112.00 dinyatakan sebagai 一百一十二块[yī bǎi yī shí èr kuài] dalam BC yang bermakna “seratus satu puluh dua ringgit”. Sebaliknya, RM112.00 dinyatakan sebagai “seratus dua belas ringgit” dalam BM, iaitu nilai tempat puluh yang mempunyai angka 1 tidak dinyatakan dengan simbol “Ø” .

Untuk menyelesaikan masalah perbezaan mikro dalam harga BC, jadual 4.55 menunjukkan sistem pembentukan harga dalam BC yang berkaitan angka 1.

Jadual 4.55
Sistem pembentukan harga dalam BC yang berkaitan angka 1

Nilai tempat BC	百 [bǎi]	十 [shí]	个 [gè]
Makna	ratus	puluh	sa
RM 12.00		(1)	2
RM 112.00	1	1	2

* () ialah simbol bagi tidak perlu nyata angka yang dikurangkan.

Sistem formula matematik dalam pembentukan frasa harga dalam BC seperti :

i. RM 12.00

$$= (\text{angka} \times \text{nilai tempat puluh}) + \text{nilai tempat sa}$$

$$= (1 \times 10) + 2$$

$$= 10 + 2$$

$$= \text{十}[\text{shí}] + \text{二}[\text{èr}]$$

$$= \text{十二块}[\text{shí èr kuài}]$$

ii. RM 112.00

$$= (\text{angka} \times \text{nilai tempat ratus}) + (\text{angka} \times \text{nilai tempat puluh}) + \text{nilai tempat sa}$$

$$= (1 \times 100) + (1 \times 10) + 2$$

$$= 100 + 10 + 2$$

$$= \text{一百}[\text{yī bǎi}] + \text{一十}[\text{yī shí}] + \text{二}[\text{èr}]$$

$$= \text{一百一十二块}[\text{yī bǎi yī shí èr kuài}]$$

Frasa harga dalam BC bagi RM 12.00 dibaca sebagai 十二块[shí èr kuài] manakala RM 112.00 dibaca sebagai 一百一十二块 [yī bǎi yī shí èr kuài]. Didapati angka 1 wujud di nilai tempat puluh dalam kedua-dua harga ini, tetapi struktur dalam nilai tempat puluh adalah berbeza. Jika tiada nombor wujud di depan angka 1 yang terletak di nilai tempat puluh, maka kosa kata 一[yī] tidak perlu disebutkan seperti ditunjukkan dengan (1), iaitu angka 1 dikurung dalam kurungan. Maka harga bagi RM 12.00 dalam BC dibentuk dengan 十

二块[shí èr kuài], iaitu gabungan antara angka 10 dengan angka 2. Sekiranya, terdapat nombor lain wujud di depan angka 1 yang terletak di nilai tempat puluh, maka kosa kata 一[yī] perlu dinyatakan, iaitu terdapat satu unit puluh dalam nilai harga tersebut. Maka harga bagi RM 112.00 dalam BC dibentuk dengan 一百一十二块 [yī bǎi yī shí èr kuài], iaitu gabungan antara 1 unit ratus, 1 unit puluh dan angka 2. Oleh itu, pensyarah BC harus menyedari perbezaan mikro antara frasa nombor BC dan BM supaya pelajar Melayu dapat menguasai frasa nombor BC dengan baik.

4.5 Rumusan

Secara ringkasnya, keputusan ujian menunjukkan pelajar Melayu tidak menguasai sepenuhnya dalam pembentukan frasa nombor BC. Analisis corak frasa nombor dalam kalangan pelajar Melayu menunjukkan masalah-masalah yang dihadapi dalam topik tarikh, masa dan harga. Dari segi pembelajaran frasa nombor BC, analisis menunjukkan pelajar Melayu lebih menguasai frasa tarikh dalam BC jika berbanding dengan frasa masa BC dan frasa harga BC. Kajian menunjukkan pelajar Melayu kurang menguasai angka yang bernilai besar, terutamanya dalam frasa harga yang mempunyai nilai harga yang tinggi. Ini disebabkan pembentukan struktur frasa tarikh dalam BC hanya melibatkan nombor yang kecil dalam unit bulan, haribulan dan hari. Nombor yang digunakan bagi unit bulan dalam BC adalah dari angka 1 hingga angka 12, manakala angka yang digunakan dalam unit haribulan dalam BC adalah dari angka 1 hingga 31 sahaja dan angka 1 hingga 6 dalam sebutan hari dalam seminggu sahaja. Walaupun sebutan tahun dalam frasa tarikh dalam BC mempunyai 4 digit nombor yang bernilai ribu, tetapi sebutan tahun dalam BC ialah angka dibacakan satu per satu dan tidak melibatkan nilai tempat. Sebaliknya, frasa masa dan frasa harga dalam BC perlu menyatakan nilai tempat pada nombor. Ini menunjukkan bahawa struktur pembentukan frasa tarikh dalam BC lebih asas, manakala frasa masa dan frasa harga dalam BC lebih

rumit. Ini boleh dikatakan kelebihan struktur pembentukan frasa tarikh dalam BC memudahkan pelajar Melayu menguasai frasa tarikh dalam BC berbanding dengan frasa masa dan frasa harga.

Dari segi pembentukan frasa tarikh, hasil kajian menunjukkan bahawa responden Melayu membentuk pelbagai corak frasa yang salah dalam BC. Didapati tiga masalah yang dihadapi oleh responden, iaitu (i) tidak dapat mengeja *Hanyu Pinyin* dengan tepat, (ii) ketinggalan kosa kata dalam pembentukan frasa tarikh dan (iii) tidak menguasai kosa kata. Kesilapan *Hanyu Pinyin* bagi kosa kata dan angka dalam pembentukan frasa tarikh dalam BC. Misalnya, kesilapan *Hanyu Pinyin* bagi kosa kata dalam pembentukan frasa tarikh seperti (i) 年[nián] “tahun” ditulis sebagai [tián], (ii) 月[yuè] “bulan” ditulis sebagai [you] dan (iii) 星期[xīngqī] ditulis sebagai [xīng cī], [xīng xī] dan [xīng chī]. Di samping itu, kesilapan *Hanyu Pinyin* bagi angka dalam pembentukan frasa tarikh seperti (i) 四[sì] “angka 4” ditulis sebagai [se], (ii) 五[wǔ] “angka 5” ditulis sebagai [wo] dan (iii) 九[jiǔ] “angka 9” ditulis sebagai [qiǔ].

Selain itu, corak kesalahan pembentukan frasa tarikh menunjukkan responden ketinggalan kosa kata dalam pembentukan frasa tarikh. Misalnya, ketinggalan kosa kata 年[nián] “tahun”, 月[yuè] “bulan”, 号[hào] “haribulan” dan 星期[xīngqī] “hari dalam seminggu” dalam frasa tarikh. Dari temubual dengan kumpulan fokus, responden menyatakan bahawa frasa tarikh dalam BC merupakan frasa nombor yang paling panjang jika dibandingkan dengan frasa masa dan frasa harga. Maka responden mudah ketinggalan kosa kata bagi pembentukan frasa tarikh dalam BC.

Di samping itu, analisis menunjukkan responden juga tidak menguasai kosa kata bagi bulan, hari dalam seminggu dalam pembentukan frasa tarikh dalam BC. Misalnya, kesilapan kosa kata bagi bulan dalam pembentukan frasa tarikh seperti (i) 二月[èryuè] “Februari” ditulis sebagai 十一月[shíyīyuè] “November”, (ii) 十一月[shíyīyuè] “November”

ditulis sebagai 九月 [jiǔyuè] “September” dan 十月 [shí yuè] “Oktober”, (iii) 八月 [bāyuè] “Ogos” ditulis sebagai 七月 [qīyuè] “Julai” dan 十月 [shí yuè] “Oktober”. Dalam pembentukan frasa tarikh, kesilapan kosa kata bagi haribulan seperti (i) 号 [hào] “haribulan” ditulis sebagai 月 [yuè] “bulan”, (ii) 星期一 [xīngqī yī] “hari Isnin” ditulis sebagai 星期二 [xīngqī èr] “hari Selasa”, (iii) 星期天 [xīngqī tiān] “hari Ahad” ditulis sebagai 星期六 [xīngqī qī] “hari yang ketujuh” dan 星期八 [xīngqī bā] “hari yang kelapan” dan (iv) 星期六 [xīngqī liù] “hari Sabtu” ditulis sebagai 星期六 [xīngqī qī] “hari yang ketujuh”.

Dari segi pembentukan frasa masa, hasil kajian menunjukkan bahawa responden Melayu membentuk pelbagai corak frasa yang salah dalam BC. Didapati responden Melayu menghadapi tiga masalah dalam pembentukan frasa masa BC, iaitu (i) tidak dapat membezakan penggunaan 二 [èr] dan 两 [liǎng], (ii) tidak dapat membezakan waktu masa dalam BC dan (iii) kesilapan struktur masa. Corak kesalahan jawapan dalam frasa masa menunjukkan responden Melayu tidak dapat membezakan penggunaan 二 [èr] dan 两 [liǎng] bagi angka 2 yang mempunyai dua kosa kata dalam BC. Misalnya, (i) 两点 [liǎng diǎn] “pukul dua” ditulis sebagai 二点 [èr diǎn], (ii) 二十分 [èrshí fēn] “dua puluh minit” ditulis sebagai 两十分 [liǎng shí fēn] dan 两分 [liǎng fēn], (iii) 二十四分 [èrshí sì fēn] “dua puluh empat minit” ditulis sebagai 两十四分 [liǎng shí sì fēn]. Penggunaan 二 [èr] dan 两 [liǎng] dijelaskan dalam seksyen 4.4.1 mengenai kesilapan angka. Di samping itu, responden Melayu juga tidak dapat membezakan waktu masa bagi pembentukan frasa masa dalam BC, terutamanya waktu masa yang dinyatakan sebagai “p.m.” membawa maksud “tengahari”, “petang” atau “malam”. Misal, kesilapan kosa kata bagi waktu 中午 [zhōngwǔ] “tengahari” ditulis sebagai 早上 [zǎoshang] “pagi”, 下午 [xiàwǔ] “petang” dan 晚上 [wǎnshang] “malam”.

Selain itu, responden juga memberi struktur masa yang salah bagi pembentukan frasa masa dalam BC. Misalnya, kesilapan struktur bagi waktu dalam pembentukan

frasa masa 早上七点三十六分 [zǎoshàng qī diǎn sānshíliù fēn] “pagi pukul tujuh tiga puluh enam minit” ditulis sebagai 七点三十六分早上 [qī diǎn sānshíliù fēn zǎoshàng] “pukul tujuh tiga puluh enam minit pagi”. Jawapan ini tidak tepat kerana pemindahan struktur pembentukan frasa masa BM “jam + minit + waktu” dalam pembentukan frasa masa BC. Didapati responden juga melakukan kesilapan struktur bagi minit dalam pembentukan frasa masa. Misalnya, 早上九点零五分 [zǎoshàng jiǔ diǎn líng wǔ fēn] “pagi pukul sembilan kosong lima minit” ditulis sebagai 早上九点零分五 [zǎoshàng jiǔ diǎn líng fēn wǔ] “pagi pukul sembilan kosong minit lima”. Jawapan ini tidak tepat kerana kesilapan struktur 五分 [wǔ fēn] “lima minit” ditulis sebagai 分五 [fēn wǔ] “minit lima”. Kesilapan struktur bagi angka 十二点 [shí'èr diǎn] “pukul dua belas” ditulis sebagai 二十点 [èrshí diǎn] “pukul dua puluh”. Struktur pembentukan 十二 [shí'èr] “angka 12” dalam BC ialah “nilai tempat + angka”, tetapi struktur pembentukan nombor belas dalam BM ialah “angka+ nilai tempat”. Bagi membentuk 十二 [shí'èr] “angka 12” dalam BC, responden menggunakan struktur pembentukan nombor “dua belas” BM, iaitu angka 2 diikuti dengan nilai tempat, maka jawapan yang salah diberikan sebagai 二十 [èr shí] yang bermakna “dua puluh”. Pemindahan negatif berlaku kerana nilai tempat bagi “belas” dan kosa kata “puluh” disebut sebagai 十 [shí] dalam BC.

Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar Melayu melakukan banyak kesilapan dalam pembentukan frasa harga dalam BC, terutamanya nilai harga yang mempunyai perbezaan struktur frasa harga antara BC dengan BM. Didapati responden Melayu menghadapi empat masalah bagi pembentukan harga dalam BC, iaitu (i) kurang menguasai nilai harga yang besar dalam BC, (ii) tidak dapat membezakan unit puluh sen 毛 [máo] dan sen 分 [fēn], (iii) tidak dapat menguasai penggunaan 零 [líng] yang bermaksud “kosong” di nilai tempat yang bernilai sifar dan (iv) tidak dapat menguasai penggunaan 一 [yī] yang bermakna “satu” dalam nilai tempat puluh. Keputusan ujian menunjukkan

responden Melayu kurang menguasai nilai harga yang besar dalam BC seperti ratus dan ribu. Didapati 97.5% responden menjawab salah soalan 6, 9 dan 10 yang bernilai ratus dan ribu dalam frasa harga. Analisis corak kesalahan frasa harga menunjukkan bahawa responden Melayu tidak dapat membezakan unit puluh sen 毛[máo] dan sen 分[fēn]. Misalnya,一百一十块一毛二(分) [yī bǎi yī shí kuài yī máo èr (fēn)] “RM 110.12” ditulis sebagai一百一十块十二毛 [yī bǎi shí kuài shí'èr máo].

Selain itu, kesilapan angka bagi ringgit dan puluh sen dalam pembentukan frasa harga. Kesilapan angka bagi ringgit seperti (i)十四块[shí sì kuài] “empat belas ringgit” ditulis sebagai一十四块[yī shí sì kuài] “satu empat belas ringgit”,二四块[èr sì kuài] “dua empat ringgit” dan十三块[shí sān kuài] “tiga belas ringgit”, (ii)七十九块[qīshíjiǔ kuài] “tujuh puluh sembilan ringgit” ditulis sebagai七十块[qīshí kuài] “tujuh puluh ringgit”,七十六块[qīshíliù kuài] “tujuh puluh enam ringgit”,九二九块[jiǔ èr qiū kuài] “sembilan dua sembilan ringgit”, (iii)九十二块[jiǔshíèr kuài] “sembilan puluh dua ringgit” ditulis sebagai九十两块[jiǔshí liǎng kuài] dan (iv)九十一块[jiǔshíyī kuài] “sembilan puluh satu ringgit” ditulis sebagai九一块[jiǔ yī kuài] “sembilan Ø satu ringgit”. Manakala kesilapan angka bagi puluh sen seperti (i)八毛[bā máo] “lapan puluh sen” ditulis sebagai八十毛[bāshí máo] “lapan puluh puluh sen”, (ii)九毛[jiǔ máo] “sembilan puluh sen” ditulis sebagai一毛[yī máo] “sepuluh sen”,六毛[liù máo] “enam puluh sen”,九十毛[jiǔshí máo] “sembilan puluh sen”, (iii)二毛[èr máo] “dua puluh sen” ditulis sebagai二十毛[èrshí máo] “dua puluh puluh sen”, (iv) kesilapan angka一毛[yī máo] “sepuluh sen” ditulis sebagai十毛[shí máo] “sepuluh puluh sen”,四毛[sì máo] “empat puluh sen”,六毛[liù máo] “enam puluh sen”, (v)一毛二[yī máo èr] “satu puluh sen dua sen” ditulis sebagai十四分[shí sì mǎo fēn],十两毛[shí liǎng máo],十二分[shí èr fēn],一毛两[yī máo liǎng],十二毛[shí èr máo],十毛两[shí máo liǎng],十毛二[shí máo èr],十二毛[shí èr máo],十一二毛[shí yī èr máo] dan十毛二分[shí máo èr fēn].

Corak kesalahan frasa harga dalam BC menunjukkan responden tidak dapat menguasai penggunaan 零[líng] yang bermaksud “kosong” di nilai tempat yang bernilai sifar. Misalnya, responden menjawab RM 9041.00 “九千零四十一块[jiǔ qiān líng sìshíyī kuài]” sebagai 九千四十一块 [jiǔ qiān sìshíyī kuài], iaitu ketinggalan kosa kata 零[líng] pada nilai tempat ratus. Di samping itu, responden Melayu juga tidak dapat menguasai penggunaan 一[yī] yang bermakna “satu” dalam nilai tempat puluh. Misalnya, responden menjawab RM 110.12 “一百一十块一毛二(分)[yī bǎi yī shí kuài yī máo èr (fēn)]” sebagai 一百一十块一毛二[yī bǎi shí kuài yī máo èr], iaitu ketinggalan kosa kata 一[yī] dalam nilai tempat puluh.

Secara keseluruhan, analisis pembentukan frasa nombor BC dalam kalangan pelajar Melayu menunjukkan lima jenis corak kesalahan pembentukan frasa nombor BC, iaitu (i) kesilapan angka, (ii) kesilapan *Hanyu Pinyin*, (iii) kesilapan kosa kata, (iv) kesilapan struktur dan (v) ketinggalan kosa kata. Analisis menunjukkan *kesilapan Hanyu Pinyin* paling kerap berlaku dalam pembentukan frasa tarikh. Responden Melayu paling banyak melakukan kesilapan kosa kata dalam pembentukan frasa masa manakala ketinggalan kosa kata paling banyak berlaku pembentukan frasa harga dalam kalangan pelajar Melayu.

BAB 5

PERBINCANGAN

5.1 Pendahuluan

Seksyen ini menjawab persoalan kajian yang ketiga dan keempat, iaitu:

- i. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar Melayu dalam mempelajari frasa nombor BC?
- ii. Apakah hubungan antara faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar Melayu dengan prestasi mereka dalam pembelajaran frasa nombor BC?

Seksyen ini membincangkan analisis soal selidik dan analisis temubual yang dijalankan ke atas responden Melayu. Pada mulanya, Seksyen 5.2 menerangkan latar belakang responden. Seksyen 5.3 menunjukkan analisis reliabiliti tentang soal selidik. Kemudian faktor-faktor pengaruh dalam pembelajaran frasa nombor BC dikenalpastikan dalam Seksyen 5.4. Seterusnya, Seksyen 5.5 menerangkan hubungan antara prestasi responden dalam ujian dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran BC. Akhirnya, persepsi kumpulan fokus terhadap pembelajaran frasa nombor BC dijelaskan dalam Seksyen 5.6.

5.2 Latar Belakang Responden

Maklumat latar belakang responden yang dikumpulkan dalam soal selidik mengandungi sembilan soalan seperti jantina, bangsa, umur, negeri, fakulti, tahun pengajian, CGPA, bahasa ibunda dan pengalaman pembelajaran BC. Responden kajian terdiri daripada empat puluh orang pelajar Melayu yang dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM). Kesemua responden ini mengambil kursus *Mandarin For Beginners* (UHF1111) pada

semester 1, sesi 2011/2012. Dari segi jantina, terdapat 70% responden adalah lelaki manakala 30% responden adalah perempuan disenaraikan di jadual 5.1.

Jadual 5.1
Jantina responden

Jantina	Frekuensi	Peratus (%)
Lelaki	28	70
Perempuan	12	30
Jumlah	40	100

Jadual 5.2 menunjukkan umur responden. Dari segi lingkungan umur, kesemua responden dalam lingkungan umur 21 tahun hingga 27 tahun. Paling ramai responden berumur 21 tahun, iaitu sebanyak 50%, manakala 40% responden yang berumur 22 tahun. Hanya 5 % responden yang berumur 23 tahun dan 27 tahun masing-masing. Dari temubual yang dijalankan, didapati 5% responden yang berumur 27 tahun adalah pelajar yang pernah mengambil diploma dalam bidang kejuruteraan Mekanikal selama 3 tahun sebelum mereka melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana muda. Walaubagaimanapun, kesemua responden ini merupakan pelajar tahun ketiga, semester satu di UMP.

Jadual 5.2
Umur responden

Umur	Frekuensi	Peratus (%)
21 tahun	20	50
22 tahun	16	40
23 tahun	2	5
27 tahun	2	5
Jumlah	40	100

Negeri asal responden ditunjukkan di dalam Jadual 5.3. Didapati kesemua responden berasal dari semenanjung Malaysia dan tiada responden berasal dari negeri Sabah atau negeri Sarawak. Ini disebabkan kebanyakan penduduk di Sabah dan Sarawak adalah berbangsa lain seperti Kadazan, Iban, Dusun dan sebagainya. Oleh itu, pelajar bukan kaum Melayu tidak diambilkira dalam kajian ini. Didapati 20% responden berasal dari

negeri Kedah dan Pahang masing-masing. Terdapat 15% responden berasal dari negeri Terengganu, manakala 10% responden dari negeri Johor. Didapat 7.5% responden berasal dari negeri Perak, Selangor dan Kelantan masing-masing, manakala 5% responden berasal dari negeri Negeri Sembilan dan Melaka masing-masing. Hanya 2.5% responden berasal dari Pulau Pinang.

Jadual 5.3
Negeri asal responden

Negeri Asal	Frekuensi	Peratus (%)
Kedah	8	20.0
Pulau Pinang	1	2.5
Perak	3	7.5
Selangor	3	7.5
Negeri Sembilan	2	5.0
Melaka	2	5.0
Johor	4	10.0
Kelantan	3	7.5
Terengganu	6	15.0
Pahang	8	20.0
Jumlah	40	100

Jadual 5.4 menunjukkan kategori CGPA responden. CGPA merupakan markah purata keseluruhan pelajar dalam bidang kejuruteraan Mekanikal selama 2 tahun di UMP, iaitu CGPA sebelum responden mengambil kursus *Mandarin For Beginners* (UHF1111). Tahap pencapaian CGPA responden dibahagikan kepada 4 peringkat, iaitu antara (i) CGPA 2.0 hingga CGPA 2.5, (ii) CGPA 2.6 hingga CGPA 3.0, (iii) CGPA 3.1 hingga CGPA 3.5 dan (iv) CGPA 3.6 hingga CGPA 4.0.

Ramai responden mencapai CGPA di antara 2.6 hingga 3.0, iaitu sebanyak 47.5%. Didapati 20% responden mencapai CGPA di antara 3.1 hingga 3.5. Di samping itu, 20% responden juga mencapai CGPA di antara 2.0 hingga 2.5. Malah terdapat 12.5% responden tidak menjawab soalan pencapaian CGPA dalam soal selidik.

Jadual 5.4
Kategori CGPA responden

Kategori CGPA	Frekuensi	Peratus (%)
2.0-2.5	8	20
2.6-3.0	19	47.5
3.1-3.5	8	20
3.5-4.0	0	0
Tidak dinyatakan	5	12.5
Jumlah	40	100

Terdapat 4 kategori bahasa ibunda diberikan sebagai pilihan dalam soal selidik, iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil. Didapati 100% responden memilih jawapan yang sama, iaitu Bahasa Melayu. ini bermakna kesemua responden 100% tiada pengalaman dalam pembelajaran BC sebelum mereka mengambil kursus *Mandarin For Beginners* (UHF1111) di UMP.

5.3 Analisis Reliabiliti

Soal selidik kajian ini telah dianalisis dengan *Cronbach's Alpha*. *Cronbach's Alpha* merupakan satu ukuran yang digunakan secara umum dalam pembentukan soal selidik yang berkaitan faktor analisis (Cronbach, 1951; Hosmane *et al.*, 2000). Tujuan soal selidik dianalisis dengan *Cronbach's Alpha* adalah untuk menguji pekali dan kestabilan data yang dikumpulkan. Di samping itu, analisis reliabiliti dijalankan juga untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan faktor-faktor pengaruh dalam pembelajaran BC sebagai bahasa asing. Analisis reliabiliti telah menguji tujuh faktor pengaruh dalam soal selidik kajian seperti faktor pemindahan bahasa ibunda, faktor motivasi, faktor masa pembelajaran, faktor sikap, faktor minat, faktor persekitaran serta faktor pengajaran.

Tahap reliabiliti ditunjukkan di dalam Jadual 5.5. Berdasarkan *rules of thumb* (Nunnally, 1978: 245), sekiranya *Cronbach's Alpha* yang mencapai lebih daripada pekali 0.9, ia menunjukkan tahap reliabiliti yang cemerlang. Tahap reliabiliti yang

bagus adalah pada pekali 0.8. Pekali *Cronbach's Alpha* yang lebih daripada 0.7 menunjukkan tahap reliabiliti yang boleh diterima. Manakala *Cronbach's Alpha* yang di antara pekali 0.6 dan 0.7 menunjukkan tahap reliabiliti yang boleh dipersoalkan. Sebaliknya, pekali *Cronbach's Alpha* yang lebih daripada 0.5 menunjukkan tahap reliabiliti yang lemah dan pekali *Cronbach's Alpha* yang kurang daripada 0.5 merupakan tahap reliabiliti yang tidak boleh diterima.

Jadual 5.5
Tahap reliabiliti

<i>Cronbach's Alpha</i>	Kebolehpercayaan Dalam (internal consistency)
$\alpha \geq .9$	Cemerlang
$.9 > \alpha \geq .8$	Bagus
$.8 > \alpha \geq .7$	Boleh diterima
$.7 > \alpha \geq .6$	Dipersoalkan
$.6 > \alpha \geq .5$	Lemah
$.5 > \alpha$	Tidak boleh diterima

Hasil kajian menunjukkan kesemua faktor mempunyai pekali *Cronbach's Alpha* yang berbeza. Rujuk kepada Jadual 5.6.

Jadual 5.6
Analisis reliabiliti atas faktor-faktor pengaruh dalam pembelajaran frasa nombor BC

Faktor-faktor pengaruh	Nombor item	Pekali <i>Cronbach's Alpha</i>
Pemindahan bahasa ibunda	2	0.7671
Motivasi	3	0.3918
Masa pembelajaran	2	0.8252
Sikap	2	0.6657
Minat	3	0.6295
Persekitaran	4	0.6424
Pengajaran	3	0.8860

Mengikut analisis reliabiliti yang dijalankan menunjukkan bahawa faktor pengajaran mempunyai pekali *Cronbach's Alpha* yang paling tinggi, iaitu 0.8860. Pekali *Cronbach's Alpha* yang kedua tinggi ialah 0.8252 faktor masa pembelajaran. Kedua-dua

faktor pengajaran serta faktor masa pembelajaran merupakan item faktor yang bagus dengan pekali *Cronbach's Alpha* yang lebih daripada 0.8. Faktor pemindahan bahasa ibunda dikira sebagai item faktor yang boleh diterima dengan pekali *Cronbach's Alpha* sebanyak 0.7671. Namun begitu, didapati tiga faktor pengaruh mempunyai pekali *Cronbach's Alpha* di antara pekali 0.6 hingga 0.69, iaitu faktor sikap, faktor minat dan faktor persekitaran masing-masing menunjukkan pekali *Cronbach's Alpha* sebanyak 0.6657, 0.6295 dan 0.6424. Walaubagaimanapun, ketiga-tiga faktor pengaruh masih boleh diterima kerana pekali *Cronbach's Alpha* di antara pekali 0.6 hampir dekat pada tahap pekali yang boleh diterima (Moss *et al.*, 1998; Baars *et al.*, 2005; Eum *et al.*, 2007).

Adalah amat penting untuk dinyatakan di sini bahawa dapatan kajian tidak menjangka bahawa faktor motivasi mempunyai reliabiliti kurang daripada pekali 0.5, iaitu *Cronbach's Alpha* 0.3918 sahaja. Mengikut Tavakol dan Dennick (2011: 54), "*A low value of alpha could be due to a low number of questions, poor interrelatedness between items or heterogeneous constructs*". Ini bermakna item soal selidik yang berkaitan faktor motivasi tidak boleh diterima. Akan tetapi, soal selidik ini adalah diadaptasi dari soal selidik yang digunakan Lee (2007) dan soal selidik kajian rintis. Soal selidik lepas juga menunjukkan tujuh faktor pengaruh mempengaruhi dalam pembelajaran BC sebagai bahasa asing.

5.4 Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pembelajaran BC

Jadual 5.7 menunjukkan min frekuensi faktor-faktor pengaruh dalam pembelajaran BC. Didapati tujuh faktor pengaruh dalam pembelajaran BC yang dikaji merangkumi faktor pemindahan bahasa ibunda, faktor motivasi, faktor masa pembelajaran, faktor sikap pembelajaran, faktor minat, faktor persekitaran dan faktor pengajaran. Kesemua faktor pengaruh menunjukkan frekuensi yang berbeza dalam pembelajaran BC sebagai bahasa asing.

Jadual 5.7
Min frekuensi faktor-faktor pengaruh

Faktor-faktor Pengaruh	Min
Pemindahan Bahasa Ibunda	3.91
Motivasi	3.81
Masa	2.55
Sikap	3.66
Minat	3.69
Persekitaran	3.23
Pengajaran	4.20

Didapati faktor pengajaran mempunyai min frekuensi yang paling tinggi, iaitu sebanyak skor 4.20 antara skala Likert 1 hingga 5. Dengan kata lain, responden kajian bersetuju bahawa faktor pengajaran mempengaruhi pembelajaran BC sebagai bahasa asing dalam kalangan pelajar Melayu. Sebaliknya, min frekuensi faktor yang paling rendah ialah faktor masa dengan skor 2.55 sahaja. Ini bermakna responden kajian tidak bersetuju bahawa masa mempengaruhi pembelajaran BC sebagai bahasa asing. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor pemindahan bahasa ibunda mencapai skor 3.91. Faktor minat, sikap pembelajaran dan persekitaran masing-masing mencapai skor 3.69, skor 3.66 dan skor 3.23. Kesemua responden berpandangan bahawa terhadap faktor minat, sikap pembelajaran dan persekitaran mempunyai pengaruh yang sederhana dalam pembelajaran BC sebagai bahasa asing.

5.4.1 Pemindahan Bahasa Ibunda

Jadual 5.8 menunjukkan analisis faktor pemindahan bahasa ibunda.

Jadual 5.8
Analisis faktor pemindahan bahasa ibunda

	Skala	TP	TS	K	AS	S
		%	%	%	%	%
A1	Saya menggunakan bahasa ibunda untuk berfikir ketika menjawab ujian ini.	2.5	2.5	40	37.5	17.5
A2	Saya memahami topik frasa nombor Bahasa Cina dengan menggunakan bahasa ibunda.	0	0	20	42.5	37.5
	Min Faktor Pemindahan Bahasa Ibunda	1.25	1.25	30	40	27.5

Didapati 27.5% responden Melayu selalu menggunakan bahasa ibunda ketika mempelajari frasa nombor BC. Didapati 40% responden agak selalu menggunakan bahasa ibunda dalam pembelajaran BC, manakala 30% responden kadang-kala menggunakan bahasa ibunda dalam pembelajaran BC. Sebaliknya, 1.25% responden tidak selalu menggunakan bahasa Melayu dalam pembelajaran BC. Sebanyak 1.25% responden menyatakan bahawa mereka tidak pernah menggunakan bahasa ibunda dalam pembelajaran BC. Secara keseluruhan, majoriti responden menggunakan bahasa ibunda dalam pembelajaran BC.

Dari analisis corak kesalahan pembentukan frasa nombor BC juga menunjukkan bahawa pemindahan bahasa ibunda berlaku dalam kalangan pelajar Melayu. Ini selari dengan penemuan kajian lepas (Toh, 2005; Cheun, 2005; Lee, 2007) bahawa faktor pemindahan bahasa ibunda mempengaruhi pembelajaran BC sebagai bahasa asing. Dapatan ini serupa dengan kajian Cheun (2009,112) iaitu faktor gangguan bahasa ibunda merupakan faktor yang utama menyebabkan pelajar Melayu melakukan kesilapan dalam pembelajaran tatabahasa BC.

Responden Melayu sedar bahawa mereka memindah bahasa dalam pembelajaran BC. Pemindahan bahasa ibunda dapat dilihat dari kesilapan *Hanyu Pinyin*, iaitu responden Melayu menggunakan cara sebutan BM dalam ejaan *Hanyu Pinyin*. Ini telah menyebabkan mereka membentuk frasa nombor BC yang tidak tepat. Implikasinya, penggunaan *Hanyu Pinyin* dalam pembelajaran BC menyebabkan pelajar Melayu memindahkan bahasa ibunda dalam pembentukan frasa nombor BC. Ini merupakan kelemahan sistem *Hanyu Pinyin* dalam pembelajaran BC. Sebenarnya sistem *Hanyu Pinyin* digunakan dalam pembelajaran BC untuk membantu pelajar-pelajar bukan natif menguasai sebutan BC dalam tempoh masa yang singkat. Ini disebabkan masa pembelajaran dalam satu semester adalah terhad, iaitu dua jam seminggu dalam empat

belas minggu. Oleh itu, pemindahan bahasa ibunda tidak dapat dielakkan kerana responden Melayu baru mempelajari bahasa baru, maka mereka masih bergantung kepada bahasa ibunda dalam pembelajaran BC.

5.4.2 Motivasi

Jadual 5.9 menunjukkan analisis faktor motivasi.

Jadual 5.9
Analisis faktor motivasi

	Skala	STB	TB	S	B	SB
		%	%	%	%	%
B1	Saya belajar Bahasa Cina kerana ingin mengetahui percakapan kawan-kawan Cina.	0	7.5	27.5	42.5	22.5
B2	Saya belajar Bahasa Cina kerana ingin menambahkan peluang pekerjaan pada masa depan.	0	0	17.5	47.5	35
B3	Saya tidak mementingkan kursus ini kerana kursus ini dinilai dengan lulus atau gagal sahaja.	12.5	37.5	37.5	10	2.5
B3*r	Saya tidak mementingkan kursus ini kerana kursus ini dinilai dengan lulus atau gagal sahaja.	2.5	10	37.5	37.5	12.5
	Min Faktor Motivasi	0.84	5.83	27.5	42.5	23.33

*r = recode (kod semula)

Item soal selidik tentang faktor motivasi dibina dengan ayat tersongsang, iaitu ayat yang dilabelkan sebagai B3. Ini adalah untuk mengelakkan kecenderungan responden memberi jawapan yang sama dalam soal selidik (Ananda, 2009: 47). Didapati 23.33% responden Melayu sangat bermotivasi dalam pembelajaran BC. Seterusnya, 42.5% responden mempunyai motivasi dalam pembelajaran BC. Keinginan memahami percakapan kawan-kawan Cina telah mendorong responden Melayu mempelajari BC. Responden ini memilih kursus BC sebagai bahasa asing kerana pemerolehan ilmu BC dapat menambahkan peluang pekerjaan pada masa depan. Ini boleh dikatakan nilai BC dalam bidang pekerjaan telah memotivasikan pelajar Melayu mempelajari BC. Implikasinya, kedudukan sesuatu bahasa dalam masyarakat dapat mempengaruhi nilai bahasa tersebut (Ghazali Yusri et al., 2010: 25). Sebanyak 27.5% responden mempunyai

motivasi yang sederhana dalam pembelajaran BC. Sebaliknya, 5.83% responden mengakui bahawa mereka mempunyai motivasi yang rendah dalam pembelajaran BC. responden-responden ini mengakui bahawa mereka tidak mementingkan kursus *Mandarin For Beginners*. Mereka menganggap kursus *Mandarin For Beginners* merupakan kursus yang tidak penting. Kemungkinan mereka mempelajari BC sebagai bahasa asing adalah untuk memenuhi syarat akademik Universiti. Responden-responden ini tidak mempunyai motivasi dalam pembelajaran BC tetapi memilih kursus *Mandarin For Beginners* sebagai kursus bahasa asing. Perbuatan ini menunjukkan sikap mereka bercanggah dengan pemikiran sendiri. Secara keseluruhan, motivasi pembelajaran BC dalam kalangan pelajar Melayu adalah sederhana tinggi sahaja.

5.4.3 Masa

Analisis faktor masa pembelajaran ditunjukkan di dalam Jadual 5.10.

Jadual 5.10
Analisis frekuensi faktor masa

	Skala	STB	TB	S	B	SB
		%	%	%	%	%
C1	Pembelajaran Bahasa Cina dalam kelas selama 2 jam seminggu adalah mencukupi.	5	7.5	27.5	42.5	17.5
C1*r	Pembelajaran Bahasa Cina dalam kelas selama 2 jam seminggu adalah mencukupi.	12.5	42.5	27.5	17.5	5
C2	Saya mengulang kaji Bahasa Cina 2 jam seminggu.	5	17.5	27.5	42.5	7.5
C2*r	Saya mengulang kaji Bahasa Cina 2 jam seminggu.	12.5	42.5	27.5	17.5	5
	Min Faktor Masa Pembelajaran	12.5	42.5	27.5	12.5	5

*r = recode (kod semula)

Kedua-dua item mengenai faktor masa pembelajaran dibina dengan ayat songsang yang dilabelkan dengan C1 dan C2. Didapati 42.5% responden berpendapat bahawa masa yang pendek sudah mencukupi bagi mempelajari BC. Maka mereka hanya mengulangkaji BC selama 2 jam seminggu sahaja. Sebaliknya, 5% responden yang berpendapat bahawa pembelajaran BC memerlukan masa yang panjang. Secara

keseluruhan, majoriti responden mempelajari BC dengan masa yang pendek. Hakikatnya, keputusan ujian menunjukkan pelajar-pelajar Melayu tidak dapat menguasai BC dalam masa pendek. Satu interpretasi dilakukan bahawa pelajar-pelajar Melayu menilai kebolehan penguasaan BC lebih tinggi daripada kebolehan sebenar pada diri sendiri. Maka persepsi yang tinggi terhadap kebolehan penguasaan sebenar telah menghalang pelajar-pelajar Melayu terus berusaha dalam pembelajaran BC. Kajian lepas (Cheun, 2009; Lee, 2007) menyatakan faktor masa pembelajaran sangat penting dalam pembelajaran BC dalam kalangan pelajar bukan natif. Tiada jalan pintas dalam pembelajaran bahasa kerana bahasa perlu dipraktikkan selalu barulah dapat dikuasainya.

5.4.4 Sikap

Jadual 5.11 menunjukkan analisis faktor sikap pembelajaran responden.

Jadual 5.11
Analisis faktor sikap

	Skala	TP	TS	K	AS	S
		%	%	%	%	%
D1	Saya menumpukan perhatian dalam kelas.	0	0	15	65	20
D2	Saya menyiapkan latihan Bahasa Cina.	2.5	5	57.5	32.5	2.5
	Min Faktor Sikap	1.25	2.5	36.25	48.75	11.25

Pembelajaran amat bergantung kepada sikap pembelajaran seseorang pelajar. Gardner (1983) menyatakan sikap adalah faktor utama yang menentukan tahap kejayaan pelajar dalam mempelajari bahasa. Sikap memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran bahasa. Didapati 11.25% responden mempunyai sikap pembelajaran yang sangat bagus dalam pembelajaran BC. Hasil kajian menunjukkan bahawa 48.75% responden bersikap positif dalam pembelajaran BC. Responden-responden ini menumpukan perhatian dalam kelas dan menyiapkan latihan yang diberikan. Namun begitu, didapati 36.25% responden menyatakan bahawa mereka mempunyai sikap yang

sederhana dalam pembelajaran BC. Sebaliknya, 3.75% responden bersikap negatif dalam pembelajaran BC, iaitu responden ini mengakui bahawa mereka tidak menyiapkan latihan BC. Secara keseluruhan, majoriti responden bersikap positif dalam pembelajaran BC. Hakikatnya, keputusan ujian tidak menunjukkan sikap kerajinan pelajar dalam pembelajaran BC. Satu interpretasi dilakukan bahawa responden ingin menampilkan imej yang bagus, maka mereka memilih jawapan yang positif ketika menjawab soal selidik.

5.4.5 Minat

Analisis faktor minat pembelajaran disenaraikan di dalam Jadual 5.12.

Jadual 5.12
Analisis faktor minat

	Skala	STB	TB	S	B	SB
		%	%	%	%	%
E1	Saya sangat berminat belajar Bahasa Cina.	0	0	27.5	55	17.5
E2	Saya melayari laman web Bahasa Cina.	0	40	35	20	5
E3	Saya belajar Bahasa Cina atas pilihan sendiri.	0	5	20	17.5	57.5
	Min Faktor Minat	0	15	27.5	30.83	26.67

Minat memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran bahasa asing. Minat dapat mendorong pelajar terus mempelajari bahasa. Analisis soal selidik menunjukkan 26.67% responden sangat berminat mempelajari BC sebagai bahasa asing. Didapati 30.83% responden mempunyai minat dalam pembelajaran BC. Namun begitu, didapati 27.5% responden mempunyai minat yang sederhana dalam pembelajaran BC. Sebaliknya, soal selidik menunjukkan 15% responden tidak berminat mempelajari BC. Secara keseluruhan, responden mempunyai tahap minat yang sederhana dalam pembelajaran BC. Ini selari dengan kajian Goh dan Ng (2004) menyatakan bahawa pelajar Melayu mempunyai minat dalam pembelajaran BC.

5.4.6 Persekitaran

Jadual 5.13 menunjukkan analisis faktor persekitaran.

Jadual 5.13
Analisis faktor persekitaran

	Skala	STB	TB	S	B	SB
		%	%	%	%	%
F1	Saya mempunyai ramai kawan Cina yang menggunakan Bahasa Cina di tempat kediaman saya.	5	12.5	55	20	7.5
F2	Saya diberikan peluang mempraktikkan Bahasa Cina dalam kelas.	0	0	35	57.5	7.5
F3	Saya didedahkan kepada persekitaran Bahasa Cina selepas kelas Bahasa Cina.	37.5	45	17.5	0	0
F4	Saya berasa selesa terhadap suasana pembelajaran kelas Bahasa Cina.	0	2.5	12.5	37.5	47.5
	Min Faktor Persekitaran	10.62	15	30	28.75	15.63

Didapati 15.63% responden sangat bersetuju bahawa persekitaran pembelajaran BC dapat mempengaruhi mereka dalam pembelajaran BC. Di samping itu, 28.75% responden bersetuju bahawa persekitaran pembelajaran BC wujud di dalam kelas dan di luar kelas BC. Sebaliknya, 30% responden berpendapat bahawa persekitaran pembelajaran BC adalah sederhana. Malah 15% responden berpendapat bahawa tiada persekitaran untuk mempelajari BC dan 10.62% responden berpendapat bahawa mereka kurang didedahkan kepada persekitaran pembelajaran BC di UMP. Satu interpretasi dilakukan bahawa persekitaran BC sukar diwujudkan dalam kawasan UMP. Hasil kajian menunjukkan pelajar Melayu tidak terdedah kepada persekitaran BC. Dapatan ini selari dengan penemuan kajian lepas (Cheun *et al.*, 2009; Azman & Goh, 2010). Kajian menunjukkan bahawa pelajar Melayu tiada persekitaran BC untuk mempraktikkan di luar kelas. Kesemua responden duduk di asrama Universiti. Persekitaran kehidupan dalam Universiti dalam penggunaan BM. Didapati fasiliti dalam Universiti seperti kedai serbaguna, kantin diniaga oleh kaum Melayu sahaja, maka tiada persekitaran BC dalam UMP. Oleh itu, pelajar Melayu tidak didedahkan persekitaran BC dalam Universiti.

5.4.7 Pengajaran

Analisis faktor pengajaran disenaraikan di dalam Jadual 5.14.

Jadual 5.14
Analisis faktor pengajaran

	Skala	STB	TB	S	B	SB
		%	%	%	%	%
G1	Saya jelas penyampaian pensyarah Bahasa Cina tentang topik tarikh, masa dan harga.	0	0	12.5	52.5	35
G2	Kaedah pengajaran pensyarah memudahkan saya mempelajari Bahasa Cina.	0	0	12.5	52.5	35
G3	Kaedah pengajaran pensyarah menarik perhatian saya dalam pembelajaran Bahasa Cina.	0	0	17.5	50	32.5
	Min Faktor Pengajaran	0	0	14.16	51.67	34.17

Hasil kajian menunjukkan 34.17% responden yang sangat bersetuju bahawa pengajaran pensyarah dapat membantu mereka dalam pembelajaran BC. Di samping itu, 51.67% responden bersetuju bahawa pengajaran pensyarah memudahkan mereka mempelajari BC. Didapati 14.16% responden berpendapat sederhana tentang pengajaran pensyarah membantu mereka dalam pembelajaran BC. Sebaliknya, tiada seorang reponden sangat tidak bersetuju dan tidak setuju tentang penyampaian pensyarah. Secara keseluruhan, majoriti responden memahami pengajaran yang disampaikan oleh pensyarah. Ini selari dengan dapatan kajian Cheun (2009: 112) menunjukkan pengajaran pensyarah mempengaruhi prestasi pelajar Melayu dalam pembelajaran BC.

5.5 Hubungan Antara Prestasi Responden Dengan Faktor-Faktor Pengaruh

Analisis korelasi telah dijalankan untuk melihat hubungkaitan antara prestasi responden dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar Melayu dalam pembelajaran frasa nombor BC disenaraikan di dalam Jadual 5.15.

Jadual 5.15

Korelasi antara prestasi responden dengan faktor-faktor pengaruh dalam pembelajaran BC

Faktor-faktor Pengaruh		Prestasi responden
Pemindahan bahasa ibunda	Pearson Correlation	.223
	Sig. (2-tailed)	.166
	N	40
Motivasi	Pearson Correlation	.236
	Sig. (2-tailed)	.143
	N	40
Masa	Pearson Correlation	-.182
	Sig. (2-tailed)	.260
	N	40
Sikap	Pearson Correlation	.325(*)
	Sig. (2-tailed)	.041
	N	40
Minat	Pearson Correlation	.528(**)
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	40
Persekitaran	Pearson Correlation	.393(*)
	Sig. (2-tailed)	.012
	N	40
Pengajaran	Pearson Correlation	.267
	Sig. (2-tailed)	.096
	N	40

* Korelasi adalah signifikasi pada tahap 0.05 (2 angka akhir).

** Korelasi adalah signifikasi pada tahap 0.01 (2 angka akhir).

Analisis korelasi menunjukkan bahawa hanya tiga faktor mempunyai hubungan yang signifikasi dengan prestasi responden, iaitu faktor minat, persekitaran dan sikap. Korelasi antara prestasi responden dengan faktor minat adalah signifikan ($r = 0.528$; $p > .05$). Hal ini menunjukkan bahawa faktor minat merupakan faktor yang paling mempengaruhi prestasi pembelajaran frasa nombor BC dalam kalangan pelajar Melayu. Dengan kata lain, prestasi responden dengan faktor minat mempunyai hubungan positif iaitu minat pembelajaran BC pelajar tinggi, maka prestasi responden akan meningkat. Oleh itu, pensyarah harus mempelbagaikan aktiviti pengajaran demi meningkatkan minat pembelajaran BC dalam kalangan pelajar Melayu.

Analisis korelasi menunjukkan prestasi responden mempunyai hubungan signifikan ($r = 0.393$; $p > .05$) dengan faktor persekitaran. Hal ini menunjukkan faktor

persekitaran mempengaruhi keputusan ujian dalam kalangan pelajar Melayu. Dengan kata lain, prestasi responden dengan faktor persekitaran mempunyai hubungan positif, iaitu persekitaran pembelajaran BC tinggi, maka prestasi responden juga dapat meningkat. Oleh itu, suasana pembelajaran BC perlu diwujudkan untuk meningkatkan prestasi pembelajaran BC dalam kalangan pelajar Melayu.

Prestasi responden dengan faktor sikap mempunyai korelasi yang signifikan ($r = .325, p > .05$). Hal ini menunjukkan faktor sikap pembelajaran mempengaruhi prestasi responden. Dengan kata lain, prestasi responden dengan faktor sikap mempunyai hubungan positif, iaitu sikap pembelajaran pelajar positif, maka prestasi responden juga meningkat. Kajian juga menunjukkan responden yang mempunyai sikap positif mendapat pencapaian yang cemerlang dalam ujian, manakala responden yang gagal dalam ujian kerana sikap negatif dalam pembelajaran BC. Oleh itu, pembelajaran amat bergantung kepada sikap pembelajaran seseorang pelajar.

Namun begitu, hasil kajian menunjukkan bahawa korelasi yang lemah antara prestasi responden dengan faktor pengajaran ($r = .267, p > .05$), faktor motivasi ($r = .236, p > .05$), faktor pemindahan bahasa ibunda ($r = .223, p > .05$) dan faktor masa ($r = -.182, p > .05$). Analisis korelasi menunjukkan korelasi yang lemah ($r = .267, p > .05$) antara prestasi responden dengan pengajaran. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor pengajaran tidak banyak mempengaruhi prestasi pelajar Melayu dalam pembelajaran BC. Namun begitu, kajian lepas (Ghazali et al., 2010; Cheun, 2009; Liu, 2006) menunjukkan bahawa faktor pengajaran penting dalam pembelajaran BC sebagai bahasa kedua. Pensyarah merupakan orang yang memberi panduan kepada pelajar dalam pelajaran, manakala pelajar perlu berusaha dalam pembelajaran. Satu interpretasi dilakukan kemungkinan pensyarah telah melaksanakan tugas sendiri, tetapi responden tidak berusaha dalam pembelajaran dan mengakibatkan prestasi responden lemah.

Analisis korelasi menunjukkan hubungan yang lemah ($r = .236, p > .05$) antara prestasi responden dengan faktor motivasi. Penemuan ini bercanggah dengan kajian lepas (Tan, 2006; Lee, 2007; Nakanishi, 2002) bahawa menunjukkan motivasi mempengaruhi pembelajaran. Di samping itu, analisis korelasi menunjukkan hubungan yang lemah ($r = .223, p > .05$) antara prestasi responden dengan faktor pemindahan bahasa ibunda. Namun begitu, analisis corak kesalahan frasa nombor BC menunjukkan responden Melayu melakukan pemindahan bahasa ibunda dalam pembentukan frasa nombor BC.

Sebaliknya, korelasi antara prestasi responden dengan masa pembelajaran menunjukkan hubungan yang negatif ($r = -.182, p > .05$). Analisis menunjukkan masa pembelajaran yang tinggi tidak membantu responden mendapat prestasi responden yang tinggi. Sebaliknya, masa pembelajaran yang pendek dapat meningkatkan prestasi responden. Dapatan kajian ini adalah tidak dijangka kerana terdapat kajian lepas menyatakan bahawa pembelajaran bahasa memerlukan masa yang panjang. Kemungkinan frasa nombor BC hanya melibatkan tiga jenis frasa nombor BC yang berkenaan tarikh, masa dan harga. Maka responden hanya perlu mengingat tiga jenis corak pembentukan frasa nombor BC untuk menjawab ujian. Di samping itu, dari temubual didapati responden yang dari kumpulan fokus yang cemerlang dapat mempelajari BC dapat masa yang singkat, manakala responden yang dari kumpulan fokus yang lemah memerlukan masa yang panjang untuk memahami topik frasa nombor BC.

Masa pembelajaran bagi kursus *Mandarin For Beginners* di UMP adalah 28 jam dalam satu semester. Sebenarnya masa pembelajaran dalam kelas kurang daripada 28 jam kerana ujian lisan, ujian membaca, ujian mendengar dan ujian menulis juga dijalankan dalam waktu kelas bahasa. Boleh dikatakan masa pembelajaran dalam kelas tidak mencukupi. Pembelajaran bahasa dalam keadaan kesuntukkan masa menyebabkan

pelajar-pelajar tidak dapat menguasai bahasa dengan sepenuhnya. Ini selari dengan kajian Cheun (2009: 111) juga menyatakan kekurangan masa mengajar dalam kelas bagi kursus Bahasa Mandarin yang di UiTM. Namun begitu, responden menganggap masa pembelajaran dalam kelas sudah mencukupi untuk menguasai BC dalam satu semester, tetapi hakikatnya, kebolehan penguasaan responden tidak tercapai seperti mana persepsi mereka terhadap kebolehan sebenar sendiri.

Secara keseluruhan, faktor minat, sikap dan persekitaran merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran frasa nombor BC dalam kalangan pelajar Melayu di UMP. Sekiranya pelajar Melayu berminat mempelajari BC serta mempunyai sikap pembelajaran yang positif dan wujud persekitaran bahasa yang bagus, maka prestasi pembelajaran BC pelajar tersebut akan bertambah maju. Ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga faktor ini telah mempengaruhi prestasi pembelajaran BC dalam kalangan pelajar Melayu di UMP.

5.6 Persepsi Kumpulan Fokus Terhadap Pembelajaran Frasa Nombor Bahasa Cina

Temubual telah dijalankan ke atas dua kumpulan fokus, iaitu kumpulan fokus yang cemerlang dan kumpulan fokus yang lemah. Kedua-dua kumpulan fokus masing-masing mempunyai 5 orang responden yang dipilih mengikut keputusan dalam ujian. Prestasi kumpulan fokus dalam ujian ditunjukkan di dalam Jadual 5.16.

Jadual 5.16
Prestasi kumpulan fokus dalam ujian

Kumpulan fokus	No. Responden	Markah	Gred	Takrifan
Cemerlang	ke-18	83.33 %	A	Cemerlang
	ke-23	83.33%	A	Cemerlang
	ke-24	83.33 %	A	Cemerlang
	ke-33	83.33 %	A	Cemerlang
	ke-25	80 %	A	Cemerlang

Jadual 5.16, sambungan
Prestasi kumpulan fokus dalam ujian

Kumpulan fokus	No. Responden	Markah	Gred	Takrifan
Lemah	ke-3	33.33 %	E	Gagal
	ke-5	33.33%	E	Gagal
	ke-2	23.33 %	F	Gagal
	ke-19	13 %	F	Gagal
	ke-37	10 %	F	Gagal

Kumpulan fokus yang cemerlang terdiri daripada responden ke-18, ke-23, ke-24, ke-25 dan ke-33. Sebaliknya, kumpulan fokus yang lemah dalam ujian termasuk responden ke-3, ke-5, ke-2, ke-19 dan ke-37. Kesemua responden dalam kumpulan fokus yang cemerlang mendapat gred A dalam ujian, manakala kesemua responden dalam kumpulan fokus yang lemah gagal dalam ujian. Didapati markah yang tertinggi dalam ujian, iaitu 83.33%, manakala markah yang terendah dalam ujian ialah 10%.

Temubual dijalankan ke atas kumpulan fokus untuk meninjau pandangan antara pelajar yang cemerlang dengan pelajar yang lemah dalam pembelajaran frasa nombor BC. Ini adalah untuk menjelaskan perkara yang tidak dapat ditunjukkan pada data numerika dalam soal selidik. Temubual dijalankan dengan soalan kepada tentang pandangan terhadap pembelajaran frasa nombor BC, penguasaan frasa nombor BC, cara pembelajaran, pandangan terhadap kursus *Mandarin For Beginners*, penilaian kursus dan faktor-faktor pengaruh dalam pembelajaran frasa nombor BC.

5.6.1 Pandangan Berkenaan Pembelajaran Frasa Nombor Bahasa Cina

Pandangan berkenaan pembelajaran frasa nombor BC di antara kumpulan fokus yang cemerlang dengan kumpulan yang lemah ditunjukkan dalam jadual 5.17.

Jadual 5.17
Pandangan berkenaan pembelajaran frasa nombor BC di antara kumpulan fokus yang cemerlang dengan kumpulan fokus yang lemah

	Kumpulan Fokus Yang Cemerlang	Kumpulan Fokus Yang Lemah
Pandangan pembelajaran frasa nombor BC	Frasa nombor BC senang dipelajari. Tidak dapat membezakan angka 2 yang ada dua sebutan, iaitu 二[èr] dan 两[liǎng].	Pandangan terhadap jawapan panjang sebagai topik yang susah, tetapi menganggap jawapan yang pendek ialah topik yang senang.

Kumpulan fokus yang cemerlang dan kumpulan fokus yang lemah mempunyai pandangan yang berbeza terhadap pembelajaran frasa nombor BC. Kesemua responden dari kumpulan fokus yang cemerlang berpendapat bahawa frasa nombor BC senang dipelajari kerana topik tersebut merupakan topik yang asas dalam pembelajaran bahasa. Responden yang ke-24 mengatakan bahawa mereka sudah ada pengetahuan tentang frasa nombor dalam bahasa ibunda, pembelajaran frasa nombor BC hanya menyatakan tarikh, masa dan harga dalam bahasa sasaran sahaja. Menurut responden yang ke-23, frasa nombor BC senang dipelajari kerana ia hanya melibatkan nombor dan beberapa kosa kata sahaja.

Sebaliknya, kumpulan fokus yang lemah berpendapat bahawa tahap kesusahan bagi pembelajaran frasa nombor BC adalah sederhana. Didapati kumpulan fokus yang lemah mempunyai persepsi bahawa frasa nombor BC yang panjang ialah frasa yang susah dipelajari manakala frasa nombor BC yang pendek merupakan frasa yang senang dipelajari. Maka mereka menganggap frasa tarikh dalam BC merupakan topik yang susah dipelajari kerana frasa tarikh dalam BC lebih panjang jika berbanding dengan pembentukan frasa nombor bagi topik masa dan harga. Kumpulan fokus yang lemah memberitahu bahawa mereka kerap ketinggalan kosa kata dalam pembentukan frasa

tarikh dalam BC yang panjang. Ini telah mengakibatkan mereka kehilangan banyak markah dalam ujian.

5.6.2 Penguasaan Frasa Nombor Bahasa Cina

Jadual 5.18 adalah penguasaan frasa nombor BC di antara kumpulan fokus yang cemerlang dengan kumpulan yang lemah.

Jadual 5.18
Penguasaan frasa nombor BC di antara
kumpulan fokus yang cemerlang dengan kumpulan fokus yang lemah

	Kumpulan Fokus Yang Cemerlang	Kumpulan Fokus Yang Lemah
Penguasaan frasa nombor BC	Frasa nombor BC dikuasai sepenuhnya tetapi kurang menguasai frasa nombor bagi topik harga yang berbeza dengan BM.	Responden mempunyai pandangan yang tinggi terhadap kebolehan sendiri dalam penguasaan frasa nombor BC, tetapi hakikatnya mereka mendapat gred F dalam ujian.

Kumpulan fokus yang cemerlang lebih menguasai frasa nombor BC jika berbanding dengan kumpulan fokus yang lemah. Kumpulan fokus yang cemerlang berpuas hati dengan pencapaian sendiri dalam ujian. Kesemua responden ini menguasai topik tarikh dan masa dalam BC dengan sepenuhnya, manakala mereka kurang menguasai penggunaan 零 [líng] yang bermakna “kosong” dalam topik harga. Ini disebabkan perbezaan struktur pembentukan frasa nombor bagi topik harga antara BC dan BM.

Sebaliknya, didapati 3 orang responden yang dari kumpulan fokus yang lemah berpendapat bahawa mereka menguasai frasa nombor BC, manakala 2 orang responden mengakui bahawa mereka tidak menguasai frasa nombor BC. Dari temubual mendapati responden yang dari kumpulan fokus yang lemah mempunyai pandangan yang tinggi terhadap kebolehan sendiri dalam pembelajaran frasa nombor BC, tetapi pada hakikatnya mereka tidak menguasai frasa nombor BC seperti yang ditunjukkan dalam keputusan ujian bahawa mereka gagal dalam ujian. Kemungkinan kumpulan fokus yang lemah juga berfikir mereka telah menguasai frasa nombor BC. Tambahan pula, kesemua

responden dari kumpulan fokus yang lemah adalah lelaki. Satu interpretasi dilakukan bahawa responden lelaki tidak berani mengakui kelemahan sendiri atau ingin berjaga air muka walaupun tidak menguasai frasa nombor BC. Maka mereka memberi jawapan yang positif dalam temubual.

5.6.3 Cara Pembelajaran Bahasa Cina

Cara pembelajaran di antara kumpulan fokus yang cemerlang dengan kumpulan yang lemah ditunjukkan adalah seperti di dalam Jadual 5.19.

Jadual 5.19
 Cara pembelajaran di antara
 kumpulan fokus yang cemerlang dengan kumpulan fokus yang lemah

	Kumpulan Fokus Yang Cemerlang	Kumpulan Fokus Yang Lemah
Cara pembelajaran	Menonton drama yang berbahasa Cina. Mendengar lagu BC. Bertanya kawan Cina. Melayari laman web BC. Menghafal struktur frasa.	Menonton drama yang berbahasa Cina. Mendengar lagu BC. Bertanya kawan Cina.

Dari segi cara pembelajaran BC, didapati kumpulan fokus yang cemerlang bukan sahaja terhad pada buku sahaja, tetapi pelbagai cara pembelajaran digunakan dalam mempelajari BC. Cara pembelajaran kumpulan fokus yang cemerlang adalah seperti menonton drama yang berbahasa Cina, mendengar lagu BC, bertanya kawan Cina, melayari laman web BC dan menghafal struktur frasa BC.

Kumpulan fokus yang lemah mengatakan bahawa mereka juga mempelajari BC dengan menonton drama yang berbahasa Cina, mendengar lagu BC dan bertanya kawan Cina. Dari temubual dijalankan, didapati kumpulan fokus yang lemah ingin menunjukkan usaha mereka dalam pembelajaran BC. Kemungkinan mereka lemah dalam pembelajaran.

5.6.4 Pandangan Terhadap Kursus Bahasa Cina

Jadual 5.20 adalah pandangan terhadap kursus BC di antara kumpulan fokus yang cemerlang dengan kumpulan yang lemah.

Jadual 5.20
Pandangan terhadap kursus BC di antara
kumpulan fokus yang cemerlang dengan kumpulan fokus yang lemah

	Kumpulan Fokus Yang Cemerlang	Kumpulan Fokus Yang Lemah
Pandangan terhadap kursus BC	4 orang responden berasa seronok dalam kelas BC, tetapi seorang responden berasa kursus BC biasa sahaja kerana topik adalah asas.	Seronok. Biasa. topik asas. tidak mencabar.

Secara keseluruhan, kedua-dua kumpulan fokus berasa seronok dalam pembelajaran *Mandarin For Beginners*. Kedua-dua kumpulan fokus berasa pensyarah menjalankan aktiviti dalam kelas dapat mengurangkan tekanan dalam pembelajaran. Namun begitu, responden yang ke-18 dari kumpulan fokus yang cemerlang berpendapat bahawa kursus *Mandarin For Beginners* hanya biasa sahaja kerana topik terlalu asas. Di samping itu, responden yang kelima dari kumpulan fokus yang lemah berasa biasa sahaja terhadap kursus *Mandarin For Beginners* kerana topik pembelajaran tidak cabar seperti kursus kejuruteraan. Kemungkinan topik pembelajaran BC terlalu asas dan tidak cabar seperti kursus kejuruteraan, maka ini telah mempengaruhi usaha responden yang dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dalam pembelajaran BC. Dengan itu, prestasi responden dalam ujian juga dipengaruhi.

5.6.5 Cara Penilaian Kursus Bahasa Cina

Pandangan berkenaan cara penilaian kursus BC di antara kumpulan fokus yang cemerlang dengan kumpulan yang lemah ditunjukkan di dalam Jadual 5.21.

Jadual 5.21
Pandangan berkenaan cara penilaian kursus di antara kumpulan fokus yang cemerlang dengan kumpulan fokus yang lemah

	Kumpulan Fokus Yang Cemerlang	Kumpulan Fokus Yang Lemah
Penilaian kursus: Hadir lulus/ Gred	4 orang responden berpendapat bahawa kursus BC sesuai dinilai dengan hadir lulus kerana: -tidak akan membebankan pelajar -pelajar tidak berasa tertekan untuk mengejar gred -tidak akan memberi perubahan yang banyak dalam CGPA. -bahasa hanya untuk dipelajari sahaja. Seorang responden berpendapat bahawa kursus BC harus dinilai dengan gred kerana BC sangat penting	2 orang bersetuju penilaian kursus BC dalam hadir lulus sahaja, tetapi 3 orang responden bersetuju penilaian kursus BC dalam gred dapat mendorong mereka belajar BC secara bersungguh-sungguh.

Dari segi penilaian kursus *Mandarin For Beginners*, kumpulan fokus yang cemerlang dan kumpulan fokus yang lemah masing-masing mempunyai pandangan yang berbeza terhadap penilaian kursus BC dinilai dengan gred atau hadir lulus. Dari segi penilaian kursus *Mandarin For Beginners*, majoriti responden dalam kumpulan fokus yang cemerlang menyokong kursus BC dinilai dengan hadir lulus. Mereka berpendapat bahawa kursus BC tidak harus membebankan pelajar dalam pembelajaran. Di samping itu, responden yang ke-33 mengatakan bahawa penilaian kursus dengan hadir lulus tidak akan menjadikan pelajar mengejar gred. Responden yang ke-24 bersokong bahawa kursus *Mandarin For Beginners* dengan hadir lulus kerana ia tidak memberi perubahan yang banyak dalam CGPA disebabkan kursus ini 1 jam kredit sahaja. Sebaliknya, responden yang ke-25 berpendapat bahawa kursus *Mandarin For Beginners* harus dinilai dalam gred kerana BC sangat penting di Malaysia.

Didapati 3 orang responden daripada kumpulan fokus yang lemah berpendapat bahawa *Mandarin For Beginners* harus dinilai dengan gred. Ini disebabkan penilaian

dalam gred dapat mendorong pelajar mempelajari BC dengan bersungguh-sungguh dan mementingkan kursus *Mandarin For Beginners*. Di samping itu, responden yang ke-5 mengatakan bahawa penilaian kursus dalam gred dapat meningkatkan CGPA pelajar kerana topik kursus *Mandarin For Beginners* agak asas. Sebaliknya, reponden yang ke-37 dan responden yang ke-19 daripada kumpulan fokus yang lemah pula menyokong penilaian kursus *Mandarin For Beginners* dengan hadir lulus supaya pelajar tidak tertekan dalam pembelajaran BC. Kemungkinan cara penilaian kursus BC mempengaruhi usaha pelajar dalam pembelajaran BC. Ini disebabkan kursus BC hanya merupakan subjek yang hadir lulus atau hadir gagal sahaja. Kemungkinan responden kurang berusaha dalam mempelajari BC dan fokus dalam kursus kejuruteraan yang lebih mencabar. Maka prestasi responden dipengaruhi apabila responden kurang berusaha dalam kursus BC yang dinilai dengan hadir lulus atau hadir gagal.

5.6.6 Pemindahan Bahasa Ibunda

Jadual 5.22 adalah pandangan berkenaan pemindahan bahasa ibunda di antara kumpulan fokus yang cemerlang dengan kumpulan yang lemah.

Jadual 5.22
Pandangan berkenaan pemindahan bahasa ibunda di antara
kumpulan fokus yang cemerlang dengan kumpulan fokus yang lemah

	Kumpulan Fokus Yang Cemerlang	Kumpulan Fokus Yang Lemah
Pemindahan bahasa ibunda	<p>Ketinggalan kosa kata 零[líng] dalam frasa harga kerana ikut struktur BM</p> <p>Pengaruh negatif, pemindahan bahasa ibunda dalam pembentukan frasa nombor BC.</p>	<p>Keliru angka 12 & 20 dalam BC.</p> <p>Keliru kosa kata puluh sen 毛 [máo] dan sen 分[fēn] dalam harga BC.</p> <p>Berfikir dengan bahasa ibunda, senang memahami struktur BC, tetapi proses pemikiran menjadi lambat apabila memindah bahasa ibunda ke BC.</p>

Jadual 5.22, sambungan
 Pandangan berkenaan pemindahan bahasa ibunda di antara
 kumpulan fokus yang cemerlang dengan kumpulan fokus yang lemah

	Kumpulan Fokus Yang Cemerlang	Kumpulan Fokus Yang Lemah
Pemindahan bahasa ibunda		Keliru struktur BC yang berbeza dengan bahasa ibunda (BM). Pengaruh negatif, pemindahan bahasa ibunda dalam ejaan Hanyu Pinyin. Ejaan Hanyu Pinyin tidak sama dengan BM menyebabkan banyak jawapan salah.

Kumpulan fokus yang cemerlang dan kumpulan fokus yang lemah berpendapat bahawa pemindahan bahasa ibunda berlaku dalam pembelajaran frasa nombor BC. Kesemua responden dalam kumpulan fokus yang cemerlang mengakui bahawa pemindahan bahasa ibunda berlaku dalam pembelajaran BC. Misalnya, ketinggalan kosa kata 零[líng] yang bermakna “kosong” di topik harga dalam BC kerana responden Melayu mengikut struktur BM ketika menjawab ujian. Didapati pengaruh negatif dari bahasa ibunda dalam menulis ejaan *Hanyu Pinyin*. Kumpulan fokus yang cemerlang ini melakukan kesilapan *Hanyu Pinyin* dalam ujian seperti 中午[zhōngwǔ] “tengahari” ditulis sebagai [zhang wǔ] dalam frasa masa. Dalam frasa harga pula mempunyai kesilapan *Hanyu Pinyin* 一百 [yī bǎi] “seratus” ditulis sebagai [yī bǎn].

Kumpulan fokus yang lemah mengatakan bahawa berfikir dengan bahasa ibunda dapat membantu mereka memahami pembelajaran BC, tetapi proses pemikiran menjadi perlahan apabila memindah bahasa ibunda ke BC. Didapati kumpulan fokus yang lemah menterjemahkan *Hanyu Pinyin* dengan menggunakan cara sebutan BM. Misalnya, hari Rabu 星期三 [xīnqī sān] ditulis sebagai [xīng cī sān]. Di samping itu, kumpulan fokus yang lemah juga keliru tentang struktur frasa nombor BC kerana ia berbeza dengan struktur frasa nombor BM. Maka mereka masih tidak dapat membezakan angka 12 dan angka 20 dalam BC. Tambahan pula, kumpulan fokus yang lemah juga tidak dapat menguasai

kosa kata puluh sen 毛[máo] dan sen 分[fēn] dalam pembentukan frasa harga BC. Ini disebabkan struktur frasa harga BM tiada nilai tempat puluh sen 毛[máo], maka struktur frasa harga dalam BC berbeza dengan BM dan menjadi titik kesusahan bagi kumpulan fokus yang lemah.

5.6.7 Motivasi

Motivasi di antara kumpulan fokus yang cemerlang dengan kumpulan yang lemah ditunjukkan di dalam Jadual 5.23.

Jadual 5.23
Motivasi di antara
kumpulan fokus yang cemerlang dengan kumpulan fokus yang lemah

	Kumpulan Fokus Yang Cemerlang	Kumpulan Fokus Yang Lemah
Motivasi	<p>Untuk mengetahui percakapan kawan Cina.</p> <p>Untuk peluang pekerjaan pada masa depan.</p>	<p>Untuk mengetahui percakapan kawan Cina.</p>

Motivasi yang mendorong responden dalam kumpulan fokus yang cemerlang dan kumpulan fokus yang lemah dalam pembelajaran BC adalah untuk mengetahui percakapan kawan Cina. Selain itu, faktor peluang pekerjaan pada masa depan juga menggalakkan kumpulan fokus yang cemerlang mempelajari BC dengan bersungguh-sungguh tetapi kumpulan fokus yang lemah tidak berpandangan jauh seperti kumpulan fokus yang cemerlang. Menurut kumpulan fokus yang cemerlang, pembelajaran BC mempunyai peluang yang lebih besar digunakan jika berbanding dengan bahasa asing yang lain di tempat pekerjaan pada masa depan. Walaupun motivasi kumpulan fokus yang lemah memilih kursus *Mandarin For Beginners* adalah untuk mengetahui percakapan kawan Cina, tetapi didapati mereka tidak mempunyai ramai kawan Cina. Ini menunjukkan responden memberi alasan dalam pembelajaran BC sehingga percanggahan percakapan berlaku. Kemungkinan responden tidak ingin menampilkan

imej yang negatif ketika menjawab soal selidik. Satu interpretasi dilakukan bahawa kumpulan fokus yang lemah mempelajari BC mungkin adalah untuk memenuhi syarat akademik Universiti.

5.6.8 Masa

Jadual 5.24 adalah masa pembelajaran yang dipelajari oleh kumpulan fokus yang cemerlang dan kumpulan fokus yang lemah dalam pembelajaran BC.

Jadual 5.24
Masa pembelajaran
kumpulan fokus yang cemerlang dan kumpulan fokus yang lemah

	Kumpulan Fokus Yang Cemerlang	Kumpulan Fokus Yang Lemah
Masa	3 orang mengulangkaji 2 jam seminggu; 1 orang mengulangkaji 3 jam seminggu, 1 orang mengulangkaji 1 jam seminggu. Masa pembelajaran dalam kelas selama 2 jam mencukupi.	Masa tidak mencukupi. Tidak selalu mengulangkaji, tidak ingat struktur. Fokus diberikan kepada kursus major sebab banyak assignment.

Dari temubual didapati masa pembelajaran bagi setiap pelajar adalah berbeza. Didapati kumpulan fokus yang cemerlang menggunakan masa pembelajaran yang pendek dalam pembelajaran frasa nombor BC dan mencapai prestasi yang cemerlang dalam ujian. Ini disebabkan mereka memberi tumpuan dalam kelas dan memahami penyampaian pensyarah dalam kelas. Maka kumpulan fokus yang cemerlang hanya mengulangkaji dengan masa yang pendek untuk menguasai frasa nombor BC. Kesemua responden dari kumpulan fokus yang cemerlang mempunyai pandangan yang sama tentang masa pembelajaran dalam kelas BC selama 2 jam seminggu adalah mencukupi. Majoriti responden kumpulan fokus yang cemerlang mengulangkaji BC setiap minggu sekurang-kurang 2 jam. Kemungkinan ini strategi pembelajaran pelajar menentukan masa pembelajaran mereka bagi memahami dan menguasai topik pembelajaran.

Majoriti kumpulan fokus yang lemah mengatakan bahawa masa tidak mencukupi dalam sehari kerana mereka perlu menghadiri banyak kelas pada setiap hari. Mereka lebih fokus pada kursus major kerana ia mempunyai jam kredit yang lebih tinggi daripada BC. Di samping itu, kumpulan fokus yang lemah mengatakan bahawa tugas kursus teras yang banyak menyebabkan mereka tidak selalu mengulangkaji kursus *Mandarin For Beginners*. Namun begitu, bahasa bukan dikuasai serta merta dengan bercakap sekali sahaja. Bahasa perlu dipraktikkan banyak kali baru dapat menguasainya. Disebabkan kumpulan fokus yang lemah kurang mengulangkaji, maka mereka tidak dapat menghafal struktur frasa nombor BC dalam ujian. Pada hakikatnya, semua responden dari fakulti yang sama mempunyai tugas yang sama dalam pembelajaran, satu interpretasi dilakukan bahawa kumpulan fokus yang lemah tidak merancang masa pembelajaran sehingga mereka mengadu masa tidak mencukupi dalam setiap hari. Kesemua alasan menunjukkan percanggahan pendapat berlaku dalam kalangan kumpulan fokus yang lemah, iaitu menyatakan bahawa mereka mementing kursus *Mandarin For Beginners* dalam soal selidik tetapi hakikatnya mereka tidak berusaha dalam pembelajaran BC.

5.6.9 Sikap

Sikap pembelajaran di antara kumpulan fokus yang cemerlang dengan kumpulan yang lemah ditunjukkan di dalam Jadual 5.25.

Jadual 5.25
Sikap pembelajaran di antara
kumpulan fokus yang cemerlang dengan kumpulan fokus yang lemah

	Kumpulan Fokus Yang Cemerlang	Kumpulan Fokus Yang Lemah
Sikap pembelajaran	<ul style="list-style-type: none"> -menumpukan perhatian dalam kelas. -diberi peluang mempraktikkan BC dalam kelas. -Faham dan mempraktikkan BC dalam kelas penting -mempraktikkan BC dengan kawan Cina -mengulangkaji setiap minggu. 	<ul style="list-style-type: none"> -Tiru jawapan latihan kawan. -Tidak serius terhadap <i>Hanyu Pinyin</i>. -diberi peluang mempraktikkan BC dalam kelas, tetapi tidak dapat jawab.

Kejayaan dalam pembelajaran mempunyai hubungan yang berkait rapat dengan sikap pembelajaran pelajar. Menurut kumpulan fokus yang cemerlang, menumpukan perhatian dalam kelas adalah penting. Responden berpendapat bahawa memahami topik pengajaran dalam kelas adalah penting dan ini dapat menjimatkan masa ulangkaji selepas waktu kelas. Kumpulan fokus yang cemerlang menyatakan bahawa mereka diberikan peluang untuk mempraktikkan BC dalam kelas. Di samping itu, kumpulan fokus yang cemerlang juga mengambil kesempatan mempraktikkan BC dengan kawan Cina selepas waktu kelas. Mereka mengulangkaji BC pada setiap minggu. Didapati kunci penguasaan frasa nombor BC dalam kalangan kumpulan fokus yang cemerlang adalah bersikap positif dalam pembelajaran. Penemuan ini selaras dengan kajian Goh dan Ng (2004) menunjukkan pelajar Melayu mempunyai sikap yang positif dalam pembelajaran BC.

Dari temubual yang dijalankan, didapati sikap pembelajaran dalam kelas kurang fokus telah menjejaskan prestasi pembelajaran BC dalam kalangan kumpulan fokus yang lemah. Kumpulan fokus yang lemah mengakui bahawa mereka tidak menyiapkan latihan sendiri dan kebanyakan latihan BC adalah meniru jawapan kawan. Tambahan pula, kumpulan fokus yang lemah bersikap cuai dalam menulis *Hanyu Pinyin* telah menyebabkan mereka kehilangan banyak markah dalam ujian. Walaupun kumpulan fokus yang lemah diberi peluang mempraktikkan BC, tetapi mereka tidak dapat menjawab soalan kerana kurang mengulangkaji. Sehubungan itu, sikap negatif menyebabkan prestasi rendah dalam kumpulan fokus yang lemah. Menurut Ghazali Yusri *et al.* (2010: 25), pelajar yang lemah sepatutnya berusaha lebih gigih dalam pembelajaran. Walaupun kumpulan fokus yang lemah sedar bahawa sikap negatif wujud pada diri sendiri tetapi mereka tidak mengubah sikap dalam pembelajaran. Di samping itu, kumpulan fokus yang lemah mengatakan bahawa rasa malu dan takut melakukan kesilapan dalam pembelajaran BC menyebabkan mereka tidak berani mempraktikkan

BC yang dipelajari. Lama-kelamaan, kumpulan fokus yang lemah menjadi kurang keyakinan dan bersikap negatif dalam mempelajari BC. Oleh itu, faktor sikap mempengaruhi kepada prestasi responden.

5.6.10 Minat

Jadual 5.26 adalah minat pembelajaran BC di antara kumpulan fokus yang cemerlang dengan kumpulan yang lemah.

Jadual 5.26
Minat di antara kumpulan fokus yang cemerlang dengan kumpulan fokus yang lemah

	Kumpulan Fokus Yang Cemerlang	Kumpulan Fokus Yang Lemah
Minat pembelajaran BC	Berminat	Berminat

Kedua-dua kumpulan fokus mengatakan bahawa mereka berminat dalam pembelajaran BC. Kumpulan fokus yang cemerlang mengatakan bahawa mereka mempunyai minat dalam pembelajaran BC. Kumpulan fokus yang cemerlang mempunyai minat yang tinggi dan mencapai prestasi yang cemerlang dalam pembelajaran BC. Mereka memilih BC sebagai asing kerana peluang menggunakan BC di Malaysia lebih besar daripada bahasa asing yang ditawarkan di UMP.

Namun begitu, terdapat percanggahan percakapan dalam kumpulan fokus yang lemah. Kumpulan fokus yang lemah menyatakan bahawa mereka berminat dalam pembelajaran BC. Hakikatnya, prestasi responden tidak menunjukkan kumpulan fokus yang lemah menaruh minat dalam kursus *Mandarin For Beginners*. Ghazali Yusri *et al.* (2010: 25) mengatakan bahawa minat pelajar akan menurun apabila mereka mengalami kegagalan yang berterusan dalam pembelajaran. Kemungkinan kumpulan fokus yang lemah tidak mempunyai ketekalan dan cepat putus asa apabila tidak menguasai topik pembelajaran dalam BC.

5.6.11 Persekitaran

Pandangan terhadap persekitaran di antara kumpulan fokus yang cemerlang dengan kumpulan yang lemah ditunjukkan di dalam Jadual 5.27 .

Jadual 5.27
Pandangan terhadap persekitaran di antara
kumpulan fokus yang cemerlang dengan kumpulan fokus yang lemah

	Kumpulan Fokus Yang Cemerlang	Kumpulan Fokus Yang Lemah
Persekitaran	Kurang persekitaran BC di sekitar Universiti, walaupun pergi pasar malam juga semua gerai Melayu. Kelas tiada kawan Cina tetapi praktik BC dengan kawan Melayu yang ambil BC. Praktik BC dengan kawan sebilik yang ambil BC.	Kawan ambil bahasa asing yang lain, tiada kawan mempraktikkan BC bersama.

Walaupun kumpulan fokus yang cemerlang dan kumpulan fokus yang lemah menyampaikan pendapat bahawa mereka kurang didedahkan dalam persekitaran BC, tetapi tindak balas antara kedua-dua kumpulan fokus adalah berbeza. Kehidupan dalam kampus Universiti dipenuhi dengan persekitaran Melayu seperti kantin, kedai runcit, pasar malam dan sebagainya. Ini berkait rapat dengan faktor makanan halal dan agama pelajar Melayu menyebabkan mereka tiada peluang mendekati persekitaran BC.

Didapati kumpulan fokus yang cemerlang mewujudkan persekitaran BC dengan mempraktikkan BC dengan kawan Melayu yang mengambil kursus *Mandarin For Beginners*. Kumpulan fokus yang cemerlang mampu mempelajari BC secara positif tanpa kekangan persekitaran. Implikasinya, responden mampu mencipta persekitaran pembelajaran BC sendiri tetapi bukan bergantung kepada persekitaran kawasan semata-mata sahaja. Sebaliknya kumpulan fokus yang lemah hanya bergantung kepada persekitaran sahaja. Dari temubual didapati responden yang kedua dari kumpulan fokus yang lemah mempunyai 7 orang kawan Cina dalam kelas kursus teras, tetapi dia menggunakan BM untuk berkomunikasi dengan kawan Cina. Kemungkinan leksikal BC yang dipelajari adalah terhad bagi pelajar yang mengambil kursus *Mandarin For*

Beginners. Maka responden sukar menggunakan BC untuk berkomunikasi dengan kawan-kawan Cina.

5.6.12 Pengajaran

Jadual 5.28 adalah pandangan terhadap pengajaran di antara kumpulan fokus yang cemerlang dengan kumpulan yang lemah.

Jadual 5.28
Pandangan terhadap pengajaran di antara
kumpulan fokus yang cemerlang dengan kumpulan fokus yang lemah

	Kumpulan Fokus Yang Cemerlang	Kumpulan Fokus Yang Lemah
Pengajaran	<ul style="list-style-type: none"> -P&P pensyarah jelas. -Pensyarah bandingkan struktur BC & BM. -Pensyarah upload power point di e-learning. -Topik pengajaran tak banyak sehari. -Pensyarah bagi contoh banyak, penerangan jelas. -Pensyarah bercakap BC dengan perlahan dapat membantu saya faham percakapannya. 	<ul style="list-style-type: none"> -Struktur ayat diberikan senang difahami kerana pensyarah menerangkan maksud dan mengajar dengan power point. -Pensyarah cakap BC dengan perlahan, senang faham pengajaran. -Pensyarah sentiasa bertanya soalan dapat merangsang saya berfikir. -Tidak faham soalan pensyarah. -Latihan kurang menarik.

Didapati majoriti responden menyatakan bahawa mereka jelas pengajaran pensyarah. Kumpulan fokus yang cemerlang mengatakan bahawa topik pengajaran BC agak asas dan topik pengajaran tidak banyak dalam satu sesi pengajaran. Kumpulan fokus menyatakan bahawa pensyarah BC membuat persediaan yang secukupnya dalam pengajaran seperti penyediaan nota dalam *Microsoft Office Power Point* dan dimasukkan dalam laman web pembelajaran UMP (*e-learning*). Pelajar-pelajar dapat bersedia mempelajari sesuatu topik pengajaran sebelum menghadiri kelas BC. Ini juga dapat menjimatkan masa pelajar menyalin nota dalam kelas dan pelajar dapat menumpukan perhatian sepenuhnya dalam penerangan pensyarah. Kumpulan fokus yang cemerlang menyatakan pensyarah sentiasa memberikan contoh dan membandingkan struktur BC dengan BM dapat membantu pelajar Melayu mempelajari BC. Maka kumpulan fokus yang cemerlang tidak perlu meluangkan banyak masa untuk

mengulangkaji selepas waktu kelas. Selain itu, kumpulan fokus yang cemerlang dapat memerhatikan bahawa pensyarah mungkin sengaja memperlahankan percakapan dalam BC. Ini membolehkan pelajar yang baru mempelajari bahasa asing dapat memahami penerangan pensyarah dalam BC.

Kumpulan fokus yang lemah mengatakan bahawa pensyarah menunjukkan struktur ayat dapat memudahkan mereka memahami frasa nombor BC dengan senang. Responden yang ke-37 dari kumpulan fokus yang lemah mengatakan bahawa pensyarah sentiasa tanya soalan, ini dapat merangsang pelajar berfikir untuk menjawab soalan. Kumpulan fokus yang lemah mengatakan bahawa pengajaran pensyarah adalah jelas. Namun begitu, keputusan ujian menunjukkan mereka lemah dalam pembentukan frasa nombor BC. Maka senario percanggahan percakapan berlaku dalam kumpulan fokus yang lemah. Satu interpretasi dilakukan bahawa kumpulan fokus yang lemah ingin menunjukkan kefahaman sendiri tentang pengajaran pensyarah walaupun mereka tidak faham pengajaran pensyarah. Walaubagaimanapun, didapati responden yang ke-19 dari kumpulan fokus yang lemah mengatakan bahawa dia sentiasa tidak memahami soalan pensyarah dan latihan BC kurang menarik. Sebenarnya, pembelajaran bukan sahaja bergantung kepada pengajaran pensyarah, tetapi juga bergantung kepada usaha pelajar sendiri.

5.7 Rumusan

Pembelajaran frasa nombor BC dalam kalangan pelajar Melayu menunjukkan pelajar Melayu dipengaruhi oleh banyak faktor. Faktor-faktor pengaruh merangkumi faktor pemindahan bahasa ibunda, motivasi, masa, sikap, minat, persekitaran dan pengajaran. Faktor-faktor pengaruh dalam pembelajaran frasa nombor BC telah dikaji dengan soal selidik dan temubual. Soal selidik dianalisis dengan analisis reliabiliti bagi memastikan kebolehpercayaan soal selidik. Kesahan dan kebolehpercayaan item-item soalan yang

dibina dalam soal selidik telah dinilai dengan *Cronbach's Alpha* bagi menentukan reliabiliti soal selidik yang digunakan. Analisis reliabiliti menunjukkan faktor pengajaran mempunyai pekali *Cronbach's Alpha* yang paling tinggi, pada tahap yang cemerlang. Sebaliknya, reliabiliti bagi faktor motivasi pada tahap tidak boleh diterima adalah di luar jangkaan. Analisis frekuensi menunjukkan setiap faktor pengaruh mempunyai tahap frekuensi yang berbeza. Setiap faktor saling mempengaruhi pelajar Melayu dalam pembelajaran BC. Didapati faktor pengajaran mempunyai min frekuensi yang paling tinggi. Sebaliknya, faktor masa mendapat min frekuensi faktor yang paling rendah. Dengan kata lain, faktor pengajaran lebih mempengaruhi pelajar Melayu dalam pembelajaran frasa nombor BC jika berbanding dengan faktor masa.

Kemudian hubungan antara prestasi dengan faktor-faktor pengaruh dianalisis dengan analisis korelasi. Setiap faktor mempunyai hubungan positif dengan prestasi responden kecuali faktor masa. Didapati faktor minat mempunyai hubungan yang paling signifikan dengan prestasi responden manakala faktor masa menunjukkan hubungan yang negatif dengan prestasi responden. Dengan kata lain, prestasi responden lebih dipengaruhi oleh faktor minat daripada faktor masa. Seterusnya temubual dijalankan ke atas kumpulan fokus untuk meninjau pandangan antara pelajar yang cemerlang dengan pelajar yang lemah dalam pembelajaran frasa nombor BC. Ini adalah untuk menjelaskan perkara yang tidak dapat ditunjukkan pada data numerika dalam soal selidik. Kumpulan fokus yang cemerlang dan kumpulan fokus yang lemah masing-masing mempunyai persepsi yang berbeza tentang pembelajaran frasa nombor BC, penguasaan frasa nombor BC, cara pembelajaran, pandangan terhadap kursus *Mandarin For Beginners*, penilaian kursus dan 7 faktor yang mempengaruhi pembelajaran frasa nombor BC.

Bab 6

KESIMPULAN

6.1 Pendahuluan

Seksyen ini membuat kesimpulan tentang keseluruhan analisis pembentukan frasa nombor BC dalam kalangan pelajar Melayu (Seksyen 6.2). Batasan kajian dinyatakan dalam Seksyen 6.3. Di samping itu, cadangan-cadangan dinyatakan dalam Seksyen 6.4. Seterusnya, kajian masa depan diberikan dalam Seksyen 6.5.

6.2 Kesimpulan

Pembelajaran Bahasa Cina (BC) sebagai bahasa asing semakin popular di seluruh dunia sejajar dengan pembangunan ekonomi negara China. Maka pembelajaran BC sebagai bahasa asing semakin digalakkan dalam kalangan masyarakat. Bekas Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Abudullah Badawi membentangkan usul mengenai Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006-2010 telah menyatakan mata pelajaran BC sebagai mata pelajaran elektif di semua Institut Pendidikan Tinggi. Ini adalah untuk menggalakkan pelajar-pelajar menguasai pelbagai bahasa supaya dapat bersaing dalam pasaran global. Kini BC merupakan bahasa yang popular diperkenalkan sebagai kursus elektif bahasa asing di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Kajian ini dilakukan kerana terdapat pelajar Melayu tidak menguasai frasa nombor BC dalam pembelajaran kursus *Mandarin For Beginners*. Walaupun terdapat kajian lepas mengenai pembelajaran BC sebagai bahasa asing dilakukan tetapi kajian tentang pembelajaran frasa nombor BC dalam kalangan pelajar Melayu masih belum dijumpai. Maka analisis pembentukan frasa nombor BC dalam kalangan pelajar Melayu dijalankan. Objektif kajian adalah untuk mengenalpastikan corak pembentukan frasa nombor BC dalam kalangan pelajar Melayu dan mengenalpastikan hubungan antara

prestasi responden dengan faktor-faktor pengaruh dalam pembelajaran BC. Ini kerana penggunaan frasa nombor adalah penting untuk berinteraksi dalam komunikasi harian. Kajian ini bertumpu pada topik tarikh, masa dan harga dalam Kursus *Mandarin For Beginners* di Universiti Malaysia Pahang. Frasa nombor merupakan topik asas dalam pembelajaran bahasa asing. Jika pelajar Melayu tidak menguasai frasa nombor BC, maka prestasi mereka dalam kursus BC akan terjejas dan seterusnya mempengaruhi pembelajaran BC di peringkat yang lebih tinggi.

Seramai 40 orang pelajar Melayu yang mengikuti kursus *Mandarin For Beginners* dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dipilih sebagai responden kajian kes ini. Kajian ini menggunakan kaedah triangulasi, iaitu kertas ujian, soal selidik dan temubual. Kertas ujian digunakan untuk melihat pembentukan frasa nombor BC dalam kalangan pelajar Melayu dan jawapan yang salah dalam ujian dianalisis dengan kerangka model *grammatical description*. Di samping itu, frekuensi dan jenis corak pembentukan frasa nombor dijelaskan. Soal selidik digunakan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar Melayu dalam pembelajaran BC. Kaedah SPSS digunakan untuk menganalisis data dalam soal selidik. Kemudian hubungan prestasi responden antara faktor-faktor pengaruh dianalisis dengan analisis korelasi. Kemudian temubual dijalankan di atas satu kumpulan fokus yang terdiri daripada lima orang responden yang cemerlang dalam ujian dan lima orang responden yang lemah dalam ujian. Ini disebabkan banyak unsur yang berkaitan tidak dapat dihuraikan berdasarkan angka-angka dalam data kuantitatif yang di soal selidik.

Kajian ini telah mencapai objektif kajian. Hasil kajian dalam ujian menunjukkan prestasi pelajar adalah sederhana. Didapati kesemua responden tidak menguasai sepenuhnya dalam frasa nombor BC iaitu jawapan ujian telah menunjukkan corak kesalahan pembentukan frasa nombor BC. Bagi pelajar bukan natif memberi corak kesalahan pembentukan frasa nombor BC merupakan satu fenomena yang biasa dalam

pembelajaran bahasa kedua. Ini adalah disebabkan responden masih belum menguasai bahasa yang baru dengan sepenuhnya.

Dari segi pembelajaran frasa nombor BC, analisis menunjukkan pelajar Melayu lebih menguasai topik tarikh dalam BC jika berbanding dengan masa dan harga. Ini disebabkan struktur tarikh hanya melibatkan nombor yang kecil dalam unit bulan, haribulan dan hari. Sebaliknya, pelajar Melayu kurang menguasai angka yang bernilai besar, terutamanya dalam pembentukan frasa harga yang mempunyai nilai harga yang tinggi. Pembentukan frasa tarikh dalam BC hanya melibatkan nombor yang kecil dalam unit bulan, haribulan dan hari. Walaupun unit tahun bagi frasa tarikh dalam BC mempunyai empat digit nombor yang bernilai ribu, tetapi sebutan tahun BC adalah dibentuk berdasarkan angka demi angka pada sebutan tahun dan tidak melibatkan nilai tempat. Ini menunjukkan struktur tarikh dalam BC lebih asas jika berbanding dengan pembentukan masa dan harga BC. Kelebihan struktur frasa tarikh dalam BC memudahkan pelajar Melayu menguasai topik tarikh berbanding dengan masa dan harga. Di samping itu, pensyarah boleh meluangkan lebih banyak masa dalam pengajaran struktur harga dalam BC supaya pelajar Melayu dapat menguasainya sepenuhnya.

Walaubagaimanapun, terdapat juga kesilapan pembentukan frasa tarikh dalam BC berlaku dalam kalangan pelajar Melayu. Corak kesalahan frasa tarikh yang paling kerap adalah kesilapan *Hanyu Pinyin*. Misalnya, kesilapan penulisan *Hanyu Pinyin* bagi 星期三[xīngqī sān] ditulis sebagai [xīng cī sān] atau [xīng xī sān], yang bermakna hari Rabu. Ini disebabkan responden menggunakan cara sebutan fonetik BM dalam pembentukan frasa tarikh dalam BC. Di samping itu, responden tidak menguasai istilah hari Ahad dalam BC. Analisis menunjukkan responden menjawab hari Ahad 星期天 [xīngqī tiān] sebagai 星期七 [xīngqī qī] yang bermakna hari yang ketujuh. Ini adalah disebabkan struktur pembentukan BC dalam hari adalah “hari + angka”, tetapi hari Ahad 星期天

[xīngqī tiān] merupakan kekecualian dari struktur pembentukan frasa bagi hari dalam BC, maka ia tidak disebut sebagai 星期七[xīngqī qī] yang bermakna hari ketujuh dalam minggu.

Dari segi pembentukan frasa masa BC, didapati responden tidak menguasai kosa kata bagi “a.m.” atau “p.m.” dalam pernyataan waktu masa. Misalnya, kesilapan waktu “tengahari” 中午[zhōngwǔ] ditulis sebagai 晚上[wǎn shang] yang bermakna waktu “malam” bagi waktu masa yang dinyatakan dalam “p.m.”. Ini adalah disebabkan waktu “p.m.” mempunyai banyak kosa kata dalam BC seperti 中午[zhōngwǔ] “tengahari”, 下午[xiàwǔ] “petang” dan 晚上[wǎn shang] “malam” (Kan, 2007: 72). Sedangkan kosa kata bagi waktu masa dalam BC sama dengan BM, tetapi responden masih gagal membezakan waktu masa dalam BC. Walaupun terdapat persamaan kosa kata antara bahasa ibunda responden dengan BC tetapi tidak semestinya membawa pemindahan positif dalam pembelajaran BC sebagai bahasa asing dalam kalangan pelajar yang bukan natif. Ini disebabkan responden tidak menghafalkan kosa kata dalam frasa nombor.

Didapati responden tidak membezakan kosa kata “puluh sen” 毛[máo] dan “sen” 分[fēn] dalam pembentukan frasa harga. Ini disebabkan struktur frasa harga dalam BC berbeza dengan BM. Struktur frasa harga dalam BC ialah “angka+ ringgit+angka+puluh sen+sen”. Sebaliknya, struktur frasa harga dalam BM ialah “angka+ringgit+angka+sen”. Didapati unit “puluh sen” 毛[máo] dan “sen” 分[fēn] digunakan dalam struktur frasa harga dalam BC, tetapi struktur frasa harga dalam BM hanya melibatkan unit sen bagi nilai yang di belakang titik nombor. Di samping itu, pelajar Melayu tidak menguasai penggunaan kosa kata 零[líng] yang bermaksud kosong di nilai tempat yang bernilai sifar bagi frasa harga dalam BC.

Kajian ini telah mengesan tiga aspek kesukaran bagi pembelajaran frasa nombor BC dalam kalangan pelajar Melayu, iaitu (i) nombor yang bernilai besar sukar dikuasai, (ii) kosa kata dalam frasa nombor BC tidak dihafalkan, (iii) perbezaan mikro dalam

struktur frasa BC dan BM. Aspek kesukaran dalam pembelajaran frasa nombor BC di atas telah menyebabkan pelajar Melayu melakukan lima jenis corak kesalahan dalam frasa nombor BC, iaitu kesilapan angka, kesilapan *Hanyu Pinyin*, kesilapan kosa kata, kesilapan struktur dan ketinggalan kosa kata.

Ujian menunjukkan responden memberi jawapan yang tidak lengkap dalam pembentukan frasa nombor BC. Antara corak kesalahan pembentukan frasa nombor BC, didapati pelajar Melayu paling kerap ketinggalan kosa kata dalam jawapan ujian. Keadaan ini berlaku kerana terdapat perbezaan mikro antara struktur frasa nombor BC dengan struktur frasa nombor BM. Dari corak kesalahan pembentukan frasa nombor BC, didapati pelajar Melayu mengalami kekeliruan bagi empat kategori angka, iaitu (i) kesilapan angka antara 六 [liù] “angka 6” dengan 九 [jiù] “angka 9”, (ii) kesilapan angka 2 yang mempunyai dua sebutan, iaitu 二 [èr] dengan 两 [liǎng], (iii) kesilapan angka antara 零 [líng] “angka 0” dengan 两 [liǎng] dan (iv) kesilapan 四 [sì] “angka 4” dengan 十 [shí] “angka 10”.

Di samping itu, kesilapan penulisan *Hanyu Pinyin* telah mengakibatkan responden kehilangan markah dalam ujian. Analisis corak kesalahan pembentukan frasa nombor BC menunjukkan kesilapan penulisan *Hanyu Pinyin* adalah disebabkan pelajar Melayu memindahkan bahasa ibunda dalam pembentukan frasa nombor BC. Dari temubual ke atas kumpulan fokus mendapati pelajar Melayu mempunyai sikap tidak serius terhadap penulisan *Hanyu Pinyin*, maka responden melakukan kesilapan penulisan *Hanyu Pinyin* dalam ujian. Didapati pelajar Melayu juga tidak menghafalkan kosa kata bagi frasa nombor yang berkenaan topik tarikh, masa dan harga dalam BC. Ini telah mengakibatkan pelajar Melayu melakukan kesilapan kosa kata dalam ujian. Analisis corak kesalahan pembentukan frasa nombor BC menunjukkan pelajar Melayu juga melakukan kesilapan struktur. Dari jawapan ujian, didapati pelajar Melayu memindahkan struktur BM bagi pembentukan frasa masa dalam BC. Ini adalah

disebabkan pelajar Melayu dipengaruhi oleh bahasa ibunda dalam mempelajari frasa nombor BC.

Pelajar-pelajar Melayu memberi corak kesalahan pembentukan frasa nombor BC disebabkan faktor-faktor pengaruh. Faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar Melayu dalam mempelajari frasa nombor BC seperti pemindahan bahasa ibunda, motivasi, masa pembelajaran, sikap, minat, persekitaran dan pengajaran. Kesemua faktor-faktor pengaruh menunjukkan frekuensi yang berbeza dalam pembelajaran BC sebagai bahasa asing. Analisis soal selidik menunjukkan faktor pengajaran paling mempengaruhi pembelajaran BC sebagai bahasa asing dalam kalangan pelajar Melayu manakala faktor masa pembelajaran menunjukkan pengaruh yang paling rendah bagi pelajar Melayu mempelajari frasa nombor BC. Majoriti responden menyatakan bahawa mereka jelas tentang pengajaran pensyarah dan kaedah pengajaran pensyarah membantu mereka mempelajari BC. Sebaliknya, kebanyakan responden menggunakan masa yang pendek untuk mempelajari BC dalam seminggu. Ini disebabkan keupayaan pemahaman setiap pelajar adalah berbeza. Didapati pelajar yang cemerlang hanya menggunakan masa yang pendek untuk mempelajari frasa nombor BC manakala pelajar yang lemah tidak mengulangkaji dan mengakibatkan mereka gagal dalam ujian.

Di samping itu, kajian telah mengenalpastikan hubungan antara prestasi responden dengan faktor-faktor pengaruh dalam pembelajaran BC. Mengikut analisis korelasi menunjukkan hanya tiga faktor mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi ujian, iaitu faktor minat, persekitaran dan sikap. Implikasi daripada hasil kajian ini bahawa minat yang tinggi dapat meningkatkan prestasi responden. Di samping itu, persekitaran yang mempunyai suasana pembelajaran BC dapat meningkatkan prestasi ujian. Analisis korelasi menunjukkan sikap pembelajaran yang positif dapat meningkatkan prestasi pelajar.

Faktor-faktor yang lain seperti faktor pemindahan bahasa ibunda, motivasi, masa pembelajaran dan pengajaran mempunyai hubungan yang lemah dengan prestasi responden. Dapatan kajian ini agak tidak dijangkakan kerana terdapat banyak literatur yang mengatakan kesemua elemen ini mempunyai korelasi yang tinggi dengan pencapaian. Maka temubual telah dijalankan ke atas kumpulan fokus untuk mengkaji faktor-faktor ini secara mendalam. Didapati senario percanggahan pendapat berlaku dalam kalangan pelajar Melayu. Keadaan ini berlaku kemungkinan responden ingin menjaga air muka mereka, maka mereka memberi skor yang tinggi dalam menjawab soal selidik.

Hasil kajian ini telah memantapkan teori mengenai struktur pembentukan frasa nombor BC secara terperinci. Kajian dilakukan telah mengurangkan jurang antara teori penggunaan frasa nombor BC seperti penggunaann angka kosong 零[líng] , perbezaan angka 2 yang mempunyai dua sebutan 二[èr] dan 两[liǎng] dalam frasa nombor BC dan perbezaan mikro dalam struktur frasa nombor. Oleh itu, kajian ini dihasilkan untuk menambahbaikkan pembelajaran frasa nombor BC dalam kalangan pelajar Melayu.

Selain daripada itu, hasil kajian boleh menjadi sumber rujukan tambahan kepada pensyarah dalam pengajaran BC sebagai bahasa asing, terutamanya dalam pembelajaran frasa nombor BC. Pensyarah dapat mengenalpastikan jenis-jenis kesilapan frasa nombor BC yang dilakukan oleh pelajar Melayu dan mengesan faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar Melayu dalam pembelajaran frasa nombor BC. Dengan adanya hasil kajian, pensyarah boleh fokus kepada aspek kesukaran yang dihadapi oleh pelajar Melayu dalam pembelajaran frasa nombor BC dan seterusnya membimbing pelajar mempelajari frasa nombor BC dengan berkesan. Sehubungan itu, penguasaan frasa nombor BC dalam kalangan pelajar Melayu dapat ditingkatkan pada masa depan.

Temubual yang dijalankan ke atas kumpulan fokus membantu pensyarah memahami bahawa responden-responden mempunyai persepsi bahawa frasa nombor

BC adalah senang dan menganggap topik nombor tidak mempunyai cabaran. Hakikatnya, responden tidak menguasai frasa nombor BC dengan sepenuhnya. Walaupun frasa nombor dalam topik tarikh, masa dan harga merupakan pengetahuan yang asas sekali dalam pembelajaran BC sebagai bahasa asing, tetapi pandang rendah kepada perkara yang dianggap senang dan tidak mempunyai cabaran telah menyebabkan responden tidak berusaha sepenuhnya dalam pembelajaran BC.

6.3 Batasan Kajian

Kajian ini mengkaji dalam bidang Bahasa Cina sebagai bahasa asing. Dari segi skop kajian, kajian ini tertumpu pada pembentukan frasa-frasa BC yang melibatkan nombor yang terkandung dalam silibus *Mandarin For Beginners* (Chong, 2007) di UMP. Pelajar-pelajar mempelajari topik tarikh, masa dan harga selepas mempelajari angka-angka BC. Maka hanya tiga topik daripada sukatan kursus *Mandarin For Beginners* tersebut dikaji dalam penyelidikan ini. Faktor pemilihan frasa nombor BC adalah daripada pemerhatian awalan bahawa sesetengah pelajar Melayu tidak dapat menguasai frasa nombor BC secara sepenuhnya. Kajian ini tidak dapat merangkumi semua frasa BC yang melibatkan nombor seperti nilai perpuluhan, pecahan dan lain-lain. Pelajar-pelajar hanya mempelajari angka dalam kursus *Mandarin For Beginners*. Oleh itu, aspek-aspek linguistik yang dibincangkan dalam kajian ini adalah tidak menyeluruh.

Dari segi penyediaan soalan ujian, terdapat batasan soalan ujian dalam topik masa kerana responden dikehendaki menyatakan waktu masa dengan jam dalam soalan topik masa. Soalan disediakan untuk mengelakkan waktu masa yang tidak jelas dalam ujian. Ini disebabkan konsep frasa masa BC tidak jelas dalam pembahagian waktu masa bagi waktu pagi, tengahari, petang, senja dan malam (Yu, 2003:104-105). Masalah ketidakjelasan waktu masa dalam BC antara waktu pagi dengan tengahari dan waktu senja dengan malam. Misalnya, ada yang membahagikan waktu tengahari bermula dari

pukul 12:00 p.m. hingga pukul 1:59 p.m., tetapi ada yang mengirakan waktu tengahari bermula dari pukul 11:00 a.m. hingga 1:59 p.m. Contohnya, 11 a.m. boleh disebut sebagai 早上十一点[zǎoshang shí yī diǎn] yang bermaksud “pukul sebelas pagi” atau 中午十一点[zhōngwǔ shí yī diǎn] yang bermakna “pukul sebelas tengahari” (Ang & Ooi, 2004: 64). Maka terdapat kekeliruan dalam sebutan pukul 11:00 a.m dalam BC kerana ada yang menyatakan waktu pagi atau waktu tengahari pada pukul 11:00 a.m.. Selain itu, ketidakjelasan waktu senja dan malam dalam BC juga amat menggelirukan, seperti 7:00p.m. boleh disebutkan sebagai 傍晚七点[bàngwǎn qī diǎn] yang bermaksud “pukul tujuh waktu senja” atau 晚上七点[wǎnshang qī diǎn] yang bermakna “pukul tujuh malam” (Ang, & Ooi, 2004: 66). Selain itu, soalan berkenaan dengan topik masa disediakan dengan menyatakan waktu masa dalam “a.m” atau “p.m.”. Walaupun BM dan BC mempunyai kosa kata bagi konsep waktu masa, tetapi soalan disediakan berdasarkan silibus *Mandarin For Beginners* di UMP.

Berdasarkan jawapan ujian, pelajar-pelajar Melayu juga menghadapi masalah dalam menandakan nada dalam penulisan sebutan dengan sistem *Hanyu Pinyin*. Oleh itu, kajian ini hanya mengambil kira huruf *Hanyu Pinyin* yang ditulis oleh responden dalam ujian, tetapi tanda nada tidak akan diambil kira. Tanda nada merupakan garisan yang ditandakan di atas vokal bagi menunjukkan ketinggian nada (Zhang, 2002: 28). BC mempunyai empat tanda nada seperti jadual 6.1.

Jadual 6.1
Jenis-jenis tanda nada BC

Tanda nada	Keterangan
—	Tanda nada pertama
/	Tanda nada kedua
∨	Tanda nada ketiga
\	Tanda nada keempat

Tanda nada pertama / — / merupakan nada aras tinggi, tanda nada kedua / / ialah nada menaik, tanda nada yang ketiga / ∨ / menunjukkan nada keluk dan tanda nada yang

keempat / \ / merujuk kepada nada menurun. Angka BC yang ditanda dengan tanda nada pertama / - / merangkumi 一 [yī] “angka 1”, 三 [sān] “angka 3”, 七 [qī] “angka 7” dan 八 [bā] “angka 8”. Angka yang ditanda dengan tanda nada kedua / / adalah 零 [líng] “angka 0” dan 十 [shí] “angka 10”. Angka yang ditanda tanda nada yang ketiga / ▽ / meliputi 两 [liǎng] “angka 2”, 五 [wǔ] “angka 5” dan 九 [jiǔ] “angka 9”. Angka yang ditanda dengan tanda nada yang keempat / \ / adalah 二 [èr] “angka 2”, 四 [sì] “angka 4” dan 六 [liù] “angka 6”.

Selain itu, jawapan dalam topik harga juga diberikan batasan dalam sebutan “sen”. “Sen” mempunyai kosa kata yang berbeza dalam BC, iaitu 仙 [xiān], 毛 [máo] dan 角 [jiǎo]. Kosa kata 仙 [xiān] bermaksud “sen” dalam topik harga, manakala 毛 [máo] dan 角 [jiǎo] bermaksud “puluh sen” dalam BC. Kosa kata 仙 [xiān] adalah diterjemahkan dari sebutan “sen”. 毛 [máo] merupakan Kosa kata yang tidak formal untuk “puluh sen”, manakala Kosa kata yang formal adalah 角 [jiǎo] (Kan, 2007: 126). Namun begitu, jawapan diterima dalam kertas ujian adalah 毛 [máo]. Berdasarkan silibus kursus *Mandarin For Beginners*, 毛 [máo] biasanya digunakan untuk menggantikan 角 [jiǎo] dalam pertuturan BC (Chong, 2007: 31). Pemilihan penggunaan jawapan 毛 [máo] bagi mendefinisikan “puluh sen” dalam ujian adalah penting kerana objektif kursus *Mandarin For Beginners* menekankan kebolehan pelajar-pelajar bertutur BC dalam komunikasi harian.

Dari segi pemilihan responden kajian, hanya pelajar Melayu yang dari satu fakulti sahaja dipilih sebagai responden. Maka kajian ini tidak dapat merangkumi kesemua pelajar Melayu dari semua fakulti di UMP. Tempoh tahun pengajian pelajar tidak akan diambil kira kerana setiap fakulti menawarkan kursus BC kepada pelajar-pelajar pada tahun yang berbeza. Akan tetapi, kesemua responden adalah pelajar bukan natif dalam BC. Soal selidik dan ujian diberikan kepada responden selepas mereka

tamat kursus *Mandarin For Beginners*. Dianggap bahawa semua responden telah mendapat ilmu pengetahuan pembentukan frasa nombor dalam BC.

Dari segi dapatan kajian, data-data yang diperolehi hanya menggambarkan tahap penguasaan pelajar-pelajar Melayu pada tempoh tertentu sahaja. Ini disebabkan tempoh masa kajian ini bersifat jangka pendek. Oleh demikian, dapatan kajian tidak dapat digenerasikan kepada pelajar-pelajar Melayu yang mempelajari BC sebagai bahasa asing. Ia hanya boleh digunakan sebagai rujukan kepada kes-kes kajian tentang pembelajaran BC sebagai bahasa asing sahaja.

6.4 Cadangan

Seksyen ini memberikan cadangan-cadangan tentang polisi UMP (Seksyen 6.4.1), cadangan kepada pensyarah (Seksyen 6.4.2) dan cadangan kepada pelajar Melayu yang mengikuti kursus BC sebagai bahasa asing (Seksyen 6.4.3).

6.4.1 Polisi UMP

Dari analisis faktor-faktor pengaruh didapati setiap faktor saling mempengaruhi. Didapati usaha yang dicurahkan dalam pembelajaran oleh pelajar Melayu amat bergantung kepada pemberatan jam kredit kursus. Dari temubual yang dijalankan, kumpulan fokus menyatakan bahawa mereka lebih mengutamakan kursus teras yang mempunyai jam kredit yang lebih tinggi berbanding dengan kursus BC yang mempunyai 1 jam kredit sahaja. Ini selari dengan kajian Ghazali Yusri *et al.* (2010: 26), iaitu kursus bahasa yang mempunyai jam kredit yang kecil berbanding dengan subjek-subjek teras dan mempengaruhi sikap pelajar.

Dicadangkan polisi UMP meningkatkan jam kredit bagi kursus BC dari 1 jam kredit kepada 2 jam kredit. Masa pembelajaran dalam kelas yang mencukupi membolehkan pelajar mempraktikkan BC dalam kelas. Sehubungan itu, pelajar bukan

natif dapat menguasai BC dengan sentiasa mempratikkan BC. Pihak universiti harus menggalakkan pelajar-pelajar menguasai bahasa supaya dapat bersaing dalam pasaran global. Pihak universiti harus menekankan pembelajaran bahasa sama penting dengan kursus teras tetapi bukan menawarkan kursus bahasa untuk memenuhi syarat Kementerian Pengajian Tinggi sahaja.

Di samping itu, cara penilaian kursus telah mempengaruhi sikap pembelajaran BC dalam kalangan pelajar. Didapati responden mementingkan kursus teras yang dinilai dengan gred. Sebaliknya, majoriti pelajar Melayu mengabaikan *Mandarin For Beginners* kerana kursus BC dinilai dengan hadir lulus sahaja. Kumpulan fokus berpendapat bahawa penilaian kursus BC dalam hadir lulus tidak mempengaruhi CGPA mereka. Dari ulasan kumpulan fokus menunjukkan responden tidak mementingkan kursus BC yang dinilai dalam hadir lulus. Oleh itu, penilaian kursus BC dengan hadir lulus atau hadir gagal mempengaruhi sikap pelajar menjadi kurang serius dalam pembelajaran bahasa. Tambahan pula, markah kelulusan bagi *Mandarin For Beginners* adalah 40% mudah diperolehi oleh pelajar. Ini disebabkan pelajar boleh memperolehi markah kelulusan berdasarkan 4 jenis ujian, iaitu ujian lisan, ujian membaca, ujian pendengaran dan ujian menulis. Dicadangkan polisi UMP menggantikan penilaian kursus BC dari hadir lulus kepada gred. Menurut kumpulan fokus berpendapat bahawa penilaian BC dalam gred dapat mendorong pelajar Melayu belajar BC dengan bersungguh-sungguh.

6.4.2 Cadangan Kepada Pensyarah

Pensyarah harus memahami masalah penguasaan frasa nombor BC dalam kalangan pelajar. Kemudian pensyarah boleh meningkatkan kaedah pengajaran dengan menyatakan struktur frasa nombor BC kepada pelajar. Pensyarah juga boleh membandingkan struktur pembentukan frasa nombor BC dengan BM, terutamanya

perbezaan mikro antara frasa nombor BC dengan BM. Dari analisis pembentukan frasa nombor BC dalam kalangan pelajar, didapati majoriti pelajar ketinggalan kosa kata dalam pembentukan frasa nombor BC. Dicadangkan pensyarah menyenaraikan kosa kata yang digunakan dalam struktur frasa nombor BC. Ini dapat mengukuhkan ingatan pelajar Melayu tentang kosa kata yang digunakan dalam topik tarikh, masa dan harga.

Di samping itu, pensyarah boleh menjalankan aktiviti bahasa bagi meningkatkan minat pembelajaran frasa nombor BC dalam kalangan pelajar. Misalnya, aktiviti mempraktikkan frasa harga dengan katolog pasaraya boleh dilakukan dalam kelas BC. Ini dapat meningkatkan minat pembelajaran BC dan juga membantu pelajar menguasai frasa harga dalam BC. Selain itu, pensyarah boleh menanyakan soalan frasa nombor yang mudah kepada pelajar yang lebih lemah manakala soalan frasa nombor BC yang lebih bercabar ditanyakan kepada pelajar yang cemerlang. Sehubungan itu, kebolehan menjawab soalan dapat memotivasikan pelajar terus berusaha dalam pembelajaran BC dan juga dapat menjaga air muka pelajar.

Dari temubual didapati percanggahan pendapat berlaku dalam kalangan responden. Hal ini adalah disebabkan majoriti responden menganggap frasa nombor merupakan perkara yang asas dan tidak mengesan perbezaan struktur frasa nombor BC dengan BM. Dicadangkan pensyarah menyedari pelajar bahawa frasa nombor BC dengan BM mempunyai perbezaan mikro. Sekiranya pelajar tidak dapat menguasai frasa nombor BC, maka ia akan mempengaruhi mereka dalam pembelajaran BC pada tahap yang lebih tinggi. Dengan cadangan yang dinyatakan di atas, diharapkan kaedah pengajaran frasa nombor BC dapat meningkatkan penguasaan frasa nombor BC dalam kalangan pelajar.

6.4.3 Cadangan Kepada Pelajar Bukan Natif

Dari analisis faktor-faktor pengaruh, didapati masa pembelajaran BC dalam kalangan pelajar Melayu amat rendah, iaitu 2 jam seminggu sahaja. Masa pembelajaran yang rendah telah mempengaruhi prestasi pelajar. Dicapulkan pelajar merancang masa pembelajaran dengan bijak kerana mereka dikehendaki menghadiri kuliah, membuat tugas kursus, mengulangkaji, menyertai aktiviti Universiti dan sebagainya. Tambahan pula, pelajar perlu mempelajari banyak kursus dalam satu semester. Maka pelajar perlu menggunakan strategi pembelajaran yang sesuai dengan sendiri supaya belajar dengan berkesan.

Pembelajaran amat bergantung kepada sikap pelajar. Pelajar yang mempunyai sikap pembelajaran yang positif telah menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam ujian. Sebaliknya, kajian menunjukkan pelajar yang mempunyai sikap pembelajaran yang negatif mencapai prestasi yang lemah dalam ujian. Pelajar digalakkan menyiapkan tugas kursus dengan sendiri tetapi bukan meniru jawapan kawan atau plagiat dari internet. Sikap negatif ini tidak dapat membantu pelajar memahami topik pembelajaran kerana ilmu pengetahuan hanya dapat diperolehi menerusi usaha pembelajaran sendiri.

Dari temubual, didapati percanggahan persepsi berlaku dalam kalangan kumpulan fokus yang cemerlang dan kumpulan fokus yang lemah. Ini disebabkan mereka mempunyai persepsi yang tinggi terhadap kebolehan sebenar dalam penguasaan frasa nombor BC. Pelajar harus menyedari kebolehan dan menerima kelemahan sendiri dalam pembelajaran. Kemudian pelajar digalakkan meneruskan usaha dalam aspek kelemahan sendiri untuk meningkatkan pembelajaran sendiri.

6.5 Kajian Masa Depan

Untuk meningkatkan kajian tentang frasa nombor BC, beberapa cadangan kajian lanjutan boleh dilakukan pada masa depan. Kajian masa depan boleh dilakukan dengan menggantikan ujian bertulis kepada ujian lisan. Misalnya, pensyarah boleh menjalankan aktiviti membeli-belah dengan penggunaan BC. Ini dapat mewujudkan satu platform untuk pelajar-pelajar Melayu mempraktikkan frasa nombor BC. Dengan itu, penggunaan bahasa asing dalam keadaan sebenar dapat menunjukkan tahap penguasaan sebenar pelajar.

Dari temubual didapati kumpulan fokus yang cemerlang dan kumpulan fokus yang lemah mempunyai strategi pembelajaran yang berbeza dalam pembelajaran BC sebagai bahasa asing. Maka kajian lanjutan juga boleh mengkaji cara pembelajaran frasa nombor BC dalam kalangan pelajar Melayu. Ini dapat membantu pensyarah memahami cara pembelajaran dalam kalangan pelajar Melayu dan seterusnya meningkatkan pengajaran BC sebagai bahasa asing dengan berkesan.